

ANALISIS KEUNGGULAN KEPENGARANGAN
KUMPULAN PUISI MATAHARI ITU JAUH ROSLI K
MATARI MELALUI TEORI TEKSDEALISME

NURAKIKAFF BINTI ABU HASAN

C20A1625

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA PENGAJIAN WARISAN

KELANTAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ANALISIS KEUNGGULAN KEPENGARANGAN *KUMPULAN PUISI*

MATAHARI ITU JAUH ROSLI K MATARI MELALUI TEORI

TEKSDEALISME

NURAKIKAFF BINTI ABU HASAN

C20A1625

**TESISINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2024

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh..... sehingga.....



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

Alikaff

Tandatangan
Penyelia

Nurakikaff Binti Abu Hasan
C20A1625
Tarikh: 10/2/ 2024

Tandatangan

Dr Nordiana Binti Ab Jabar
Tarikh: 10/2/ 2024

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dengan nama Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Pertama sekali, saya Puji syukur kami panjatkan kehadirat Allah Subhanahu Wa Ta'ala atas limpahan rahmat, karunia dan karunia-Nya kerana memberi kekuatan, kesabaran dan semangat untuk menyiapkan projek ini. Dengan dia sudi, saya telah dapat menyiapkan Projek penyelidikan saya ini dalam masa yang ditetapkan.

Kedua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan dedikasi saya kepada penyelia saya Dr Nordiana Binti Ab Jabar atas penyeliaan, bimbingan dan nasihat untuk projek saya dari permulaan. Kerjasama yang diberikan oleh sesiapa yang terlibat dalam kajian saya terutamanya dari Falkuti teknologi kreatif dan warisan juga dihargai. Sebarang sokongan, bantuan, dan bimbingan berkenaan dengan pengetahuan mereka dalam pengajian adalah sangat berharga dantidak boleh dilupakan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan yang menyokong saya dan membantu mencerahkan idea dalam kajian projek penyelidikan saya.

Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga saya atas kasih sayang, sokongan, dan doa mereka. Tulus ikhlas kepada ibu dan ayah saya iaitu, Pn. Wan Lamiyah Binti Wan Sulaiman dan Encik Abu Hasan Bin Manaf sebagai sumber inspirasi saya.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua yang telah menyumbang secara langsung atau secara tidak langsung terhadap penyusunan tesis b dan semoga amal muhibah semua dirahmati Allah S.W.T.

JADUAL KANDUNGAN

| | |
|---|-------------|
| PENGESAHAN TESIS | I |
| PENGHARGAAN | II |
| JADUAL KANDUNGAN | III |
| ABTSRAK | VIII |
| ABSTRACT | IX |
| PENDAHULUAN | 2 |
| 1.1 Pengenalan | 2 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 4 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 2 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 2 |
| 1.5 Objektif Kajian | 2 |
| 1.6 Skop Kajian | 2 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 12 |
| 1.7.1 Kepentingan Terhadap Negara | 12 |
| 1.7.2 Kepentingan Terhadap Masyarakat | 12 |
| 1.7.3 Kepentingan Terhadap Individu | 13 |
| 1.8 Definisi Konsep | 13 |
| 1.8.1 Puisi | 14 |
| 1.8.2 Kepengarangan | 16 |
| 1.9 Kesimpulan | 18 |
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN | 21 |
| 2. 1 Pengenalan | 21 |
| 2.2 Kajian Lepas Mengenai Puisi | 22 |
| 2.2.1 Tesis | 22 |
| 2.3 Kajian Mengenai Keunggulan | 27 |
| 2.3.1 (Buku, Jurnal dan Laman sesawang) | 27 |
| 2.4 Kajian Lepas Mengenai Kepengarangan | 28 |
| 2.4.1 Tesis | 28 |
| 2.4.2 Artikel dan Jurnal | 31 |
| 2.4.3 Lain-lain (Majalah, seminar akhbar, laman sesawang) | 35 |
| 2.5 Kajian lepas mengenai Teori Teks dealisme | 36 |
| 2.5.1 Tesis | 36 |

| | |
|--|-----------|
| 2.5.2 Artikel dan Jurnal | 40 |
| 2.5.3 Lain-lain (Majalah, Akhbar, Laman Sesawang) | 40 |
| 2.6 Kesimpulan | 41 |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | 26 |
| 3.1 Pengenalan | 26 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 44 |
| 3.2.1 Dokumentasi | 40 |
| 3.3 Kaedah Pengumpulan Data | 40 |
| 3.3.1 Kaedah Kepustakaan | 40 |
| 3.3.2 Analisis Dokumen | 40 |
| 3.3.2.1 Kaedah Analisis Teks | 40 |
| 3.3.2.2 Kaedah Internet | 48 |
| 3.3.2.3 Artikel, Jurnal dan Buku | 49 |
| 3.3.2.4 Temu bual | 49 |
| 3.4 Penerapan Teori | 50 |
| 3.4.1 Pengenalan | 50 |
| 3.4.2 Teori Teks dealisme | 51 |
| 3.4.3 Prinsip-prinsip teori teks dealisme | 51 |
| Prinsip Kehadiran | 52 |
| Kerangka Teori | 57 |
| ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | 60 |
| 4.0 Perdahuluan | 60 |
| 4.2 Keunggulan Kepengarangan Rosli K Matari Melalui Tema Dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh. | 62 |
| 4.2.1 Tema Kenangan | 62 |
| 4.2.2 Tema Pengamatan | 71 |
| 4.2.3 Tema Pengalaman | 78 |
| 4.2.4 Tema Taakulan | 85 |
| 4.2 Keunggulan pengarang melalui puisi berdasarkan pendekatan pelanggaran dan pengukuhan | 93 |
| 4.2.1 Prinsip pelanggaran | 93 |
| 4.2.2 Pelanggaran tema | 95 |
| 4.2.3 Prinsip Pengukuhan | 99 |

| | |
|--|------------|
| 4.3 Keunggulan idealisme Rosli K Matari dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh | 106 |
| 4.3.1 Proses kreatif Kumpulan puisi Matahari Itu Jauh | 106 |
| 4.3.2 Pengalaman yang dilalui | 109 |
| 4.3.4 Sejarah Penulisan | 110 |
| BAB 5 | 112 |
| KESIMPULAN | 112 |
| 5.1 Pengenalan | 112 |
| 5.1 Rumusan | 115 |
| 5.2 Implikasi Kajian | 117 |
| 5.3 Cadangan Kajian | 120 |
| 5.3.1 Peranan Pengarang dalam Mem bentuk keunggulan kepengarangan | 120 |
| 5.3.2 Peranan terhadap sumbangan kreatif | 122 |
| 5.3.3 Peranan Kepada pengarang muda | 123 |
| 5.4 Kesimpulan | 124 |
| RUJUKAN | 127 |

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI JADUAL

| | |
|--|----|
| 1.1 Senarai puisi Kumpulan Matahari itu Jauh | 10 |
| 3.1 Senarai puisi Kumpulan Matahari itu Jauh | 45 |

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI RAJAH

| | | |
|-----|--|----|
| 3.3 | Teks Kumpulan Puisi Matahari itu Jauh | 48 |
| 3.4 | Kerangka Konsep | 59 |
| 4.2 | Senarai jumlah puisi yang terpilih berdasarkan tema pengamatan, kenangan, pengalaman dan taakulan menerusi karya kumpulan puisi Matahari itu Jauh Rosli K Matari | 92 |

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Analisis Keunggulan Kepengarangan *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh* Rosli K Matari Melalui Teori Teksdealisme

ABTSRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji serta mengenalpasti Keunggulan kepengarangan Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh Rosli K Matari melalui Teori Teksdealisme terhadap prinsip yang terkandung dalam teori tersebut. Kajian ini turut diaplikasikan oleh teori yang dipilih oleh pengkaji adalah Teori Teksdealisme. Tujuan pengkaji memilih teori tersebut adalah untuk mengkaji dan menganalisis Keunggulan idealisme pengarang dalam menghasilkan karya tersebut. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pengkaji telah mengenalpasti tema yang terdapat dalam Kumpulan Puisi Matahari itu jauh. Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh bahawa pengkaji menganalisis keunggulan pengarang melalui puisi berdasarkan pendekatan pelanggaran dan pengukuhan serta merumuskan keunggulan idealisme Rosli K Matari dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh dalam karya puisi tersebut. Hal ini, dengan maklumat dapatan kajian yang diperolehi daripada hasil kajian ini dapat membantu para pengkaji baharu untuk mengkaji lebih mendalam berkaitan dengan Keunggulan Kepengarangan dalam puisi tersebut. Dengan ini, diharapkan supaya kajian ini dapat dijadikan sebagai satu rujukan serta panduan kepada pengkaji pada masa hadapan.

Kata kunci: Kepengaranga, keunggulan, Pemikiran, Rosli K Matari, Teori Teksdealisme.

Analysis Of The Excellence Of The Authority Of The Poetry Group The Sun Is Far Rosli K Matari Through The Theory Of Text Dealisme

ABSTRACT

This study was conducted with the aim of examining and identifying the superiority of the authorship of Rosli K Matari's Itu Matahari Itu Jauh Poetry Group through the Theory of Textdealism against the principles contained in the theory. This study is also applied by the theory chosen by the researcher is Textdealism Theory. The purpose of the researcher choosing the theory is to study and analyze the excellence of the author's idealism in producing the work. The results of this study found that the researcher has identified the themes found in the Matahari Poetry Group. Therefore, based on the findings of the study that the researcher analyzed the superiority of the author through poetry based on the approach of violation and strengthening and summarized the excellence of Rosli K Matari's idealism in the Matahari Poetry Group That is far in the work of the poem. This, with the information of the research findings obtained from the results of this study can help new researchers to study more deeply related to the Excellence of Authorship in the poem. With this, it is hoped that this study can be used as a reference and guide for researchers in the future

Keywords: Authorship, excellence, Thinking, Rosli K Matari, Textualism Theory.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sastera adalah berasal dari bahasa Sanskrit iaitu Castra yang bermaksud kitab suci. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, Kesusasteraan adalah sebuah seni yang mempamerkan keindahan dengan bahasa iaitu seperti sajak, novel, syair dan sebagainya. Menurut Hashim Awang (1987) mengatakan kesusasteraan itu adalah ciptaan hasil seni yang disampaikan melalui bahasa yang terbahagi kepada sastera lisan iaitu sastera pertuturan dan sastera tulisan iaitu secara bertulis. Ismail Husein (1998) menyatakan bahawa sastera merupakan salah satu bidang seni kreatif yang menjadi sebagai medium pengantar ialah bahasa. Sastera juga merupakan alatan bagi eksperi bangsa Melayu yang sangat penting kerana di dalamnya terdapat karya mengenai sejarah, agama, hukum dan lain-lain. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia telah dijadikan sebagai bahan atau objek dalam membantu pengarang bagi memperkembangkan idea yang kreatif dalam kehidupan seharian untuk membentuk individu mahupun dalam kalangan masyarakat. Hal ini memberikan kesan positif terhadap penghasilan karya sastera yang menarik terhadap gambaran yang jelas berkenaan dengan kehidupan seharian yang dilakukan oleh manusia dan menjadikan pengarang lebih berwibawa dalam mencapai sebuah hasil yang membanggakan.

terhadap penghasilan sesebuah karya. Oleh itu, kebanyakkan golongan masyarakat pada hari ini telah menjadikan kumpulan puisi sebagai keperluan untuk mereka mengisi masa lapang.

Puisi merupakan salah satu genre sastera yang memiliki cabang yang luas yang membawa kepada perkembangan kesuasteraan Melayu. Pembangunan sesebuah penghasilan puisi amat sinonim dengan budaya masyarakat Melayu. Menerusi Kamus Dewan Edisi Kempat (2007) mendefinisikan bahawa makna puisi iaitu sebuah karya yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk antaranya iaitu sajak, syair, pantun dan sebagainya. Puisi ialah hasil daripada karya yang mempunyai rangkap yang terhad mengikut pembentukan yang tetap. Menerusi za'ba puisi adalah hasil karangan puisi yang mempunyai rangkap yang spesifik diterapkan bagi menjelaskan idea daripada pemikiran yang berilmu dan memanifestasikan karya yang bermutu dengan penerapan keunggulan bahasa di dalam penghasilan karya. Puisi dapat dijelaskan menerusi pandangan tokoh dari A. Halim Ali (2006) iaitu sebuah hasil kreativiti dalam kepengarangan penulisan yang membawa kepada hasil kesenian karya puisi mekanisme untuk menjaga dan mengekalkan adat yang memberikan impak kepada aspek pengajaran, agama, kepercayaan dan pembentukan sahsiah. Namun begitu, puisi ini mempunyai perananya yang tersendiri merangkumi aspek masyarakat sekaligus menjadi salah satu medium untuk menterjemahkan pemikiran dalam bentuk penggunaan bahasa yang indah dan nilai yang ingin disampaikan kepada masyarakat.

Kajian ini adalah mengenai keunggulan kepengarangan dalam Kumpulan puisi Matahari itu jauh karya Rosli K. Matari melalui teori tekdealisme berdasarkan empat prinsip yang terdapat dalam teori teksdealisme iaitu Prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Ruang lingkup kajian ini adalah meliputi segi keunggulan kepengarangan yang terdapat dalam setiap puisi yang

dihasilkan. Setiap pengarang mempunyai cara bentuk yang berbeza dalam menghasilkan sebuah karya dengan unggul. Perbezaan pandangan ini dilihat dari karya yang dihasilkannya. Hal ini dapat dilihat dari temanya, Setiap karya yang dihasilkan pastinya untuk hiburan dan keselesaan bagi para pembaca. Bahasa yang digunakan oleh pengarang adalah berbeza kerana proses penyampaian kepenggarangan itu tidak sama. Selain itu, sudah pastinya pengarang memasukkan nilai-nilai yang bermanfaat yang dapat menjadikan pedoman kepada para pembaca. Kumpuan puisi Matahari itu jauh adalah mengisahkan tentang perjalanan kehidupan seorang pengarang dalam mencari kenangan, pengalaman dan pengamatan berdasarkan penghijrahan beliau di suatu tempat yang dikenali Sumatera Utara. Perjalannnya di selantan tengah iaitu Indonesia, daei kota medan, lewat Kabanjahe, Sibolangit, Brastagi, Sipiso-piso dan Danau-Toba. Moral yang disampaikan dalam setiap puisi yang dihasilkan mempunyai banyak erti yang bersesuaian dari pelbagai sudut pandagan yang berbeza

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada Era kemerdekaan sehingga pada hari ini, sistem Pendidikan terus menjadi wadah yang utama dalam memenuhi tuntutan semasa dan akan datang pada pembangunan bangsa dan negara. Dengan perubahan global dan sekitar adalah dasar Pendidikan yang mantap dan mempunyai ketahanan dalam bidang Pendidikan yang berubah-ubah. Perubahan dan perkembangan ini dianjurkan oleh kemajuan teknologi dan kemodenan sains yang mempengaruhi aspek kehidupan yang baru dengan tiada sempadan. Kesannya terhadap pembelajaran tentang bidang kesusasteraan menjadi runcing akibat rentetang perubahan global yang semakin serius dan pengetahuan

tentang sastera juga berkurangan dikalangan pelajar pada zaman kini. Dengan itu,pada zaman ini banyak diperlihatkan bahawa dunia Pendidikan mengalami perubahan yang meningkat dengan timbulnya kemasukan ilmu sains dan teknologi kini yang menjadi kekurangan dalam kalangan pelajar. Namun begitu,dengan adanya pembentukan induvidu yang mempunyai unsur yang material dan spiritual yang seimbang dalam bidang kesusasteraan Melayu dapat diberikan dan diajar kepada kalangan pelajar di pringkat sekolah. Dengan itu wujudnya bidang kesusasteraan ini mampu membuka minda pelajar dalam mendalami dan mempelajari tentang puisi-puisi Melayu dalam diri mereka. Rosli K Matari antara penyair garis depan angkatan 80-an Malaysia. Pernah memenangi Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1988/1989 hadiah utama dalam hadiah Sastera Utusan Melayu -Public Bank 1990, 1992, 1993 serta hadiah perhargaan pada tahun 1995, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan -ExxonMobil 2011, Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2010/2011. Nama penuh Rosli K Matari Bin Mat, Beliau dilahirkan pada 5 April 1961 di Kubang Kerian, Kota Bharu Kelantan.

Penelitian terhadap kajian ini adalah untuk melihat kepengarangan Rosli K Matari dalam kumpulan puisi iaitu Matahari Itu Jauh, kajian ini akan membawa penelitian terlebih dahulu tentang sasterawan Rosli K Matari yang merupakan pengarang yang menghasilkan puisi-puisi tentang pengalaman hidup yang dicipta olehnya. Kajian ini juga Rosli K Matari merupakan penyair yang terpenting bagi negara dari angkatan 80-an dan menjadi penerima ke 43 SEA Write Award dari Malaysia. Ia mempunyai daya pemikiran yang kritis terhadap penulisan, puisi dan lain-lain. Rosli K Matari merupakan seorang sasterawan Kelantan yang kreatif, bijak membeikan gambaran tentang kehidupan yang mencerminkan kehidupan masyarakat dan mempunyai nilai dalam penulisan karya beliau Dalam kajian ini menggunakan kumpulan puisi Matahari Itu Jauh karya Rosli K Matahari. Terdapat sejumlah 56 buah

puisi yang terdapat dalam karya ini hasil daripada pengalaman, kenangan, pengamatan dan taakulan beliau semasa berkunjung ke Sumatera Utara dan provinsi tengahnya, Indonesia pada hujung tahun 2014. Karya-karya beliau sememangnya telah mengangkat beliau sebagai sasterawan Kelantan dan penulis puisi yang hebat sehingga ke tahap yang memberikan kebanggaan terhadap karya-karya yang ciptanya. Menerusi puisi yang dihasilnya beliau berkaitan dengan kehidupan dan perjalanan beliau. Puisi beliau ditubuh pada 2015 iaitu *Kumpulan Matahari Itu Jauh Kehebatan* beliau dalam penghasilan puisi memang tidak dapat ditanding, Namun begitu pengkaji ingin mengetepikan kehebatannya seketika sebagai pengarang karya – karya puisi. Hal ini demikian kerana ingin menerokai sudut yang lain diperolehi dari pengarang hebat ini.

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan yang dikaitkan dengan kajian ini adalah menyentuh kepada berkenaan dengan kurangnya kajian tentang karya kepengarangan Rosli K Matari dalam dalam kehidupan masyarakat. Menerusi Kamus Dewan (2010:677) adalah menyatakan tentang pengarang. Menjurus kepada kepengarangan Rosli K Matari dapat dilihat terhadap penulisan puisi-puisinya adalah berkenaan dengan dirinya yang jarang dikaji oleh para pengkaji. Oleh itu, kajian ini ingin membahaskan berkenaan dengan keunggulan kepengarangan pengarang dalam meningkatkan kajian dalam kehidupan terhadap puisi khususnya kepengarangan Rosli K Matari dalam puisi-puisi pengalamannya yang merantau ke Sumatera Utara. Hal ini demikian kerana, Masyarakat yang kurang pendedahan untuk mengambil tahu dan pengetahuan terhadap karya sasterawan negara hussy karya Rosli K Matari serta masyarakat

yang kurang mengambil tahu dan mengkaji tentang karya-karya yang telah dihasilkan oleh Rosli K Matari terhadap keunggulan kepengarangan yang dihasilkan dalam karya beliau.

Selain itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengangkat karya-karya sasterawan Negeri Kelantan iaitu Rosli K. Matari. Saya merupakan anak kelahiran Kelantan yang ingin mengambil pelbagai ilmu pengetahuan dan pengajaran daripada sasterawan Rosli K Matari. Dengan terhasilnya kajian ini sedikit sebanyak dapat mengenali Encik Rosli K.Matari dan dapat mengambil pelbagai manfaat daripada beliau. Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa keunggulan kepengarangan yang terdapat dalam kajian yang bertajuk Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh berdasarkan kajian teks dalam kumpulan puisi ini perlu diketengahkan bagi mendapatkan perhatian daripada semua golongan masyarakat. Segala pengalaman yang telah disampaikan oleh pengarang berdasarkan Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh merupakan cerminan hidup yang dilalui oleh pengarang.

Tuntasnya, dalam membahaskan kritikan tentang teksdealisme yang diasaskan oleh Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana), yang merupakan bekas pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Yang mana merujuk kepada contoh penceritaan tentang kepengarangan dalam menghasilkan penulisan yang baik dan unggul. Menerusi usahanya menghasilkan sebuah teks yang unggul, seseorang pengarang itu harus memiliki sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan. Keberanian membawa erti usaha berani dalam mengemukakan kepada khalayak satu idea dan pemikiran baru. Teks-teks yang yang dihasilkan tidak akan berjaya untuk sampai ke taraf yang unggul jika sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan tidak dimiliki seseorang pengarang. Sebaliknya, teks-

teks yang dihasilkan itu hanya akan bergerak dalam lingkungan tradisinya dan dianggap sebagai teks-teks yang biasa sahaja.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian bagi melaksanakan kajian tentang keunggulan kepengarangan Kumpulan Puisi Matahari itu Jauh Rosli K Matari.

- 1.4.1 Apakah tema dalam Kumpulan puisi Matahari itu jauh Rosli K Matari.
- 1.4.2 Bagaimanakah keunggulan pengarang dapat dilihat melalui pendekatan pelanggaran dan pengukuhan.
- 1.4.3 Bagaimana merumuskan keunggulan idealisme Rosli K Matari dalam *Kumpulan Puisi Matari itu jauh.*

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk mengkaji keunggulan kepengarangan *Kumpulan puisi Matahari itu Jauh Rosli K Matari*. Melalui penelitian teori Teksdealisme. Kajian ini secara dasarnya membincangkan tiga objektif kajian seperti berikut:

- 1.5.1 Mengenal pasti tema dalam *Kumpulan puisi Matahari itu jauh Rosli K Matari*.
- 1.5.2 Menganalisis keunggulan pengarang melalui puisi berdasarkan pendekatan pelanggaran dan pengukuhan.
- 1.5.3 Merumuskan keunggulan idealisme Rosli K Matari dalam *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh*.

1.6 Skop Kajian

Skop bagi kajian ini hanya memfokuskan kepada keunggulan kepengarangan yang terdapat dalam Teks *Kumpulan puisi Matahari itu Jauh* oleh Rosli K Matari yang diterbit pada 2015 dan pengkaji memilih 15 puisi sebagai analisis untuk dijalankan penyelidikan ini. Buku Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh diterbitkan oleh Institusi Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).

Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa skop kajian untuk menjayakan kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk melihat keunggulan kepengarangan yang terdapat dalam Teks *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh* karya Rosli K Matari dengan menggunakan kaedah Teori Teksdealisme. Maka, terdapat sebanyak 15 puisi yang telah dipilih untuk kajian ini iaitu:

| B I L | SUB TOPIK | TAJUK PUISI | MUKA SURAT |
|-------------|-------------|---|-----------------|
| 1 | Ufuk timur | • Wahai Matahari • Dunia ini panjang, jauh | 6 8 |
| 2 | Medan | • Selamat Bertemu • Sudut lain | 13 19 |
| 3 | Si Bolangit | • Petang | 45 |
| 4 | Kabanjahe | • Mereka Menyahut azan • Saat Terakhir | 52 58 |
| 5 | Sepiso-piso | • Gunungakan menggelongsor • Matahari Itu Jauh • Mungkin | 87 89 92 |
| 6 | Danau Toba | • Bertemu Danau ini • Danau Berkirim Salam • Tinggallah | 96 99 102 |
| 7 | Ufuk Barat | • Selamat tinggal, Indonesia • Terhenti Sejenak | 105 111 |

Jadual 1.1: Senarai puisi *Kumpulan Matahari Itu Jauh*

Kajian ini juga akan memfokuskan kepada beberapa puisi yang dipilih yang terdapat dalam kumpulan puisi Matahari Itu Jauh tersebut untuk melihat keunggulan kepengarangan karya Rosli K Matari dalam memenuhi objektif kajian yang dijalankan iaitu Keunggulan kepengarangan. Kajian ini menjuruskan kepada penggunaan kaedah kualitatif melalui kepustakaan dan analisis teks. Kajian yang dijalankan selari dengan penggunaan kaedah ini iaitu pencarian maklumat yang berkenaan dengan menggunakan bahan bacaan seperti tesis, buku, artikel, jurnal, dan sebagainya. Menerusi pencarian maklumat ini penting bagi menghasilkan kajian yang sempurna dan penerapan teori teksdealisme ini dapat diolah dengan baik dengan melihat keunggulan kepengarangan yang terdapat dalam *Kumpulan puisi Matahari Itu Jauh* karya Rosli K Matari bagi mengupas segala masalah yang terkandung dalam kumpulan puisi Matahari Itu Jauh agar boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada masyarakat di negara dan pada masa akan akan datang. Kajian ini menggunakan teori Teksdealisme yang memfokuskan kepada empat prinsip iaitu Prinsip Kehadiran,Prinsip Pelanggaran Prinsip Pengukuhan Prinsip Individualisme. Teori Teksdealisme diasaskan oleh Abdul Rahman Napiah atau lebih dikenali sebagai Mana Sikana yang merupakan aktif dalam bidang Kesusastraan Melayu. Menjelaskan bahawa teori ini adalah usaha menginterpretasi secara analitis dan kritis terhadap sebuah karya sastera dan mengangkat karya sebagai puncak idealisme. Terdapat empat prinsip teori teksdealisme iaitu:

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dijalankan adalah untuk penelitian sejauh mamakah karya Rosli K Matari iaitu dengan *Kumpulan puisi Matahari Itu Jauh* dapat berperanan terhadap Masyarakat. Kajian ini berperanan bagi mendidik, mengajar, mengritik dan menjadi bahan untuk berfikir kepada masyarakat, individu dan pengarang.

1.7.1 Kepentingan Terhadap Negara

Kajian dijalankan adalah untuk menyebarkan kepentingan kepada masyarakat di luar sana agar mengetahui tentang kewujudan kajian yang dijalankan ini. Pihak yang bertanggungjawab haruslah sentiasa meningkatkan jalur komuniti untuk menambahkan nilai pembacaan kepada negara dan masyarakat supaya mereka mengetahui akan kepelbagaiannya kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang wujud di Malaysia. Hal ini demikian termasuk juga dengan kajian yang telah dilakukan pengkaji untuk mendedahkan maklumat dan data yang akan dilaksanakan untuk membantu masyarakat dan negara untuk mencapai pembangunan daripada aspek ilmuan terhadap bahasa.

1.7.2 Kepentingan Terhadap Masyarakat

Hasil kajian seterusnya ialah berperanan kepada masyarakat dalam memberikan pemahaman yang jelas terhadap keunggulan kepengarangan Rosli K Matari. Merujuk kepada kajian ini, pengkaji dapat menggariskan kepentingan hasil kajian ini kepada masyarakat melalui pengajaran yang terdapat dalam karya.

Pengajaran yang dinyatakan adalah untuk melihat kepengarangan Rosli K Matari yang menuliskan tentang pengalaman, perjalanan kehidupannya Di Sumatera utara. Kepengarangan Rosli K Matari yang menceritakan tentang pengolatan dan pengalaman tersebut dapat dijadikan sebagai teladan dan penjajaran serta panduan kepada masyarakat dalam menghayati kehidupan.

1.7.3 Kepentingan Terhadap Individu

Hasil kajian akan menambah ilmu pengetahuan setiap individu tersebut dalam kepemgarangan karya sasterawan Rosli K Matari dengan lebih mendalam. Kepengarangan secara amnya, terbahagi kepada dua iaitu intrinsik (dalaman) dan ekstrinsik (luaran). Berdasarkan kajian ini sesorang individu dapat menghayati dan memahami sesuatu karya tersebut dengan lebih jelas dan baik. Hal ini kerana ia bukan sahaja fokus kepengarangan pada karya sahaja tetapi ia juga memerlukan kemahiran pengarang dalam menghasilkan sebuah karya yang unggul bagi menarik khalayak terhadap karya tersebut. Oleh hal itu, melalui penelitian terhadap kepengarangan dalam kumpulan puisi ini individu dapat menghayati karya itu dengan lebih baik dan berkesan.

1.8 Definisi Konsep

Kajian ini telah menggunakan banyak langkah untuk menggambarkan definisi kajian dan Pengkaji membincangkan setiap frasa untuk memberikan penjelasan yang mendalam tentang kajian teks yang dijalankan,Perkataan berikut digunakan dalam kajian ini:

1.8.1 Puisi

Kajian yang dijalankan oleh Herman Wijaya, Lalu Mas'ud dan Molh Irfan (2020) yang bertajuk Analisis linguistik struktur dalaman dan fizikal puisi “*Fajar: Masa untuk Gagak Aya untuk Meraikan*”. Kajian ini dilakukan bertujuan menerangkan struktur dalaman dan fizikal puisi. Analisis struktur dalaman dan fizikal puisi: Ahmad Nasrullah menggunakan ayam jantan kajian struktur untuk menjelaskan masa. Kajian ini menggunakan kaedah deskripsi kualitatif dan bersumberkan kamus yang mengandungi unsur struktur dalaman dan fizikal Mazmur Subuh: Waktu Diyayangan Kokok Ayam. Dalam kajian ini menggunakan teknik pengumplan data berdasarkan sorotan kajian lepas.

Selain itu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Farah Eka Rahmadini, Maryatin dan Ari Musdolifah (2018) yang bertajuk Kajian Semiotika Pada Kumpulan Puisi Karya Mahasiswa Semester V Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia Angkatan Tahun 2014. Kajian yang dijalankan adalah berkaitan penggunaan pendekatan semiotik melalui model Ferdinand De Saussure. Penelitian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tanda-tanda semiotik. Hasilnya, kajian yang dijalankan ini mendapati puisi mempunyai bentuk makna yang membezakan bentuk penanda dan petanda. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kajian secara pembacaan dan menggunakan teknik heuristik dan hermeneutik.

Puisi merupakan sebuah prosa moden yang mana berbentuk untuk mentafsirkan seseorang dengan bahasa yang indah. Penyampaian bahasa dalam puisi mempunyai gaya bahasa seperti asonasi, aliterasi, metafora, personifikasi dan lain-lain lagi. Perkara ini sebenarnya memberikan nilai keindahan dalam penyampaian puisi.

Menurut Kokasih (2012), puisi adalah satu bentuk karya sastera yang menggunakan kata-kata yang indah dan kaya yang kosong tetapi sebaliknya mempunyai pelbagai makna yang dapat dikecapi oleh pembaca sama ada makna tersurat ataupun makna yang tersirat. Sekirannya pembaca dapat memahami puisi tersebut semestinya ia mampu memberikan kesan yang baik kepada pembaca yang sedang mencari sinar untuk mendapatkan cahaya dalam kehidupan. Puisi merangkumi suasana yang dapat dibayangkan melalui kata-kata yang digunakan oleh penyair dengan adanya idea, ideologi, atau falsafah. Puisi juga merupakan genre yang dianggap sukar untuk difahami dari aspek gaya bahasa yang digunakan terhadap penulisannya.

Anis Sabirin (1973) juga mengatakan bahawa puisi dan bahasa sebenarnya mempunyai hubungan rapat. Hubungan ini juga menghasilkan sebuah puisi itu dibentuk daripada susunan bahasa yang bukan sahaja bertujuan untuk menghasilkan bunyi yang menarik tetapi juga untuk menyampaikan sesuatu amanat dengan lebih bermakna dan bijaksana. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa puisi merupakan sesuatu hal yang diperlukan dalam ruangan minda anak muda pada masa ini kerana ianya dapat menjentik jiwa yang berdarah muda untuk mencintai bahasa dan menerapkan unsur didatik yang terkandung dalam puisi untuk menjadi santapan rohani.

Seterusnya, Menurut Aminuddin (2009) menyatakan definisi bahawa puisi sebagai membuat atau perbuatan adalah kerana pada dasarnya setiap orang yang menghasilkan puisi telah menciptakan dunia dengan suasana sendiri, dari segi baiknya mental atau fizikal. Secara keseluruhan bahawa setiap orang yang tergolong dalam dunia penghasilan puisi merupakan seseorang yang berfikiran terbuka dan cakna terhadap nilai estetika dalam bahasa. Golongan ini mempunyai sifat yang peka terhadap persekitaran sekelilingnya dan diadaptasi dalam penulisan puisi dengan

memberikan ruang kepada diri sendiri untuk bebas bersendirian iaitu dalam kata lain golongan yang mencipta dunia sendiri supaya mempu menghasilkan puisi mempunyai nyawa untuk tatapan dan renungan masyarakat.

1.8.2 Kepengarangan

Kepengarangan merupakan suatu hal yang pasti wujud dalam karya sastera. Hal ini kepengarangan akan seiring dengan pengarang yang menghasilkan karya misalnya, Seperti sajak yang merupakan karya mempunyai penulis. Kepengarangan adalah sesuatu perihal yang berkaitan dengan pengarang. Menjurus kepada kepengarangan Rosli K Matari dapat dilihat penulisan dalam sajak-sajak pengalaman hidup adalah berkenaan tentang dirinya berdasarkan pengalaman yang dialami dan keadaan sekelilingnya. Kepengarangan juga merujuk kepada cara pengarang mempunyai idea, pemikiran dalam sebuah karya sastera seperti sajak melalui bahasa dan mempunyai nilai keindahan (Vera Soraya Putri, 2018). Mengkaji tentang kepengarangan seolah-olah mengkaji setiap hal yang ada pada diri seorang pengarang seperti latar belakang, ketokohan dan pencapaian, serta karya-karya yang dihasilkan. Penelitian kepengarangan ini juga merupakan proses kreatif seseorang pengarang dalam menghasilkan karya mereka.

Menurut Mortan Kaplan dan Robert Klos (1973), sesebuah karya tercipta melalui luahan hasil imaginasi dan fantasi pengarang mempunyai jiwa yang memendam segala rasa yang apabila ia dilontarkan akan menjadi indah sehingga mampu mengharumkan bahasa sebagai bait-bait yang membentuk manfaat kepada khalayak. Pengalaman hidup pengarang merupakan aspek penting yang mencorakkan

jalan cerita dalam kepengarangan nya. Berdasarkan pengalaman jugalah yang membezakan seorang pengarang dengan pengarang yang lain. Justeru pengalaman pengarang dibezakan dengan aspek tempat, latar, dan waktu itulah yang akan membezakan dan mewarnakan jalan cerita menjadi karya yang berbeza dan menarik untuk diketahui.

Seterusnya, Siti Hawa Munji dan Ma'rof (1990) menyatakan bahawa elemen-elemen personaliti pengarang adalah yang berkaitan dengan daya fikir, emosi, fobio, kebolehan, tingkah laku, kebiasaan, nilai, watak yang ada dalam diri. Hal ini memperlihat bahawa pengarang mampu bertindak balas dengan persekitarannya dalam mencorakkan kepengarangan. Menerusi kajian Rosli K Matari meneliti karya-karya yang berunsurkan pengalaman hidup yang dilalui menggunakan daya fikir dan kebolehan dalam menulis berdasarkan tingkah laku yang telah berlaku dalam kehidupannya dengan menerapkan nilai yang mampu menghubungkan karya dengan khayalak pembaca. Justeru itu, dalam kajian ini juga ia menerokai makna kepengarangan. Hal-hal yang berkaitan dengan diri pengarang itu sendiri. Menurut Ghazali (2013), pengarang telah menceritakan pengalaman hidupnya melalui proses kreatif secara terancang mahuun tidak terancang untuk membentuk sebuah karya yang unggul dan hebat. Oleh itu, kepengarangan adalah dari pengalaman pengarang sendiri dalam menghasilkan sesuatu karya.

Zamri Mohamad (2009), menyatakan bahawa penulisan yang baik bukan kerana wang sahaja, pengarang seharusnya menulis cara kepada pembaca mengenai sesuatu perkara. Pengetahuan pengarang berkembang melalui aktiviti berkarya diri semasa dan mampu menjelaskan dari sudut pandang penulis terhadap genre dan bidang yang diceburi oleh mereka. Justeru itu, Pengarang yang dibentuk melalui panduan atau kursus bersistematik pula kebiasaannya mereka yang mempunyai Pendidikan tinggi

dari lepasan universiti. Menerusi cara pengajarannya pula dilakukan oleh tenaga akademik yang mahir dalam membentuk seseorang menjadi pengarang yang berupaya melahirkan karya yang bermutu dan berkualiti, Walaubagaimanapun, sebelum seseorang mampu menghasilkan penulisan yang baik kebiasaananya karya mereka akan harus dikritik bagi memantapkan penulisan tersebut.

Mohd Sidin Ahmad Ishak (1999) juga berpendapat bahawa penulis yang baik mampu berfikir tentang idea-idea yang ingin ditulis, menyusun idea-idea tersebut dan menyampaikannya kepada pembaca dengan butiran-butiran yang minimun. Terdapat beberapa pandangan yang dikemukakan oleh pengarang yang dinyatakan sebelum ini turut disokong oleh pengarang barat antara iaitu Susan R. Horton (1982) yang menyatakan bahawa penulisan yang baik mempunyai hubungan sesuatu dengan cara menarik dan menyakinkan. Menulis dengan lebih baik berhubungan rapat dengan sikap dan pemahaman yang mana pemahaman tentang cara menghasilkan sesuatu permainan tersebut. Selain itu juga Susan R. Horton menambah bahawa sebahagian sikap penulis yang baik ialah kesanggupannya menanggung risiko bagi menyatakan sesuatu yang baru. Ia juga sanggup untuk berjuang dengan idea untuk menghasilkan sesuatu idea serta penulisan yang baik.

1.9 Kesimpulan

Keseluruhannya, Kumpulan puisi Matahari itu jauh, dapat dilihat melalui hubungan dan kepentingan elemen yang berkomunikasi dalam penghasilan karya. Disebabkan karya yang kreatif dicipta dalam menyampaikan mesej kepada para pembaca, Dalam aspek ini kepenggarangan adalah faktor yang utama dalam

menyampaikan mesej dalam mendidik, membuka minda untuk berfikir dengan bertamadun yang dapat memajukan bangsa melayu. Kajian ini amat penting untuk membantu dalam meningkatkan penyusunan kajian ini. Teks karya yang dicipta adalah dari rasa isi hati dan mempunyai sifat yang ingin diberitahu mesej-mesej kepada semua masyarakat dengan menggunakan sifat yang berkomunikatif untuk para pembaca lebih memahami dengan mendalam. Pelaksanaan terhadap Keunggulan kepengarangan dalam segi pengetahuan dan Pendidikan kesusasteraan melayu adalah memberikan sifat yang rasional untuk memberikan Pendidikan yang seimbang bagi melahirkan generasi yang akan menjadi pewaris dalam bidang kesusasteraan pada masa yang akan datang. Dengan itu, pengarang mestilah menjaga penggunaan Bahasa dalam penghasilan karya tersebut. Maka, pengarang bukan sahaja perlu mempunyai asas-asas dalam pengetahuan tentang ilmu kesusasteraan Bahasa yang tegap tetapi ia juga memerlukan ilmu-ilmu pengetahuan yang lain juga seperti kebudayaan dan kesusasteraan dalam membantu menghasilkan karya yang unggul dan bermanfaat kepada pembaca untuk dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan.

Karya puisi yang mempunyai sifat yang komunikatif dapat menarik minat pembaca untuk lebih fokus dalam menghayati puisi tersebut dengan kata-kata yang puitis dan estetika yang dapat memberikan kesan yang Panjang terhadap pemikiran pembaca. Dengan itu, Etetika dan falsafah yang digunakan dalam sesbuah karya bukan sahaja terlahir dari segi pemikiran tetapi juga ia menanam unsur kejiwaan dalam diri pengarang sehingga lahirnya karya yang unsur kejiwaan yang mempunyai personaliti yang positif kepada kalangan masyarakat dan pembaca. Hal ini bermaksud, ia amat penting untuk mencapai matlamat kepengaragan dalam menyampaikan mesej dan cara komunikasi pengarang dengan pembaca supaya para pembaca mendapat faedah dari teks yang beliau baca.

Hasrat kepengarangan yang ingin dicapai melalui kumpulan puisi Matahari itu jauh, adalah untuk membentuk insan yang seimbang dan bersepada dari segi rohani, intelek, jasmani dan emosi. Karya yang tersentuh hati dan mempunyai pemikiran yang baik dengan falsafah yang ada dalam karya dengan persembahan dengan gaya Bahasa yang indah dan estetika. Pengarang adalah merupakan pemimpin kepada masyarakat dan pembaca dalam menghasilkan karya yang memberikan manfaat kepada pembaca. Selain itu juga, mampu melahirkan bangsa yang berfikiran tinggi, menghargai tamadunan terhadap puisi yang dihasilkan serta mencintai. Karya yang hebat adalah mempunyai pemikiran, falsafah ,estetika dan ketaakulan dapat melahirkan masyarakat yang bersahsiah. Dalam hal ini pengarang Rosli K matari mempunyai sifat-sifat yang sedemikian dan mempunyai kehebatan yang tersendiri yang mampu melahirkan karya-karya yang berunsurkan manfaat untuk dijadikan pengajaran dan panduan kepada masyarakat diluar sana untuk lebih berfikiran yang terbuka. Rosli K Matari adalah penyair dan seniman pemikir yang berintektual dalam perjalanan beliau bagi menghasilkan karya-karya yang kreatif dengan penerokaannya, pengalaman, menjajarkan kenangan, pengamatan berdasarkan kunjungan perjalanannya di Sumatera Utara. Puisi yang dihasilkan oleh Rosli K Matari mempunyai komunikasi yang tinggi dalam kalangan pembaca, dengan unsur Kealaman, kemasyarakatan dan kehidupan. Pengarang seperti ini akan sentiasa berkomunikasi sama ada dengan lis an atau teks supaya mesej yang disampaikan tercapai kepada pembaca dan masyarakat.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkam mengenai kajian yang dilakukan oleh pengkaji berdasarkan tajuk kajiannya iaitu melihat Keunggulan kepengarangan dalam Kumpulan puisi matahari itu jauh. Sorotan kajian lepas ini dijadikan sebagai bahan sokongan dalam kajian ini. Dengan itu pengkaji akan membuat rumusan berdasarkan kajian lepas agar ia boleh dijadikan sebagai panduan kepada tajuk kajian pengkaji. Manakala Analisis yang dilakukan terhadap teks-teks yang dipilih daripada karya Rosli K Matari ini adalah untuk melihat unsur-unsur keunggulan kepengarangan dengan menggunakan teori teksdealisme dengan prinsip-prinsip keunggulan seperti kehadiran, pengukuhan, pelanggaran dan individualisme. Hal ini demikian kerana pengkaji ingin membuktikan bahawa karya yang dihasilkan oleh pengarang tersebut mempunyai kreativiti tersendiri dalam menghasilkan teks yang jelas dan kreatif untuk dijadikan panduan kepada masyarakat.

2.2 Kajian Lepas Mengenai Puisi

2.2.1 Tesis

Rahmah Hamdan dan Arba'e Sujud (2021) menjalankan kajian tentang Klasifikasi Realiti dalam syair berdasarkan Masyarakat Melayu Tradisional. Menerusi kajian ini telah membincangkan perspektif realiti masyarakat Melayu tradisional yang sering disalah tafsir oleh sarjana kolonial sehingga ia dianggap penyebab dalam kemunduran masyarakat yang mengrankumi mental, spiritual dan fizikal. Oleh itu kajian ini membataskan kepada perspektif realiti dalam kepengarangan masyarakat Melayu dan merumuskan klasifikasi syair yang berteraskan realiti menurut para sarjana terhadap kes ini. Kajian ini telah menggunakan kaedah secara kualitatif. Bagi mengatasi objektif yang kedua dalam kajian ini adalah aktiviti yang dilakukan untuk menyelesaikan objektif dua iaitu mengklasifikasi semula syair yang berasaskan realiti mengikut tema khas yang ditetapkan berbeza dengan klasifikasi syair yang berunsurkan konsep “kesedaran diri sastera” yang melibatkan semua peringkat masyarakat. Hasil daripada kajian ini membuktikan bahawa klasifikasi syair yang berasaskan realiti kehidupan masyarakat yang diketengahkan oleh para sarjana mengikut kriteria-kriteria yang dicadangkan agar satu klasifikasi itu dapat memperolehi manfaat terhadap pengalaman dan peristiwa yang dialami oleh masyarakat zaman dahulu. Hal ini demikian, kajian ini mampu dijadikan sebagai panduan kepada para pengkaji dalam meneliti dan menerokai isu-isu yang menjadi perbualan yang hangat masyarakat sebagai isu kajian untuk mengupas kajian ini dengan lebih dalam mengenai isu kesusasteraan Melayu agar ianya dapat difahami dengan jelas oleh masyarakat bagi mendapatkan isi-isi kajian yang terkandung dapat dihadam dengan baik.

Nur Najwa binti Kamarul Hikma (2021) mengkaji kajian yang bertajuk Transkripsi analisis Perjuangan Wanita dalam Syair Zubaidah dengan menggunakan Teori Feminise. Menerusi kajian ini menerangkan tema dan konsep wanita yang dibawa oleh watak dalam Syair siti Zubaidah yang mengetengahkan tentang peranan wanita. Kajian ini menggunakan buku Syair Siti Zubaidah merupakan karya Abu Zar dan menganalisis perjuangan watak wanita itu melalui syair berdasarkan teori feminism. Oleh demikian itu, kaedah kajian yang telah diguna pakai dalam kajian ini adalah kaedah kajian kualitatif dan mengumpulkan data-data maklumat berdasarkan rujukan dan pustaka untuk dianalisis secara deskriptif. Manakala Teori Feminisme telah digunakan dalam kajian ini. Justeru, hasil dari kajian ini didapati bahawa pengkaji telah memberikan penekanan tentang ketokohan watak wanita dalam dunia sastera tersebut. Jelaslah dengan mengaplikasikan teori feminism ini dapat membantu mengekalkan lagi kajian ini terhadap watak yang utama iaitu Watak Siti Zubaidah.

Seterusnya, Kajian dilakukan oleh Laura Seman (2020) dalam puisi yang bertajuk Imej arektaip dalam puisi sabak. Menerusi kajian ini adalah ingin membincangkan tentang mengenai puisi rakyat iban yang juga digelarkan sebagai Leka Main yang dibawahnya terdapat tiga bahagian ialah Leka Main Adat (Adat), Leka Main Pemerindung (Hiburan) dan Leka Main Invokasyen. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori arketip yang mendahului oleh Carl Jung yang menceritakan mengenai penggunaan imej contohnya, besi,tabak yang terdapat di dalam makanan, rama-rama dan sebagainya yang hanya dapat difahami oleh keindahan dan keunikan puisi oleh masyarakat Iban. Hal ini demikian, kaedah yang digunakan dalam kajian ini iaitu melalui kaedah kualitatif secara analisis tekstual dengan sebahagian buku sajak dan menambahkan maklumat kajian menerusi kaedah

reka bentuk kajian yang kualitatif dalam kaedah temu bual Bersama dengan responden. Jelaslah bahawa tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk memberikan pendedahan kefahaman kepada para pelajar terutamanya dalam meningkatkan ilmu pengetahuan tentang penerapan imej arketaip dalam puisi sabak ini.

Seterusnya, kajian yang dilaksanakan oleh Dinda Saputri dan Desy Irafadilla Effendi serta Joko Hariadi (2021). Menerusi kajian ini adalah dalam puisi Merengkuh Asa, dalam puisi mempunyai banyak misi yang tersirat dan penggunaan misi yang ingin disampaikan dalam puisi memerlukan penyelidikan yang lebih tinggi. Penyelidikan ini dilakukan adalah bertujuan untuk menerangkan maklumat yang terdapat dalam puisi. Manakala untuk kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif, Dari sumber data dalam kajian ini adalah kumpulan puisi “Rangkul Harapan Penyair Aceh”, bersamaan jumlahnya 34.157 penyair dan puisi. Kajian ini memperolehi data adalah dari perintah yang terdapat dalam 17 puisi. Justeru Teknologi pengumpulan data yang diguna pakai oleh pengkaji dalam kajian ini adalah teknologi dokumen. Hasil daripada kajian ini yang menunjukkan bahawa 17 puisi yang dikaji ini dapat dilihat puisi ini banyak mempunyai misi padanya. Namun tetapi terdapat banyak dari segi mencintai seseorang. Selain itu berbakti kepada kedua ibu bapa, Malahan yang ketiga memelihara adat istiadat. Seterusnya, jangan mudah untuk menyerah, Akhir sekali, jadilah seorang pemimpin yang lebih menjaga rakyatnya dan setia dalam menjalankan hubungan antara satu sama lain.

Kajian daripada Nur Syamsiyah dan Farida Yufarlina Rosita (2020). Kajian ini adalah berunsurkan dengan penggunaan gaya bahasa dalam Kumpulan Puisi “Dear You”. Karya Moammar Emka .Menerusi kajian ini adalah untuk mengenal pasti cara yang digunakan dalam aspek gaya bahasa terhadap koleksi puisi “Dear You” karya Moammar Emka. Selain itu, Kajian ini telah menggunakan kaedah deskriptif kualitatif,

Keadah pengumpulan data dalam puisi ini adalah menggunakan Teknik mengkajin kandungan yang ada dalam teks puisi ini. Justeru, hasil daripada kajian ini mendapati bahawa penerapan gaya bahasa dan nilai Pendidikan pada watak dalam koleksi puisi “Dear You” oleh Moammar Emka ini yang mempunyai jenis gaya bahasa iaitu penyamaran, perumpamaan, kiasan, keperibadian, hiperbola, aliterasi dan asonasi. Secara keseluruhannya, kajian ini adalah penggunaan gaya bahasa, gaya bahasa yang selalu diguna pakai adalah gaya bahasa yang jenis kiasan.

Disamping itu, Nazri Atoh dan Zubir Bin Idris (2019) yang mengkaji tentang Simile sebagai Kesatuan Berbahasa dalam syair Siti Zubaidah. Menerusi kajian ini membincangkan cara masyarakat Melayu yang mengikut budaya ketimuran ini yang mempunyai pengertian dengan menggunakan keindahan gaya bahasa melalui simile. Namun untuk nbatasan kajian ini adalah Syair Siti Zubaidah, manakala objektif dalam kajian ini untuk meneliti keindahan bahasa menerusi Syair Siti Zubaidah yang digunakan dengan gaya bahasa simile itu. Antara aspek yang difokuskan adalah bagi mengetahui tanda yang diterapkan dalam mengenal pasti ungkapan gaya bahasa simile yang terdapat dalam Syair Siti Zubaidah itu dengan menggambarkan keindahan yang ada serta keunikan bahasa yang digunakan dengan ungkapan-ungkapan simile yang dinyatakan. Namun kajian ini merujuk kepada pendekatan semiotik iaitu Teknik yang diterapkan dalam mendalami dengan lebih jelas bagi bahasa yang teliti dan memahami makna dalam teks menerusi (Abdul Halim, 2011). Bagi hasil dapatan kajian ini ungkapan yang mempunyai gaya bahasa simile di dalam Syair Siti Zubaidah adalah model keindahan dan keunggulan bagi kreativiti bentuk berbahasa kerana dengan penggunaan perkataan yang jelas dan tepat dengan makna kejadian yang berlaku.

Kajian syair juga dikaji oleh Rahayu Akhesah, Mohd Rosli Saludin, Ghazali Din (2018) menerusi tajuk kajian adalah Komunikasi Berkesan Dalam Persembahan

Puisi Artistik Rahman Shaari. Namun matlamat kajian ini adalah untuk meneliti beberapa sajak yang dihasilkan oleh Rahman Shaari yang dilihat dari sudut memberikan keberkesanan dalam komunikasi dengan jelas yang terpancar melalui persembahan artistik Rahman Shaari. Oleh demikian itu, pendekatan teori yang digunakan adalah melalui Teori Stilistik untuk merungkai bahasa yang diaplikasikan dalam menghasilkan sajak bagi Rahman Shaari. Menerusi kajian ini adalah kepentingan untuk mengangkat sumbangsahtera negara yang ke -15 dalam bidang penghasilan puisi-puisi yang mampu memberikan pendoman kepada masyarakat dalam melahirkan diri dalam penghasilan puisi yang baik serta unggul. Justeru hasil dari dapatan kajian ini adalah bagi memastikan keberkesanan dalam penghasilan puisi yang baik dapat mewujudkan kesan yang baik kepada masyarakat melalui keperibadian yang mulia serta pertuturan sehari-hari dapat dilatih dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, menerusi kajian yang dijalankan oleh Farah Eka Rahmadini, Maryatin dan Ari Musdolifah (2018) yang bertajuk Kajian Semiotika Pada Kumpulan Puisi Karya Mahasiswa Semester V Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia Angkatan Tahun 2014. Kajian yang dijalankan adalah berkaitan penggunaan pendekatan semiotik melalui model Ferdinand De Saussure. Penelitian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tanda-tanda semiotik. Hasilnya, kajian yang dijalankan ini mendapati puisi mempunyai bentuk makna yang membezakan bentuk penanda dan petanda. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kajian secara pembacaan dan menggunakan teknik heuristik dan hermeneutik.

Kajian yang dijalankan oleh Syaidul Azam Kamarudin, Arbai'e sujud (2017) yang bertajuk Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. Menerusi kajian ini pengkaji membincangkan

berkaitan elemen jati diri yang di dalamnya mempunyai khazanah bangsa yang harus diperjuang bagi membentuk kesopanan, pembentukan intelektual yang baik,sahsiah, kepatuhan dan sifat luhur bangsa yang melengkapi pelbagai aspek seperti agama, budaya dan bahasa yang telah wujud sejak dahulu lagi dan harus dikekalkan. Kajian ini membincangkan berkaitan lambang atau simbolik masyarakat Melayu dalam himpunan puisi oleh A. Aziz Deraman yang vertajuk Gelora Nurani dan Suara Gunung Kehidupan. Matlamat yang ingin dicapai oleh pengkaji adalah dapat mengenal pasti dan menyingkap lambang atau simbolik keperibadian Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman. Penelitian kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah pengisian bahan yang terdapat dalam teks dan penelitian daripada analisis kajianoleh pengkji lepas yang menerapkan prinsip yang digarap menerusi Hashim Awang menggunakan teori Pengkaedahan Melayu.

2.3 Kajian Mengenai Keunggulan

2.3.1 (Buku, Jurnal dan Laman sesawang)

Kamus dewan Edisi Ketiga,(2007,p.1770) mengenai unggul yang bermaksud mengatasi dan melebihi yang lain, terbaik, istimewa dan terutama.oleh itu bagi kata terbitan keunggulan membawa maksud makna unggul , kelebihan dan keutamaan. Dalam kajian ini, konsep yang dapat dilihat bahawa pengarang merujuk kepada keunggulan yang digunakan dalam teori teksdealisme. Mana Sikana(2004),p. 325), menjelaskan keunggulan dalam kerja kepengarangan adalah suatu tahap di mana untuk mencapai pencapaian yang tinggi dalam penciptaan sesuatu itu. Teori ini juga mengatakan bahawa, pengarang akan menujukan usaha melalui pemikiran yang

berintektual, kebolehan, bakat bagi menghasilkan karya-karya baik dan dapat memberikan karya yang berlainan dengan pengarang lain.

Selain itu, Kamus Dewan edisi keempat (2005:1790) Keunggulan adalah merujuk kepada sesuatu yang dianggap melebihi atau mengatasi yang lain iaitu cekal, baik,bijak dan terbaik. Abdul Aziz Rahman yang menyusun Kamus Milenium pula mentakrifkan unggul sebagai lebih daripada lain utama, dan istimewa (2000:779). Justeru, Teasaurus BM (2005:601) mendefinisikan unggul ialah ulung, johan, jempolan, terbaik, terutama dan sebagainya, hal ini demikian keunggulan dapat diertikan sebagai karya yang mengatasi kekuatan karya penciptaan tersebut terdahulu.

Mana Sikana (2006, p. 73) keunggulan bermakna mempunyai sebuah karya luar biasa ,cemerlang, dan memiliki kekuatan untuk bertahan dalam ujian zaman dan masa. Keunggulan juga memberi erti bahawa budaya sastera adalah sesuatu ke tahap yang tinggi baik pada peringkat kebangsaan juga antarabangsa. Hal ini demikian, teks yang unggul yang bermutu tinggi (Mana Sikana, 1996, p.75) tetapi khalayak juga akan menentukan sesebuah teks itu mencapai keunggulan sangat tinggi, separa unggul dan kekurangan keunggulanya Mana Sikana, (2006, p. 87). Oleh itu, keunggulan dalam kajian ini merujuk kepada keunggulan yang dikemukakan oleh Mana Sikana sebagaimana dengan dinyatakan dalam teori tersebut.

2.4 Kajian Lepas Mengenai Kepengarangan

2.4.1 Tesis

Vera Soraya Putri (2018) telah mengkaji gaya kepengarangan. Kajian ini memfokuskan kepada gaya Bahasa kepengarangan Dewi Lestari dalam Supernova:

Kesatria, Putri, dan Bintang jauh. Gaya kepengarangan bagi kajian ini adalah untuk menumpukan kepada aspek kebahasaan yang digunakan oleh pengarang dalam penghasilannya novelnya. Aspek Bahasa leksikal yang berbentuk sainfik-futuristik dan Bahasa figuratif berbentuk fungsional telah menjadikan asas dalam konteks kajian gaya pengarangan. Hal ini demikian hasil daripada kajian mendapati bahawa kepengarangan memfokuskan kepada penokohan yang berkONSEPkan humanistic telling-showing perspektif dualistik adalah bertepatan dengan aspek kebahasaan yang bercorak Bahasa leksikal dan figuratif sebagai bentuk estetika atau keindahan fungsional iaitu keindahan Bahasa yang berfungsi sebagai penjelasan yang berkesan dalam membentuk sebuah karya.

Selain itu, Lusi Andriani (2018) turut mengkaji kepengarangan dengan melihat kepada aspek kepengarangan Azwar Sutan Malaka yang merupakan kajian sosiologi sastera. Kajian ini bertujuan untuk melihat kepengarangan Azwar Sutan Malaka dan sosiologi pengarang oleh Renne Wellek dan Austin Warren. Reka bentuk kajian ini adalah bentuk kualitatif deskriptif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan wawancara bagi memperoleh data kajian tersebut. Kajian ini juga turut dilihat terhadap kepengarangan Azwar Sutan Malaka dalam melakarkan cerita duka contohnya Kemiskinan, tentang perempuan yang ditindas dan perkara mitos. Perkara ini dinilai dari aspek latar belakang pengarang yang melalui pengalaman kehidupanya yang berasal dari keluarga yang miskin dan lebih percaya terhadap mitos. Dengan itu, kajian ini mendapati bahawa proses kreatif secara produktif yang ditetapkan oleh Azwar Suta Malaka dalam menjadikan sebagai dorongan kepada dirinya untuk lebih dinobatkan sebagai penulis yang hebat dan terkenal yang boleh menghasilkan serta menulis dalam pelbagai genre.

Kajian lepas yang seterusnya, telah dilakukan oleh Ghazali Din (2016), turut mengkaji mengenai kepengarangan Muhammad Haji Salleh berdasarkan model proses kreatif teksnaluri, Kajian ini telah memfokuskan kepada 10 buah kumpulan puisi Muhammad Haji Salleh yang mengandungi 742 sajak bagi meneliti aspek kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam melalui pendekatan model proses kreatif teksnaluri. Kajian secara kualitatif dilakukan melalui kaedah kepustakaan dan kerja lapangan bagi mengumpulkan data dan maklumat dalam proses menganalisis. Tujuan kajian ini dilakukan untuk menjelaskan kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam penciptaan sajak dan menghasilkan kerangka Model Proses kreatif Teksnaluri bagi menganalisi sajak serta menganalisis apek naluri dan pengarauhnya terhadap penghasilan sajak. Kajian ini telah melihat kepada beberapa elemen iaitu Kemanusian, kemasyarakatan kerohanian, keindividualan , keintelektuan , kealamian dan keindahan yang memberikan kesan yang dominan dalam kepengarangan pengarang. Dengan itu hasil daripada kajian mendapati bahawa elemen naluri yang paling banyak memberikan pengaruh terhadap kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam menghasilkan sajak iaitu Nilai keindividualan dan Nilai Kealamian. Hal ini demikian, elemen dan pemikiran juga memberikan pengaruh dalam kepengarangan. Kajian ini amat memberikan bukti bahawa elemen naluri di bawah Model Proses Kreatif Teksnaluri membawa kepada pengaruh yang tinggi dalam kepengarangan Muhammad Haji Salleh ini terhadap sajak tersebut, justeru kajian ini memberikan kesedaran kepada semua pengkaji dalam pentingnya untuk meneliti dengan baik kepengarangan yang dihasilkan terhadap karya itu untuk diberikan semua masyarakat memahami dengan lebih jelas dan dijadikan sebagai dorongan dalam kehidupan mereka.

Disamping itu, Erfan Afandi (2012) telah mengkaji terhadap aspek gaya kepengarangan dalam novel yang bertajuk “Sang Pemimpi” oleh karya Andrea Hirata. Kajian ini dikesan terhadap kepengarangan pengarang Andrea Hirata dengan mengenalpasti beberapa aspek gaya seperti gaya bahasa, ragam bahasa, watak, dan perwatakan tokoh serta diksi. Kaedah kualitatif yang telah digunakan dalam kajian stilistika melalui pengumpulan data bercorak dokumentasi. Hal ini demikian adalah ada tiga tahap terhadap pendekatan stilistika yang digunakan ialah tahap persiapan, tahap perlaksanaan dan tahap penyelesaian. Hasil daripada kajian ini telah dibahagikan kepada aspek kajian. Antaranya adalah penggunaan diksi yang menemui penggunaan bahasa daerah yang sebagai kata yang bagi menyatukan idea dan susunan ayat dengan lengkap. Menerusi kajian ini juga ia menggunakan gambaran watak dan perwatakan yang menepati Teknik dramatic dalam menjelaskan lagi penceritaan tersebut. Kesimpulannya, kajian ini didapati gaya kepengarangan Andrea Hirata dalam novel sang pemimpi adalah berdasarkan kepada idea yang kreatif dalam mewujudkan dirinya sebagai penulis dan penulisan yang unggul. Pengarang juga memberikan gambaran kehidupan yang realiti bagi mendapatkan gaya kepengarangan tersebut.

2.4.2 Artikel dan Jurnal

Fauzi & Intan Marlina & Madiawati (2018), mengkaji tentang kepengarangan Faisal Tehrani yang berkaitan individualisme berdasarkan novel-novel terpilih, Kajian ini menyentuh aspek ketokohan Faisal Tehrani sebagai seorang penulis generasi baharu. Kajian ini bertujuan menganalisis pembinaan jati diri Faisal Tehrani melalui novel terpilih beliau. Dengan itu, analisis ini digunakan adalah teori teksdealisme dengan menggunakan prinsip individualisme atau keperibadian bagi mendapatkan

keupayaan dan seseorang pengarang dalam membina jati diri. Dengan itu, fokus prinsip ini adalah terhadap empat unsur yang dianalisis secara tekstual dan kontekstual iaitu subjektiviti, gaya individu, tindakan individu dan penciptaan individu. Kajian ini mendapati bahawa faisal Tehrani berusaha menggambarkan dan membangunkan jati diri melalui empat unsur tersebut. Kajian ini dibataskan kepada lima novel iaitu Tunggu teduh Dulu, Perempuan politikus Melayu dan Bahlu, 1515, 1511H, (Kombat), SsPJ. Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah ke perpustakaan dan analisis teks, Hal ini demikian, hasil daripada kajian ini mendapati bahawa kepenarangan Faisal Tehnari adalah merupakan ciri-ciri keunggulan dengan membangunkan keperibadian yang berasaskan pemikiran, kreativiti, sensitiviti dan matlamat yang dapat menghasilkan novelnya yang baik.

Selain itu, Nur' izzati & Nur Afifah (2018) juga mengkaji kajian kepengarangan yang mengenai "Prinsip Tranformasi Drama Dekon Keranamu Azizah dalam kepengarangan Marzuki Ali". Dengan itu kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kepengarangan dalam tranformasi yang dilakukan oleh pengarang dalam penciptaan karyanya. Hal ini demikian bahawa bentuk kajian adalah kaedah kualitatif melalui dokumentasi dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan menganalisis data untuk diperolehi. Hal ini bermaksud bahawa dalam kajian ini menggunakan prinsip transformasi dalam memastikan perubahan kepada penceritaan teks oleh pengarang. Oleh itu kajian ini mengesan perubahan yang berlaku terhadap penceritaan teks secara hipoteks tetapi pada peristiwa dalam karya disalin secara terus. Selain itu, pengarang juga mengekalkan gambaran watak dan perwatakan terhadap watak agar khayalak masih dapat menggambarkan cerita yang asalnya. Hal ini demikian, bahawa ini jelas membuktikan kepengarangan terhadap teks drama ini berlaku transformasi kepada hipoteksnya yang dilakukan pada pengarang.

Seterusnya, Rohanda & Lilis Ruslina (2018) mengkaji kepengarangan melalui aspek cara ilmiah yang terdapat dalam Jurnal sosiohumaniora. Dalam kajian ini adalah untuk menganalisis ketokohan pengarang dalam mencari identiti melalui latar belakang dan cara penulisan yang terdapat pada aspek keupayaan pengarang dalam menghasilkan penulisan tersebut. Namun untuk Batasan kajian pula adalah jurnal sosiohumaniora dan bersamaan kepengarangan. Hal ini demikian bahawa data dikumpul melalui kaedah kualitatif dalam mencatat segala infomasi yang dapat dalam hasil pemprosesan. Menerusi kajian ini, adalah untuk melihat kepengarangan yang tercatat pada jurnal di tahun 2013-2014 ketika itu yang melihat pada identiti pekerja melalui graf komunikasi. Kajian ini meneliti membuktikan bahawa pengarang adalah menunjukkan kelainan pada pemikiran dan penulisan terhadap diri pengarang.

Roslina Abu Bakar (2017) telah menjalankan kajian tentang Komunikasi Tradisi dalam Kepengarangan Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. Kajian ini adalah mengkaji tentang komunikasi tentang melalui kepengarangan manuskrip melayu tradisional terhadap Hikayat Pelanduk Jenaka. Hal ini adalah menjelaskan bahawa kajian yang dilakukan untuk melihat proses komunikasi tradisi dengan menerapkan cara menganalisis kualitatif menerusi dokumentasi maklumat dengan kaedah ke perpustakaan dan melihat teks pada cerita Hikayat Pelanduk Jenaka tersebut. Justeru bahawa kajian ini telah memperlihatkan keunikan yang dan cara komunikasi tradisi terhadap kepengarangan manuskrip yang dilakukan kajian ini. Maka kajian ini memjelaskan manuskrip Melayu tradisional pada pengarang dalam memberikan mesej yang berguna pada khalayak ramai.

Kajian yang seterusnya dari Lamsike Pateda (2016) yang mengkaji tentang Gaya kepengarangan Tere Liye pada novel Moga Bunda Disayang Allah. Namun kajian ini adalah untuk melihat kepada segi kepengarangan dalam penggunaan gaya

bahasa yang digunakan pada pemikiran penulis dalam menghasilkan novel. Menerusi kajian ini adalah tujuan untuk mengkaji dan menganalisis gaya kepengarangan melalui segi bahasa dan pendekatan yang digunakan iaitu retorika-stilistika untuk melihat unsur-unsur keindahan yang terdapat melalui penggunaan bahasa. Hal ini demikian, kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif dan kaedah yang berpandukan kepustakaan dan menganalisis teks untuk mengumpul data-data yang ada. Justeru kajian ini sangat meneliti pada tiga bahagian yang diutamakan iaitu pada pola kalimat, pilihan kata, ungkapan dan bentuk sintaksis. Oleh daripadaitu, Hasil daripada kajian ini adalah menjelaskan bahawa penggunaan gaya bahasa adalah penting bagi kajian retorika ini. Ini membuktikan bahawa kajian menjelaskan pengarang dan kepengarangan menggunakan bahasa yang indah dan menarik.

Hashim Awang & Hashim Ismail (2016) juga melaksanakan kajian dengan memperihalkan kepengarangan menerusi minda pengarang melayu dalam melestarikan antara antar-Budaya melayu jawa terhadap Sulalat al -Salatin. Menerusi kajian inj memperlihatkan bahawa jati diri melayu akan ditonjolkan menerusi kepengarangan penulis tersebut yang menunjukkan hal-hal melayu dalam kajian ini. Hal ini demikian bahawa kajian ini akan melihat kepada bentuk dan cara kepengarangan terhadap Hashim Awang (1989) dan menceritakan konsep tentang puitika melayu oleh Muhammad Haji Salleh (1991). Bagi kajian ini memperlihatkan pendekatan yang sangat penting dalam mengetahui idea pengarang melayu dalam teks tradisional. Jelaslah bahawa kajian ini memberikan bukti yang kukuh bahawa hubungan antar – budaya berguna dalam melahirkan kelestarian melalui teks yang dilakukan.

Norazimah Zakaria (2012) telah mengkaji kepengarangan tentang Hikayat Melayu dan Tuhfat Al-Nafis. Kajian ini adalah untuk melihat kepengarangan

pengarang terhadap sosiologi dan budaya. Menerusi kajian ini memfokuskan tentang teks Hikayat Melayu dan Tuhfat Al-Al-Nafis di abad yang ke -19. Hal ini bermaksud pendekatan sosiologikal digunakan bagi melihat dari segi persekitaran berkait dengan sosiol budaya yang mendorong dalam menghasilkan teks yang dilihat dari perbezaan pandangan terhadap teks tersebut. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kepengarangan pada Hikayat Melayu dan Tuhfat Al-Nafis dari segi sosiologi masyarakat yang mempengaruhi budaya ketika itu. Justeru kaedah yang digunakan dalam kajian ini kualitatif iaitu dokumentasi melalui kepustakaan dan analisis teks yang digunakan bagi mengumpulkan data. Dengan ini, jelaslah bahawa hasil dari mengesam kepengarangan terhadap teks Tuhfat Al-Nafis adalah tentang berlawanan terhadap teks Hikayat Melayu yang mana peristiwa yang dibawa oleh raja yang kejam jika dibunuh rakyatnya tidak terkena tulah adalah merupakan berlawanan teks daripada Hikayat Melayu yang mana menyatakan bahawa orang yang membunuh raja akan terkena tuah.

2.4.3 Lain-lain (Majalah, seminar akhbar, laman sesawang)

Seterusnya, Mana Sikana (2008) juga telah menjalankan kajian yang mengenai kepenggarangan dalam menganalisis kepengarangan Masuri S.N. Dalam kaian ini adalah mengkaji tentang ketokohan Masuri S.N sebagai sasterawan yang terkenal semasa di singapura. Kajian ini adalah terhadap Sembilan buah kumpulan puisi, iaitu tiga kumpulan cerpen, lima buah buku esej dan sebuah drama karya beliau. Analisis ini menggunakan teori Teksdealisme yang menyentuh empat bagi utama iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme bagi mengesan proses kepenggarangannya. Kajian ini menerokai cita dokumentasi sosiol terhadap karya dalam konteks estetik resensi yang ada dalam karya dan konteks Mahsuri S.N.

Oleh itu, kajian ini hasil dari melihat generik dan tematologi kepengarangan yang menentukan perbezaan dengan pengarang yang singapura yang lain.

2.5 Kajian lepas mengenai Teori Teksdealisme

2.5.1 Tesis

Mohd Nazri Zainuddin telah mengkaji kajian terhadap Novel Tengku dan Urih Pesisir analisis kepimpinan yang berkualiti dengan teori Teksdealisme. Kajian ini mengkaji dua buah novel antarabangsa yang berasal dari negara Malaysia dan Brunei iaitu novel sejarah Tengku Menteri (Malaysia) dan Urah Pesisir (Brunei). Dalam kajian ini, penkaji melihat perhatian dari tiga segi watak yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut iaitu watak, Ngah Ibrahim, Long Jaafar,dan Kaptem Speedy bagi novel Tengku Menteri manakala watak daripada novel Urih Pesisir ialah Syarif Omar, Wan idrus dan Paul Gray. Hal ini bermaksud pengkaji telah memilih watak-watak tersebut kerana pengkaji dapat mengenalpasti bahawa watak-watak yang memainkan peranan sebagai pemimpin, pentadbir dan watak yang mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat. Hal ini adalah kajian ingun mengenal pasti kualiti yang terdapat dalam novel-novel tersebut dengan menggunakan teori teksdealisme dengan prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme.

Selain itu, Mohd Shaipuddin Suliman juga mengkaji tentang Penerapan teori Stilistik dan teksdealisme dalam menganalisis puisi Tri-V Abdul Ghafar Ibrahim. Hal ini demikian , kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti puisi-puisi Tri-V yang mengandungi dari Vokal,Visual dan Verbal. Dengan itu tujuan yang pertama kajian ini adalah untuk melihat kepada menganalisis ciri-ciri deviasi, pemikiran serta individualisme yang terdapat dalam puisi-puisi yang dicipta oleh Abdul Ghafar

Ibrahim. Pengkaji juga menggunakan teori stilistik dan teksdealisme dalam mengkaji ciri yang terdapat dalam puisi Tri-V itu.

Kajian yang seterusnya, Ma'amor Yusoff turut mengkaji penerapan unsur-unsur Islam Aqidah, Syariah dan tasawwuf dalam novel Ayat-ayat cinta, Duna Bukan Kita Punya menerusi teori teksdealisme dan teori takbudiyah. Kajian ini bertujuan untuk menerokai pengaplikasian unsur islam dan keunggulan terhadap karya. Hal ini demikian untuk menjelaskan lagi tentang kajian ini pengkaji telah menggunakan gabungan antara dua teori iaitu melalui teori takbudiyah dan teori teksdealisme sebagai induk dan bahan sokongan untuk memudahkan pengkaji. Dalam kedua-dua teori ini mempunyai peranannya yang tersendiri yang boleh digunakan, yang mana teori takbudiyah melihat dan menerokai unsur-unsur yang ada dalam teks kajian manakala teori teksdealisme pula dijalankan bagi menilai sesuatu kualiti terhadap keunggulan teks tersebut.

Ruzizwati Abu Samah telah menjalankan kajian tentang Gaya Keibubapaan Novel Komsas Sukar membawa Tuah dan Merenabg Gelora dengan menggunakan teori teksdealisme. Kajian ini adalah untuk melihat gaya keibubapaan yang memainkan peranan dalam membentuk masyarakat dan mendidik sifat yang mulia. Peranan ibu bapa adalah penting bagi melahirkan generasi yang berguna pada negara dan bangsa. Justeru ibu bapa merupakan orang yang memainkan peranan dalam membentuk tingkah laku anak-anak dalam emosi mereka dan aktiviti harian yang mereka lakukan. Oleh itu, kajian ini telah mengemukakan empat penggunaan prinsip yang terdapat dalam teori teksdealisme iaitu Kehadiran, Pelanggaran, Pengukuhan dan Individualisme (tahap keunggulan yang ada dalam teks diatas).

Disamping itu, Ahamad Zaidi Baharuddin & Ani Omar mengkaji Pemikiran Mana Sikana dalam Drama. Kajian ini digunakan terhadap teks-teks yang dihasilkan oleh Mana Sikana yang terdapat Sembilan buah drama yang merangkumi tiga zaman iaitu zaman Absurd, Zaman Metasejarah dan Realisme untuk menjadikan bahan panduan dalam menganalisis kajian ini. Terdapat empat prinsip dalam teori teksdealisme yang akan dilihat melalui Prinsip Kehadiran, Pelanggaran, Pengukuhan dan Individualisme. Jelaslah bahawa dengan menggunakan prinsip-prinsip yang dinyatakan tersebut dapat menjadikan sebagai panduan dan kriteria dalam melihat tahap keunggulan yang terdapat dalam Drama karya Mana Sikana.

Anwar Ridhwan juga turut mengkaji penulisan novel mengenai Hari hari Terkahir Seorang Seniman. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan mengkaji tahap keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam menghasilkan teks novel tersebut. Menerusi kajian ini pengkaji telah menggunakan teori teksdealisme yang mana mempunyai empat prinsip bagi mencapai kajian yang dilakukan, Prinsip yang pertama yang ialah prinsip Kehadiran, Pelanggaran, Pengukuhan dan individualisme. Hal ini jelaslah bahawa kajian ini ingin meneliti tahap keunggulan kepengarangan dalam teks pengarang Anwar Ridhwan.

Seterusnya, kajian yang dilaksanakan oleh Subri bin Aziz (2015) yang bertajuk “Analisis Perlanggaran Dalam Novel Mandala Dunia Kedua daripada karya Azizi Haji Abdullah, Suatu Perspektif Teksdealisme, Menerusi kajian adalah untuk menerapkan prinsip perlanggaran untuk menganalisis novel tersebut. Walaubagaimana dalam kajian ini telah mengambil satu teori sahaja tetapi kajian ini dapat menunjukkan bahawa Azizi Haji Abdullah dalam mencapai keunggulan terhadap novel-novel, Namun keunggulan kepengarangan Azizi Haji Abdullah dibuktikan melalui aspek-aspek perlanggaran yang telah dilakukan dalam novel. Hal ini demikian walaupun

dalam kajian ini dilihat menarik tetapi tidak menggunakan semua prinsip yang ada dalam teori Teksdealisme, sedangkan ia semua prinsip yang didasarkan adalah penting untuk menentukan tahap keunggulan seseorang pengarang itu

Kajian yang seterusnya daripada Nur Suraya binti Ahmad (2010) yang bertajuk “Kepengarangan Mana Sikana: Satu Analisis Teksdealisme”. Kertas projek Ijazah Sarjana Sastera di Pusat Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosiol dan Kemanusian, Universiti Kebangsaan Malaysia. Menerusi kajian ini bertujuan bagi membuktikan ketokohan Mana Sikana sebagai pengarang cerpen di Malaysia. Oleh itu, terdapat empat kumpulan cerpen yang dipilih dalam kajian iaitu Di Benua Buta (2007), Nusia (2001), Abzyx (1986) dan Santau (1982). Namun kajian ini menunjukkan bahawa Mana Sikana mencapai tahap keunggulan sebagai cerpenis. Sekiranya kajian ini dibandingkan dengan kajian yang akan dilaksanakan adalah berbeza kerana ia mengambil novel sebagai sumber rujukan kajian. Hal ini sebab terdapat ciri-ciri yang berlainan dengan cerpen dan novel pastinya keadah menganalisis juga berlainan dan mempunyai kelebihan yang tersendiri.

Sara binti Beden (2010) yang bertajuk Kepengarangan Jong Chian Lai: Analisis Teksdealisme”. Daripada tesis Sarjana Sastera, Fakulti Sains Sosiol dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini juga menggunakan teori tekdealisme yang mengandungi semua prinsip iaitu, prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan, dan individualisme dalam tiga novel yang bertajuk Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga, Pemberontakan dan Ensera marga Timur dr St Anthony. Kajian ini dapat membuktikan bahawa Jong Chian Lai sebagai pengarang yang berani dan bijak dalam mengemukakan pemikiran yang baharu dan mempunyai kelainan. Kajian prinsip yang dianalisis dapat membuktikan bahawa Jong Chian Lai dapat membina identity diri dalam kesusastraan tanah air. Justeru merujuk kepada novel-novelnya,

Jong Chain Lai memfokuskan kepada penceritaan mengenai tempat kelahirannya di Sarawak dari segi ekonomi, sosiol, budaya dan politik.

Berlandaskan kajian-kajian yang dilakukan tersebut mendapati bahawa pengkaji mengaplikasikan semua prinsip teori bagi membuktikan bahawa keunggulan pengarangan pengarang berasaskan karya-karya yang dihasilkanya. Terdapat juga kajian yang mengambil prinsip tertentu bagi meneliti tahap keunggulan seseorang pengarang. Kajian ini berdasarkan terhadap tujuan kajian, kekuatan dan keistimewaan sesebuah karya yang dikaji. Justeru secara keseluruhan kajian-kajian terdahulu yang Berjaya menunjukkan keunggulan pengarang dalam dunia kepengarangannya melalui Teori Teksdealisme.

2.5.2 Artikel dan Jurnal

Setersunya, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Madiawati Mamat telah mengkaji berkaitan Novel-novel Faisal Tehrani dari perspektif Teksdealisme. Pengkaji telah menggunakan tiga buah novel untuk kajian ini iaitu Nove Tunggu Teduh Dulu, Novel 1515 dan novel Bahlut. Novel bahlut ini merupakan di mana ada idea dan pemikiran yang banyak dilihat tentang sosiobudaya, keagamaan dan sejarah yang dijadikan sebagai panduan serta pendoman dalam kehidupan masyarakat. Kajian ini jelas lah bahawa teori teksdealisme banyak memberikan bantuan dalam meneliti tahap idealisme yang terdapat dalam novel yang dikaji oleh pengkaji tersebut.

2.5.3 Lain-lain (Majalah, Akhbar, Laman Sesawang)

Disamping itu, Mana Sikana, Sumber Akhbar Sinar Harian (2018) telah mengupaskan kajian mengenai Membina Jati diri Pengarang , Dalam kajian ini mendapati bahawa karya yang ditulis oleh beliau seharusnya lebih baik daripada karya yang pernah beliau hasilkan sebelum ini berbanding dengan pengarang lain.Hal ini bermaksud bahawa pengajaran yang dapat oleh penulis adalah mereka ingin memajukan diri di tempat kerja manakala semua pengarang berhasrat bahawa teksnya dapat mencapai tahap keunggulan, Justeru ia akan menggunakan kebolehan, pengetahuan, bakat dan kemahiran yang ada pada diri pengarang masing-masing dalam menghasilkan sesuatu yang baik dan bermakna buat mereka. Dalam sifat yang ada iaitu idealisme dan kecemerlangan yang sentiasa akan ada dalam fikiran pengarang semasa mereka menghasilkan karya dan menjadikan mereka bersemangat dalam menjayakan hasil penulisan mereka. Justeru itu, pengarang juga dapat mencipta karya yang baik serta pengarang mempunyai sifat yang berani dalam diri mereka, Hal ini bermaksud bahawa berani mengeluarkan idea yang bernas dan berlainan untuk menghasilkan karya yang berinovasi. Karya yang berharga menjadi sebuah klasik yang mempengaruhinya dan membuatkan penonton melihat sebuah karya yang agung.

2.6 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, dapat dilihat melalui sorotan kajian ini yang mana pengkaji mendedehkan kajian-kajian lepas untuk dijadikan sebagai sumber kajian lepas. Dengan adanya sumber kajian lepas ini sebagai maklumat dan panduan tambahan bagi membantu pengkaji untuk menghasilkan dan membina idea pemikiran yang baharu dalam menjalankan kajian ini. Kepengarangan merupakan sesuatu yang memperihalkan tentang pengarang yang menghasilkan sesuatu karya. Hal ini

demikian, ianya sesuatu yang pasti ada dalam menghasilkan karya. Dalam kajian ini, perbincangan kepengarangan ini ternyata bahawa pengkaji menilai tidak kira dari tempatan atau luar negara. Oleh itu, hal ini menunjukan bahawa kepengarangan menjadi asas dalam menjadikan kefahaman kepada masyarakat dalam menghasilkan sebuah kepengarangan yang unggul.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan kaedah dan Teknik mereka bentuk, mengumpul, menganalisis data agar dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian dan merumuskan aspek kajian. Othman Mohamed (2001), metodologi merupakan langkah yang sistematik dengan menggabungkan pendekatan kajian dan analisis data yang selari dengan peraturan yang ditetapkan sendiri bagi memastikan kelancaran terhadap penyelidikan dan pretasi kajian dapat mencapai secara sempurna dan berkesan. Menerusi metodologi kajian dapat menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah serta Teknik yang digunakan. Malahan metodologi kajian bertujuan bagi membantu memahami dengan luas dan terperinci tentang aplikasi kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Menerusi kajian bab ini metodologi kajian yang digunakan ialah reka bentuk kajian, kaedah kajian dan penerapan teori membantu proses analisis ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah memerlukan oleh pengkaji. Hal ini kerana reka bentuk terhadap sesuatu kajian akan memudahkan proses pengumpulan data dan maklumat serta melancarkan proses penganalisisan. Menerusi reka bentuk kajian ini, ia juga akan menentukan bagaimana kajian dilakukan dan bagaimana untuk memperolehi data dengan lebih jelas. Oleh itu, kajian ini, reka bentuk kajian kualitatif adalah merupakan asas bagi pengumpulan dan analisis data kajian.

Menerusi kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah reka bentuk kualitatif. Reka bentuk kualitatif ini dipilih oleh pengkaji kerana khususnya pengkaji akan menganalisis kandungan teks yang terdapat dalam kumpulan puisi yang dikaji bagi melihat keunggulan kepengarangan pengarang iaitu Rosli K Matari dalam memperihalkan puisi-puisi yang terkandung dalam buku Kumpulan Matahari Itu Jauh. Menurut Bogdan dan Taylor dalam Moleong, (2004: 4) mengatakan bahawa kaedah kualitatif dapat ditakrifkan sebagai prosedur atau langkah-langkah penelitian yang menghasilkan data deskriptif dalam bentuk kata-kata lisan dan tulisan sama ada dari tingkah laku yang diperoleh dari keadaan sekelilingnya. Di bawah reka bentuk kualitatif ini, terdapat beberapa kaedah yang digunakan. Antaranya ialah, kaedah pengumpulan data, kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks, kaedah internet serta turut menggunakan Teori Teksdealisme.

3.2.1 Dokumentasi

Kajian ini memfokuskan tentang keunggulan kepengarangan terhadap teks Kumpulan Matahari itu Juah oleh Rosli K Matari. Kajian ini adalah bersifat kaedah kualitatif dengan melaksanakan beberapa kaedah bagi pelaksanaan kajian in dan kaedah analisis teks menerusi Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh serta membuat rujukan melalui kaedah kepustakaan dan merujuk analisis teks bagi mendapatkan maklumat dan data-data yang berkaitan untuk mengukuhkan kajian penyelidikan ini. Kaedah yang diperolehi data melalui tesis, jurnal, buku, artikel dan sebagainya bagi menjelaskan dan mengembangkan kajian ini dengan keadaan baik.

Kaedah dokumentasi adalah satu pendekatan yang melibatkan analisis dokumen-dokumen yang berhubungan dengan perkara yang dibahaskan dalam kajian. Metod ini adalah untuk memfokuskan kajian yang dijalankan bagi mencapai tahap keunggulan kepengarangan Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh. Terdapat 15 puisi yang telah dipilih dalam mengkaji Teks iaitu Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh:

| B I L | SUB TOPIK | TAJUK PUASI | MUKA SURAT |
|-------------|-------------|---|-----------------|
| 1 | Ufuk timur | • Wahai Matahari • Dunia ini panjang, jauh | 6 8 |
| 2 | Medan | • Selamat Bertemu • Sudut lain | 13 19 |
| 3 | Si Bolangit | • Petang | 45 |
| 4 | Kabanjahe | • Mereka Menyahut azan • Saat Terakhir | 52 58 |
| 5 | Sepiso-piso | • Gunungakan menggelongsor • Matahari Itu Jauh • Mungkin | 87 89 92 |
| 6 | Danau Toba | • Bertemu Danau ini • Danau Berkirim Salam • Tinggallah | 96 99 102 |
| 7 | Ufuk Barat | • Selamat tinggal, Indonesia • Terhenti Sejenak | 105 111 |

Jadual 3.1: Senarai puisi Kumpulan Matahari Itu Jauh.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan satu kaedah bagi mengumpul segala data dan maklumat berkaitan topik kajian. Bagi kaedah ini, data boleh diperolehi daripada pelbagai medium seperti teks kajian iaitu Kumpulan puisi Matahari Itu Jauh karya Rosli K Matari. Selain itu juga, data turut diperolehi dari bahan-bahan dari kepustakaan seperti buku, majalah, jurnal, tesis dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian ini contohnya dari aspek Teori Teksdealisme yang dikaji dan juga aspek kepengarangan Rosli K Matari. Di samping itu, data turut diperolehi melalui laman sesawang dengan menggunakan internet. Hal ini demikian, terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang dijalankan oleh pengkaji dan mendapati segala maklumat yang berkaitan dengan kajian bagi menjayakan objektif kajian.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan satu kaedah yang memerlukan pencarian data dan maklumat secara kepustakaan iaitu penelitian dan pembacaan terhadap bahan-bahan perpustakaan yang berkaitan dengan kajian. Dalam kajian ini, kaedah kajian kepustakaan dibuat oleh pengkaji dengan merujuk kepada segala bahan-bahan berbentuk buku, majalah, jurnal, dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian. Bahan-bahan yang diperoleh adalah dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan serta Dewan bahasa dan pustaka dengan berhubung dengan pustakawan. Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh karya Rosli K Matari. Pengkaji mendapatkan pelbagai bahan bagi melancarkan kajian yang dijalankan. Pengkaji menggunakan hasil daripada bahan bacaan ke dalam penulisan

kajian yang dijalankan bagi membantu mengukuhkan bukti bahan kajian yang ada. Kaedah pengumpulan data ini melalui kepustakaan memberikan kemudahan bagi memperolehi segala data-data yang akan digunakan dalam kajian ini.

3.3.2 Analisis Dokumen

Analisis Dokumen ini adalah bertujuan untuk mencari, menilai, dan mengumpul segala maklumat tentang terkandung dalam dokumen bagi melaksanakan kajian penyelidikan yang dijalankan dengan baik. Analisis dokumen ini amat penting bagi setiap penyelidikan yang dijalankan agar segala maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Oleh itu, terdapat pelbagai analisis dokumen yang dapat ditonjolkan dalam mencari pelbagai maklumat yang berkaitan dengan kajian tersebut ialah Analisis teks, dari sumber internet, artikel, jurnal, buku dan sebagainya untuk dijadikan sebagai rujukan kajian. dan memastikan bahawa kajian penyelidikan ini berjalan lancar.

3.3.2.1 Kaedah Analisis Teks

Melalui kaedah kajian analisis teks teks yang dipilih iaitu pengkaji telah menganalisis Kumpulan Puisi Matahari itu Jauh Karya Rosli K Matari sebagai bahan utama kajian. Hal ini bagi mengenal pasti,dan membincangkan aspek kajian pengkaji iaitu Kepengarangan Rosli K Matari dalam Kumpulan Puisi Matahari itu jauh. Kumpulan puisi ini diterbitkan pada tahun 2015 oleh Institusi Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) dan mempunyai sejumlah 56 buah puisi dalam kumpulan ini. Kumpulan puisi ini, merupakan puisi-puisi yang mengandungi kenangan, pengalaman,

pengamatan dan taakulan penyair berdasarkan kunjungan perjalanananya di Sumatera Utara pada tahun 2014.

Menerusi kajian ini pengkaji hanya memfokuskan tentang kepengngrangan beliau terhadap kehidupannya. Antaranya ialah, Catatan Hujung Dinihari, Aku harus pergi, Wahai Matahari, Dunia Ini Panjang Jauh, dan Selamat Bertemu. Berdasarkan puisi-puisi inilah penganalisisan terhadap kajian dilakukan yang mana pengkaji telah menganalisis initipati yang terkandung dalam puisi yang menerangkan tentang kenangan, pengalaman dan pengamatan. Melalui kajian ini pengkaji melihat Rosli K Matari terhadap kenangan dari segi penulisan dalam kepenggarangannya dengan menerapkan Teori Teksdealisme terhadap analisis kajian ini.



Gambar Rajah 3.3: Teks Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh

3.3.2.2 Kaedah Internet

Pengkaji juga menggunakan kaedah internet bagi mengenal pasti bahan-bahan kajian. Terdapat beberapa laman web yang pengkaji mengunjungi untuk mendapatkan bahan-bahan kajian. Hal ini demikian kerana ingin mendapatkan segala

maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian penyelidikan ini. Dengan memperolehi segala maklumat dan data bagi mengukuhkan kajian dengan lancar dan baik. Terdapat jenis kaedah laman sesawang yang digunakan, Antaranya ialah laman web rasmi Laman web Universiti Malaysia Kelantan, laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka, Google scholar, Myto (Malaysian Teses Online), Jurnal, artikel dan laman web yang berkaitan dengan tajuk kajian. Menerusi dapatan maklumat yang diperoleh dari internet ini bukan sahaja memberikan maklumat tambahan bahkan ianya memberikan idea yang dapat diperkembangkan dalam kajian yang dilaksana oleh pengkaji.

3.3.2.3 Artikel, Jurnal dan Buku

Artikel, jurnal dan buku adalah sumber yang penting untuk pengkaji mendapatkan maklumat tambahan bagi mengukuhkan sesbuah kajian. Menerusi artikel,jurnal dan buku pengkaji dapat menelusuri pandangan-pandangan daripada tokoh lain untuk memudahkan pengkaji menyelesaikan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga dapat mengumpulkan data berdasarkan kajian lepas yang dibuat oleh pengkaji sebelumnya untuk menjayakan kajian ini.

3.3.2.4 Temu bual

Pengkaji menjalankan kaedah Temu bual, Temu bual adalah sumber yang sangat penting bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Pengkaji menemu bual pengarang *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh* iaitu Encik Rosli K. Matari bagi mendapatkan tentang maklumat idealisme beliau bagi mencapai

objektif dan mengukuhkan kajian penyelidikan ini. Maklumat yang diberikan daripada hasil temu bual akan direkod dan dicatat sebagai bahan bukti bagi kajian ini.

3.4 Penerapan Teori

3.4.1 Pengenalan

Penerapan teori adalah merupakan elemen penting dalam kajian yang ingin dijalankan untuk melancarkan serta menyempurnakan kajian dengan lebih teratur dan sistematik. Perkataan teori berasal dari perkataan Yunani, iaitu teori yang bermaksud visi, berfikir dalam dalaman. Definisi teori kini kian mendapat perhatian oleh beberapa tokoh pemikiran lain yang mengutarkan pendefinisian teori dengan sudut pandang yang lain. Menurut Rudner (1966) melihat teori ialah sudut yang terhad sebagai andaian tentang hubungan antara konsep. Teori yang hasil wujud dari fahaman pemikiran mereka yang pakar dalam sesuatu bidang teori. Oleh itu, setiap teori yang diaplikasikan tokoh di teori yang digagaskan. Justeru itu, dapat dilihat bahawa teori ini mempunyai kaitan dengan konsep ilmu dan bagaimana berfikir oleh sesuatu bentuk fahaman. Kajian penyelidikan perlu memastikan pengaplikasian penerapan teori bagi melengkapkan kajian menerusi teori yang relevan dan tepat dengan tajuk kajian yang lain ingin dilaksanakan. Hal ini demikian kerana setiap bidang teori itu memiliki bidang ilmu yang dispesifikasi yang perlu diamati dari segi ketepatanya dengan kajian yang ingin diketengahkan. Penggunaan teori yang tepat dalam sesuatu kajian akan menghasilkan keberhasilan dan penerangan kajian dengan jelas dan terarah. Seterusnya, teori ini merupakan asas yang utama kepada pembentukan sesuatu cabang ilmu pengetahuan. Teori ini adalah rangka maklumat yang terbina adalah benar mengikut panduan yang terdapat dalam sebuah teori yang diaplikasikan. Menurut

Kerlinger (Ahmad Mahdzan, 1983: 11) yang menyatakan teori itu mampu menjelaskan tentang aspek perwatakan untuk menggambarkan keperibadian seperti mana dari sudut pandangan masyarakat.

3.4.2 Teori Teksdealisme

Pengkajian ini telah menggunakan Teori Teksdealisme bagi membantu penganalisisan kajian. Teori Teksdelisme diasaskan oleh Abdul Rahman Napiah atau lebih dikenali sebagai Mana Sikana yang merupakan aktif dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Bagi Abdul Halim (2013) mengatakan bahawa teksdealisme dipercayai bahawa pengarang memiliki dinamika kepengarangan yang akan mendorong seorang pengarang berusaha untuk memajukan diri dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi. Selain itu juga, Mana Sikana (2013) menjelaskan bahawa teori teksdealisme adalah usaha menginterpretasi secara analitis dan kritis terhadap sesebuah karya sastera dan kemudian mengangkat karya tersebut ke puncak idealisme. Jelaslah bahawa di sini, Teori Teksdealisme telah memberikan definisi sebagai teks karya yang mempunyai susunan idea serta pengalaman yang mengandungi kepelbagaiannya makna dengan disertai sifat-sifat keunggulannya. Malahan keunggulannya bermaksud teks karya mempunyai kualiti yang tinggi dan memiliki sifat-sifat yang unggul yang tersendiri.

3.4.3 Prinsip-prinsip teori teksdealisme

Mana Sikana mewujudkan empat prinsip utama bagi mengkaji keunggulan seseorang Pengarang. Terdapat empat prinsip yang mempunyai ciri-ciri dan peranan

tersendiri. Antaranya ialah prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme.

3.4.3.1 Prinsip Kehadiran

Prinsip Kehadiran merupakan prinsip yang pertama dalam teori teksdealisme, Kehadiran adalah terjerumus kepada pengalaman yang akan membawa kepada kreativiti seseorang pengarang dalam menghasilkan sebuah karya dan teks yang unggul. Kehadiran ini berlaku oleh pengarang mempunyai pemikiran yang berasas, disusun dan akhirnya dicipta dalam bentuk sesuatu bentuk teks dan karya yang kreatif. Kehadiran juga dilihat dari dalam diri setiap individu yang mana bila sampai apabila teks sudah dihasilkan dan siap di tangan pembaca. Anatara pelbagai unsur yang telah dimasukkan dalam menghasilkan sesebuah karya iaitu dari segi pengalaman, bayangan, ingatan, kehidupan, pengaruh serta lain-lain. Melalui unsur ini dapat menghadirkan pengalaman kepada pengarang dan khalayak (Manu Sikana 2006 p. 107). Kehadiran merupakan salah satu proses yang akan menjadi secara berterusan kepada pengarang. Melalui teori ini dapat melihat tahap keunggulan setiap pengarang dalam menghasilkan karya yang sempurna dan kreatif berdasarkan pengalaman yang telah dilalui mempengaruhi daya kreativiti yang tersendiri. Hal ini bermaksud bahawa idea-idea terlahir daripada kenangan serta bayangan kehidupan seseorang pengarang itu terjadilah sebuah karya. Dengan pengalaman tersebut dapat membentuk idea yang unggul dalam penghasilan teks. Apabila idea itu sempurna barulah bermulanya proses penciptaan penulisan yang akan menjadikan sebuah cerita melalui proses kehadiran tersebut. Dalam menganalisis teks juga terdapat soalan-soalan yang berkaitan dengan prinsip kehadiran:

1. Apakah fungsi dan kesan kehadiran?
2. Apakah fakta-fakta yang hadir dan di mana sumber kehadiran?
3. Bagaimana fakta itu hadir di dalam teks tersebut?

3.4.3.2 Prinsip Pelanggaran

Prinsip pelanggaran merupakan satu proses penciptaan yang dinamik untuk mencari pembaruan dalam menghasil karya. Teori teksdealisme juga meletakkan prinsip pelanggaran sebagai satu kaedah bagi menganalisis teks yang dalam melahirkan tahap keunggulan dalam karya. Seorang pengarang tersebut yang sedar terhadap konsep kepengarangannya mampu mengubah dan melakukan pembaharuan setiap teks yang dihasilkanya itu. Dengan sifat mempembaharui dan memantapkan merupakn sesuatu usaha melahirkan teks yang moden dan sebagainya. (Mano Sikana, 2006, p. 114). Pelanggaran juga merupakan satu unsur yang berani dalam melakukan sesuatu pembaharuan dalam menghasilkan karya yang unggul bagi mengangkat sesebuah teks yang mampu mencapai tahap keunggulan.

Pelanggaran juga dapat terhasil disebabkan oleh pengarang yang berusaha dalam melakukan pelanggaran dalam karya dan penghasilan teksnya. Pengarang mempunyai kesungguhan dan keinginan yang tinggi dalam menghasilkan sebuah teks yang unggul. Bagi pengarang juga ia melakukan perubahan terhadap penghasilan teks yang baharu dengan sentiasa memperbaiki diri dan penciptaan teksnya. Selain itu juga, pengarang yang akan menghasilkan sebuah karya yang unggul akan sentiasa memperbaiki karyanya dengan bermutu dan penulisan yang sempurna bagi menghasilkan corak yang mencapai tahap yang unggul. Pengarang yang tidak mempunyai kepuasan terhadap teks yang dihasilnya akan berusaha menjadikan

penciptaan teks tersebut menjadi lebih mantap. Dalam aspek pelanggaran ini adalah pengarang dijadikan dorongan bagi melakukan teks yang diingini dan sentiasa memperbaiki setiap kekurangan yang ada terhadap yang telah dihasilnya. Dengan pelanggaran ini adanya sifat keberanian dalam diri pengarang juga perlu melaksanakan dengan baik dan bijak. Hal ini dapat menjadikan sifat yang unggul dalam diri seseorang pengarang. Terdapat tiga persoalan yang menjadi peninjaun terhadap pelanggaran dalam sebuah teks, iaitu:

1. Apakah fungsi dan kesannya penghasilan sesebuah teks tersebut?
2. Apakah aspek pengekalan dan perubahan yang telah dilakukan oleh pengarang?
3. Bagaimana prinsip pelanggaran itu dilakukan?

3.4.3.3 Prinsip Pengukuhan

Pengukuhan merupakan suatu konsep yang memantangkan sesebuah teks oleh seorang pengarang dalam menghasilkan teks yang unggul. Pengukuhan dalam teks ini dilakukan kerana adanya harapan, usaha, keinginan dan cita-cita bagi mewujudkan karya yang unggul dan mantap. Menerusi pengukuhan juga pengarang mempunyai kesedaran dalam dunia kepenggarangan yang berusaha untuk melahirkan teks yang lebih baik daripada karya yang dihasilnya sebelum ini, tidak kira karya yang sendiri ataupun karya pengarang lain. Dengan kata lain pengukuhan adalah segi kemantangan dalam mengejap dan menyempurnakan karya. Bagi mencapai kepada tahap keunggulan pengarang, teks dan khayalak yang unggul bukan adalah usaha yang mudah bagi mencapai tahap yang begitu mantap, terdapat pelbagai langkah yang perlu diambil bagi menghadapi segala permasalahan. Setiap pengarang yang baharu dan ingin memperbaiki tahap kedudukannya yang sentiasa mendengar teguran, nasihat,

kritikan daripada pengarang lain yang mempunyai pengalaman. Pengarang perlu sentiasa bersedia dan hati terbuka dengan menerima setiap apa yang diberikan secara positif. Sebagai satu langkah permulaan haruslah menerima teguran, kritikan dan nasihat yang diberikan, pengarang dapat melakukan kajian terhadap teksnya dengan mencari kesalahan, kelemahan dan kekuatan dalam menghasilkan sebuah karya. Maka bagi menjelaskan berlakunya pengukuhan dalam karya , terdapat teori ini yang memberikan tiga persoalan sebagai rujukan iaitu:

1. Apakah fungsi dan kesan pengukuhan itu?
2. Aapakah usaha pengukuhan yang dilakukan oleh pengarang?
3. Bagaimana prinsip pengukuhan itu dijalankan?


3.4.3.4 Prinsip Individualisme

Prinsip individualisme merupakan satu keperibadian yang mana ia prinsip yang dapat dijadikan untuk dianalisis dalam sebuah teks. Prinsip individualisme ini menegaskan bahawa setiap pengarang mestilah berusaha dalam menghasilkanm, menciptakan sifat keperibadian dan individualisem dalam setiap diri masing-masing, kerana individualisme adalah merujuk kepada sebuah pembinaan kepenggarangan bagi seseorang pengarang dan mempunyai ciri yang berbeza antara seorang pengarang dan pengarang yang lain. Hal ini bermaksud bahawa setiap perwatakan kepenggarangan dilihat melalui ideologi pengarang yang menggambarkan keperibadian seseorang pengarang itu. Dalam diri pengarang tersebut hasrat bagi membina jati diri tersendiri dan keunggulan tersendiri daripada aspek kepenggarangan dan karyakaryanya.Menurut (Manu Sikana 2006,p. 140) bagi menghasilkan teks yang unggul dan idealistik adalah menjadi harapan yang utama terhadap teori teksdealisme bagi memyempurnakan proses kepenggaragan pengarang secara berterusan. Menerusi

proses individualisme ini pengarang dapat mencapai taraf tersebut terhadap keunggulannya. Pembinaan individualisme ini juga dapat dikesan berdasarkan usaha pengarang yang mencuba dan meneroka benda yang baharu bagi menghasilkan sebuah karya yang mempunyai jati diri dan kepengarangan yang tersendiri. Terdapat juga lima kriteria yang mengesahkan jati diri terhadap prinsip individualisme, iaitu subjektiviti, stail individu , reka cipta individu , kendiriam dan tindakan individu (Mano Sikana, 2006, p. 145). Persoalan-persoalan yang menjadi sebagai panduan terhadap individualisme seseorang pengarang adalah:

1. Apakah usaha pengarang dalam melakukan keperibadian atau individualisme?
2. Bagaimana prinsip keperibadian itu dapat dilakukan oleh pengarang?
3. Bagaimana sifat-sifat individualisme?
4. Di manakah kedudukan kepengarangan?

Kerangka Teori



Rajah 3.4 : Kerangka Konsep

3.4 Penutup

Kesimpulannya, metodologi kajian ini amat penting kepada pengkaji dalam merungkai dengan lebih jelas terhadap kajian ini. Aspek-aspek yang terkandung dalam metodologi kajian ini yang menjadi asas yang utama kajian dalam memperolehi segala maklumat yang penting berkaitan bagi memudahkan segala proses menganalisi kajian pengkaji yang telah dinyatakan pada bahagian bab-bab sebelum ini. Bahagian ini memberikan penekanan yanh jelas kepada segala yang berkaitan dengan kajian. Hal ini dikatakan bahawa bab ini telah terperinci mengenai tentang reka bentuk kajian yang dilaksanakan. Menerusi kaedah pengumpulan data amat penting bagi proses kajian ini berjalan dengan lancer. Penerapan teori ini dikemukakan dalam metodologi bagi memberikan kefahaman dan panduan kepada pengkaji dalam menjayakan kajian tersebut dengan baik dan berkesan. Menerusi kajian ini, pendekatan terhadap penyelidikan yang sesuai dipilih untuk melakukan kajian iaitu kajian temu bual, kaedah kualitatif, kajian lepas dan analisis dokumen, Apabila semua data dikumpul dan data dianalisis dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan kajian tersebut.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Seterusnya metodologi kajian dilakukan adalah untuk memberikan panduan kepada pengkaji dalam melaksanakan kajian penyelidikan bagi mencapai objektif kajian. Segala data dikumpul bagi mendapatkan kajian yang berkenaan dengan analisis. Menerusi dapatan kajian yang diperoleh pengkaji dapat melakukan kajian dengan bentang segala analisis dalam penulisan yang merangkumi bab-bab iaitu pengenalan, kajian sorotan lepas, metodologi, dapatan kajian dan kesimpulan. Dalam bahagian metodologi yang dibentangkan dengan jelas yang menggunakan kaedah pendekatan, pengumpulan data dan analisis data yang dilakukan terhadap teks *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh karya Rosli K Matari.*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Perdahuluan

Pada bahagian ini, aspek yang akan dibincangkan adalah berkaitan dengan dapat kajian iaitu hasil daripada kajian yang telah dilakukan terhadap teks Kumpulan puisi matahari itu jauh karya Rosli K Matari. Bahagian ini akan memberikan penjelasan yang jelas terhadap keunggulan kepengarangan kumpulan puisi matahari itu jauh dalam teks kumpula puisi tersebut. Penganalisan dengan penerapan teori teksdealisme melalui prinsip kehadiran, perlanggaran, dan pengukuhan terhadap keunggulan kepengarangan teks kumpulan puisi matahari itu jauh. Secara keseluruhanya, dalam bab ini pengkaji akan menganalisis tentang keunggulan kepengarangan Rosli K Matari dalam Kumpulan puisi matahari itu jauh melalui tema, keunggulan pengarang terhadap pendekatan pelanggaran dan pendekatan pengukuhan dan keunggulan idealisme Rosli K Matari. Ia mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya dan menghasilkan sebuah karya yang mencapai tahap keunggulan,Namun demikian, usaha dalam menghasilkan sebuah teks yang unggul seseorang pengarang itu haruslah mempunyai sifat-sifat yang berani dan bijaksana dalam mencapai tahap yang unggul. Sebuah keberanian membawa erti usaha pengarang dalam mengemukakan idea dan pemikiran yang baharu kepada khalayak ramai. Ia juga merupakan satu kesedian pengarang dalam melakukan inovasi dan pembaharuan dalam karya sasteranya. Manakala kebijaksanaan pula merupakan sifat yang

mendorong pengarang melakukan pekerjaan teks itu dengan rasa kesedaran dan bergerak dalam landasan keilmuan. Selain itu, pengarang juga seharusnya sudah memperlengkapan dirinya dengan ilmu pengetahuan melalui pembacaandan pengkajian terhadap pelbagai bidang. Hal ini demikian teks-teks yang dihasilkan tidak akan ke tahap yang unggul jika sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan tidak dimiliki oleh seseorang pengarang tersebut. Sebaliknya teks-teks yang dihasilkan itu hanya akan bergerak dalam lingkungan yang biasa sahaja. Seterusnya dalam teori teksdealisme ini menyediakan 4 prinsip sebagai garis panduan untuk mencapai tahap keunggulan, Keempat-empat prinsip tersebut ialah, kehadiran,pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Prinsip yang pertama kehadiran yang mana seseorang penulis perlu ada idea dan pengalaman untuk menghasilkan sesuatu karya yang baik dan membentuk jati diri sebagai seorang penulis, prinsip yang kedua pelanggaran adalah konsep yang membawa konsep revolusi di dalam sastera yang mana proses penciptaan bagi mencapai pembaharuan dalam berkarya. Seterusnya, prinsip ketiga pengukuhan ialah merupakan usaha pendewasaan pengarang untuk menghasilkan teks yang unggul. Manakala prinsip yang keempat adalah individualisme yang dapat dikesan melalui empat kriteria dari sudut gaya individu, rekacipta individu, kedirian individu dan tindakan individu.

4.2 Keunggulan Kepengarangan Rosli K Matari Melalui Tema Dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh.

Menurut Abdul Halim Ali, 2012 menyatakan bahawa seseorang pengarang perlulah menuntut ilmu pengetahuan supaya berani dalam mengemukakan idea-idea baharu, Teknik penulisan baharu bagi mengekalkan dan mempertahankan karya yang dihasilkan. Seseorang pengarang yang unggul akan berusaha secara teliti dalam menggunakan bakat, kebolehan dan keintelektuan yang dianugerahkan dengan membawa unsur-unsur tertentu bersama idea dan olahan yang baharu bagi mencapai tahap yang unggul. Hasil ini jelas menunjukkan bahawa kepengarangan pengarang memang tidak dapat lari daripada pengalaman yang menjadi bawaan idea-idea bersama realiti kehidupannya dalam menghasilkan sebuah karya bagi menonjolkan keunggulannya. Perkara ini turut dijelaskan oleh Mana Sikana 2013 pengalaman mempunyai roh dengan kreativiti penulisan teks bahkan pengalaman yang unggul akan melahirkan teks yang unggul, sebaliknya kurang pengalaman bererti kekeringan dalam teks.

4.2.1 Tema Kenangan

Sajak-sajak Kumpulan puisi matahari itu jauh mengandungi dengan kisah-kisah kenangan, pengalaman, taakulan dan pengamatan yang berdasarkan perjalanan yang telah dikunjungi oleh pengarang iaitu Rosli K Matari. Yang mana beliau menelusi selatan provinsi tengah Indonesia yang dapat menghasilkan sebuah buku yang bertajuk Kumpulan Puisi Matahari Itu jauh.

Menurut kamus dewan edisi keempat (2007), kenangan bermaksud apa yang dikenangkan atau yang timbul (terbayang) dalam ingatan secara tiba-tiba. Manakala juga daya mengingati sesuatu yang sudah loput dan sudah tidak dikenang atau tidak lagi dingati. Melalui definisi ini dapat dirungkaikan bahawa sajak-sajak kenangan Rosli K Matari ini merupakan gambaran tentang kehidupan yang sentiasa mengingati sesuatu yang sudah lama berlaku dalam kehidupannya.

Melalui penelitian terhadap puisi yang terpilih Rosli K Matari telah memaparkan tema kenangan yang terkandung secara tersurat dan tersirat di dalam puisinya. Antara puisi yang memaparkan kenangan ini ialah “Catatan Hujung Dinihari” sebagai amana petikan rangkap puisi di bawah:

Aku pergi, wahai kamarku.
Kalaup aku tidak pulang lagi ayat tidak selesai –
“Berikanlah aku setitik hujan” Itulah tulisan comotku.
Yang terakhir, di meja.
Lampu, kupadamkan kau
Tetapi percayalah
Aku akan selalu mengenangmu,
Kerana kau pun tahu
Aku sering bertemu gelita.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:3)

Melalui petikan puisi di atas menggambarkan bahawa kenangan yang dilalui Pengarang setiap hari yang mana kenangan yang lepas merupakan kenangan yang tidak akan di lupakan, Apa yang telah berlalu akan di jadikan sebagai satu corak kehidupan pada masa akan datang. Maksud rangkap puisi di atas memaparkan bahawa pengarang mengingati tempat beliau berehat dan menghilangkan rasa penat, ia juga mengisahkan pengarang yang akan sentiasa mengebangkitkan setiap titik-titik yang telah berlaku di dalam biliknya yang penuh dengan kecerian atau kesedihan, Walaupun pengarang telah meninggalkan tempat kegemarannya beliau tetap sentiasa mengingati setiap detik kenangan yang dilalui olehnya yang banyak memberikan ruang ketenangan kepadanya. Namun di tempat itulah pengarang sentiasa meluahkan perasaannya seakan setiap apa yang ada dalam bilik itu sudah mengetahui, ibarat sebuah persahabatan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Oleh hal yang demikian, kenangan yang terdapat dalam sajak ini jelas mengatakan bahawa setiap yang berlaku pasti menjadi sebuah kenangan yang tidak dapat dilupakan, namun kisah yang berlaku akan tetap menjadi sesuatu yang indah dan tetap di dalam memori sebagai kenangan yang tidak akan pernah pupus dalam ingatan. Kenangan dapat membuat kita mengingat berbagai macam peristiwa dalam ingatan. Hal ini di katakana demikian kerana Mengenangkan dirinya mengimbau pelbagai kenangan manis, hiba dan penuh semangat dan tetap di dalam ingatan. Setiap orang akan mempunyai kenangan masing-masing suka duka dan sebaliknya.

Selain itu, terdapat puisi lain yang telag menunjukkan tema kenangan ini seperti puisi yang bertajuk “Selamat bertemu”.

Kita bertemu, sejurus sedikit
Selepas tengahri hari
Ketika matahari belum jauh Tergelongsor dari jarum jam, angka dua.
Tetapi aku pendatang
Menyeberang ke belakang,
Detik dan detik di sini
Harus berundur
Satu jam lewat.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:13)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang telah menggambarkan mengenai kenangan yang mana pengarang mengisahkan dirinya yang mengenangkan tempat yang dilawati dan akan meninggalkan kenangan buatnya yang penuh dengan semangat yang luar biasa. Pengarang mengatakan bahawa dia hanya seorang yang pendatang

dan perlu mengharungi detik-detik yang sukar untuk bertemu,dalam rangkap diatas juga pengarang menyatakan bahawa Pengungkapan bahasanya biasa kerana pengarang ini mengutamakan tujuan berkongsi keindahan makna kepada pembaca. Dengan demikian, beliau menghindari bunga Bahasa indah-indah kerana keindahan maknam,pada puisi.

Oleh hal demikian, dapatlah dikatakan bahawa kenangan yang dinyatakan dalam puisi diatas mempunyai tema kenangan yang banyak memberikan kenangan oleh pengarang. Namun kenangan yang dilalui tidak mungkin akan terlupa dan kenangan tersebut juga yang akan membuatkan diri pengarang merindukan. Kenangan bukan sahaja tersimpan pada ingatan tetapi ia juga akan sentiasa menjadi bekas di hati dan ingatan pengarang. Pengarang juga mengisahkan kenangan masa lalunya atau ditempat-tempat yang pernah dikunjungi dan terdapat beberapa cerita yang akan menjadi kenangan yang terindah dalam kehidupanya. Namun dalam rangkap diatas juga pengarang ada mengatakan bahawa kenangan adalah sebagai catatan pengalaman peribadi seseorang dalam kehidupannya. Oleh itu dapat dilihat tema kenangan ini wujud melalui puisi di atas, kenangan adalah perkara yang dilalui oleh setiap orang dalam kehidupan masing-masing dan mempunyai kenangan yang tersendiri.

Seterusnya tema kenangan yang terdapat dalam puisi terpilih Rosli K Matari adalah yang bertajuk “Bertemu Danau Ini” Seperti yang diketahui, puisi bertajuk bertemu danau ini ini sarat dengan tema kenangan, Tema yang diperolehi daripada puisi ini antaranya adalah mengenai kenangan seseorang pengarang dalam kehidupannya. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan puisi di bawah:

Bertemu danau sebiru indah ini Mengingati aku pada cinta. Tetapi siapakah yang harus Kurindu lagi?

Usiaku sudah jauh
Bagai ke seberang sana.
Apa guna lagi berdayung cinta
Karam perahu, tenggelamlah aku.

(Kumpulan Puisi Matahari itu Jauh, 2014:96)

Berdasarkan puisi bertajuk “Bertemu Danau Ini” di atas, telah menggambarkan bahawa terdapat tema kenangan yang dialami oleh pengarang dalam kehidupannya. Secara dasarnya, puisi ini telah memerihalkan mengenai kenangan yang mana pengarang mengenang kembali kisah cinta yang dialami olehnya pada saat ketika beliau masih muda dan cinta memang memberikan kenangan yang indah tetapi cinta juga memberikan luka yang akan selalu menjadi kenangan dalam kehidupannya. Pengarang mengatakan bahawa beliau sudah semakin meningkat usia buat apa masih lagi rindu tentang pencintaan kerana beliau tidak mampu lagi untuk bercinta dengan keadaan usia yang sudah semakin meningkat itu. Namun pepatah ada mengatakan bahawa kenangan adalah harta hati yang tak lekang oleh waktu.

Disamping itu juga, tema kenangan yang terdapat dalam puisi Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh Rosli K Matari adalah yang bertajuk “Selamat Tinggal, Indonesia” seperti yang diketahui, puisi bertajuk selamat tinggal Indonesia ini berkaitan dengan tema kenangan. Tema kenangan yang dapat diperolehi daripada puisi ini antara adalah mengenai kenangan yang dilalui oleh seseorang dalam kehidupannya. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan puisi dibawah:

Bagaimana seharus
Aku mengenangmu, Indonesia?
Kau berikan aku,
Jalan Panjang, sayup-sayup
Samar-samar hujungnya Ke baris akhir puisi.
Menelusur jalan berliku
Menjadi
Berkelok makna.
Kauberikan
Gunung,kabus
Menjadi huruf-huruf. Kauberikan sungai,danau Menjernihkan indera.
Kukenang batu hampar,
Kuingat juga api-api Menyelinap ke dalam Mimpi.
Bungamu tetap indah
Meski berkembang
Di celah-celah
Coreng comot
Tulisan tanganku.
Kurenung,
Gelitamu. Namun, cahaya Tetap ada.
Di hujung dinihari.
Ada janji matahari.

Selamat tinggal.
Aku akan selalu mengenangmu Dalam rindu, mimpi.
Dan puisi.
Sampaikanlah salamku
Pada jam sinar Indonesia.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:105)

Berdasarkan puisi diatas, pengarang menyatakan bahawa beliau ingin meninggalkan tempat penghijrahan beliau yang memberikannya kenangan yang tidak dapat dilupakan dan memberikan pengarang mencintai tempat tersebut semasa beliau menelusi selatan provinsi tengahnya di Indonesia yang merupakan kunjungan dan perjalanan yang singkat tetapi sangat berharga buat pengarang dalam kehidupanya. Hal ini bermaksud bahawa pengarang menceritakan selamat tinggal pada kenangan yang akan menjadi jauh berlalu dan mungkin kenangan sahaja yang akan menjadi memori dalam keingatan beliau untuk sentiasa mengingati kenangan-kenangan semasa beliau berada di sana. Masa yang penuh dengan riang suasana yang indah akan membuatkan pengarang merindui saat-saat terindah beliau sewaktu berada di sana. Namun demikian, tema kenangan jelaslah bahawa memberikan sesuatu yang terindah oleh seseorang melalui perkara yang telah dilalui oleh mereka dan sentiasa menjadikan kenangan sebagai satu pengajaran buat semua orang untuk sentiasa menghargai sesuatu itu dengan lebih baik.

Selain itu, juga puisi lain juga memaparkan tema kenangan dalam puisi yang bertajuk “Malam”. Ini merupakan tergambar sebagaimana petikan puisi di bawah:

Yang berdosa itu, bukan aku.
Kau harus tahu,
Meski aku suram, kelam,hitam Tetapi itu bukan dosa.
Segala yang berdosa itu
Menyelit dalam samar,
Berselindung di sebalik kelam,
Tersembunyi dalam pekat hitam.
Tetapi aku Tidak selama-lama Buram.
Aku masih ada bintang.
Bulan.
Aku selalu berdoa Agar hidup ini indah,
Terang, jernih. Seperti bintang, Seperti bulan.

(Kumpulan Puisi Matahari itu,2014:29)

Melalui petikan puisi di atas menggambarkan bahawa pengarang mengisahkan tentang kehidupannya yang penuh dengan kenangan pada masa silamnya penuh dengan suka dan duka. Walaupun beliau mempunyai dosa silam ia juga dapat menghapuskan segala perbuatan yang dosa itu dengan baik dan ia juga berdoa kepada yang maha Esa bahawa segala dosa yang telah dia lakukan dapat diampunkan dan menjadi lebih baik dari dirinya sebelum ini. Kebahagiaan dan Kedamaian hidup itu terletak dari cara meng lengkapi suatu permasalahan hidup. Orang melemparmu dengan batu, maka ubahlah hal itu jadi tonggak sejarah. Namun Pasang surut dalam kehidupan sangat penting untuk membuat kita terus maju. Oleh itu demikian pengarang mengatakan bahawa dia mempunyai bintang yang dapat membuatkannya berdoa dan meluahkan segala perasaannya agar segala masalah yang pernah dihadapi oleh nya kembali pulih dengan baik.

Oleh hal ini yang demikian, tema kenangan ini antara kumpulan puisi matahari itu jauh jelas dipaparkan melalui puisi ini. Setiap manusia akan mempunyai kenangan yang tersendiri dalam kehidupannya dan kisah kenangan yang suka duka yang pernah dilakukan oleh dirinya dan kehidupannya. Namun segalanya tidak berniat untuk setiap manusia melakukan tetapi mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan. Tema kenangan ini jelas ditonjolkan dalam puisi di atas.

4.2.2 Tema Pengamatan

Pengamatan adalah asil tindak balas keseluruhan sistem deria setelah menerima rangsangan daripada sumber lain. Pengamatan ini berkaitan dengan keupayaan pancaindera untuk menerima rangsangan, kemudian mengutuskannya melalui system saraf ke otak untuk diproses. Pengamatan biasanya tindakan manusia yang mana pengetahuan diperoleh dari pemerhatian. Pemerhatian itu adalah amalan manusia biasa dan oleh itu ia adalah perkataan yang digunakan oleh orang ramai untuk merujuknya, yang terdiri daripada tindakan mengamati sesuatu, melihatnya dengan teliti, memeriksa secara mendalam. Menurut kamus dewan Bahasa dan pustaka pengamatan adalah sebuah penelitian yang bersungguh-sungguh dalam memdapatkan sesuatu. Dalam pemerhatian kita secara aktif memperoleh maklumat, pengetahuan, dari dunia di sekeliling kita. Rosli K Matari telah memaparkan beberapa tema pengamatan dalam puisinya,

Antara puisi puisi yang memaparkan tema pengamatan ini adalah puisi yang bertajuk “Aku Harus Pergi” ini adalah mengenai penelitian yang bersungguh-sungguh dalam memperolehi segala pemerhatian yang secara jelas dan baik untuk menjadi lebih

sempurna. Namun, pengarang telah mendapati bahawa dalam mencari kehidupan serta masa depan dalam hidupnya. Terdapat beberapa gambaran dan bayangan dalam fikiran dan hati pengarang dalam menhasilkan sesuatu yang istimewa melalui pengalaman-pengalaman yang lalu dan menerusi pancaindera. Oleh hal demikian itu, pengamatan ini merangkumi tiga peringkat iaitu proses pemprosesan data, penerimaan dan proses tindak balas sesuatu itu. Ini tergambar dalam puisi seperti dibawah:

Hujung laut, Kaki langit. Ada apa di seberang Sana?

Pohon, tasik, gunung

Yang sudah biasa kulihat

Deru angin, guruh menderam

Yang sudah biasa kudengar.

Tetapi itu seberang lain

Aku harus pergi Tapakku belum menjelak

Rawa-rawa, lumpur di sana.

Bahkan, bunga

Mungkin ada

Wangi lain,

Sekalipun daun Tetap gugur.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:5)

Berdasarkan petikan di atas, tema pengamatan yang digambarkan dalam puisi Aku Harus pergi ini mengisahkan tentang dimana pengarang melakukan sesuatu penelitian berdasarkan gambaran dan bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu pandangan dan tanggapan. Tema pengamatan ini dapat dilihat apabila pengarang menggambarkan sesuatu bayangan yang nyata, dimana pengarang duduk bersendirian memerhati permandangan yang indah yang memberikan ketenangan yang dalam

kehidupan pengarang ini. Setiap permandangan yang dilihat penuh dengan kerennah yang tersendiri yang mempunyai keindahan masing-masing yang memberikan sebuah pengamatan yang baik kepada pengarang dalam melakukan penelitiannya terhadap tempat yang dikunjungi.

Selain itu, puisi yang lain juga memaparkan tema pengamatan adalah puisi yang bertajuk “Sudut lain” Ini yang tergambar sebagaimana petikan puisi di bawah:

Meski kotamu
Semakin tengah malam,
Semakin berdenyut dengan dangdut,
Kencang berdegup dengan muzik Brazil
Menghirup nikmat dunia, sepas-puasnya
Sanggup hanyut, sejauh-jauhnya
Orang kaya melupakan neraka
Rupiah diselam ke dalam bir
Wanita disepit sahaja seperti ketam
Dosa tidak memerlukan kalkulator
Tetapi tidak adil,
Kalua aku terus mengatakan
Kotamu kejam, jahat, licik
Seperti kuku besi, perompak, atau maling
Masih ada banyak sudut lain,
Bucu-bucu kecil yang baik hati
Untuk hidup atau tidur,
Dan esok boleh disambung lagi
Dicelah-celah penjuru inilah
Berhimpit, terisi
Warung, penaja, gelandangan Pengemis, setinggan.
Tetapi dunia ini tetap adil,
Ada ruang dan tumpeng
Meski sekadar maut lilin,

Pelita, lampu gasoline,
Atap buruk atau kotak
Bahkan, walau gelita
Dan menitik air mata.

(Kumpulan Matahari Itu jauh, 2014:19)

Berdasarkan puisi di atas, mengisahkan tentang pengarang yang meperihalkan sesuatu penelitian tentang suasana kehidupan negara yang dikunjungi semasa menelusuri selantan Indonesia yang mana pengarang mengatakan bahawa beliau melakukan satu penelitian menerusi pancaideran atau tanggapan beliau semasa berada di sekitar Kawasan itu, pengarang menjelaskan bahawa kehidupan yang berada di kota itu banyak memberikan kesan yang buruk dan dapat melalaikan kehidupan masyarakat tetapi bagi mereka perkara itu hanya biasa dalam menjalani kehidupan. Namun di dalam puisi diatas juga menjelaskan bahawa orang yang kaya sangat tidak perdulikan terhadap benda yang dilarang oleh Allah swt, malah menjadikan mereka hanyut dalam kegelapan neraka dan dianggap bahawa dosa yang mereka lakukan tidak perlu dikira kerana tidak dimbil tahu dan kesah terhadap perkara itu. Selain itu juga, terdapat hal-hal yang baik sewaktu berada di kota itu yang mana ia mempunyai beberapa sudut yang lain dan bucu-bucu yang baik hati untuk masyarakat disana hidup dan tidur setiap hari-harinya. Dalam puisi ini mengatakan bahawa masyarakat dikota adil kerana mereka masih diberi ruang dan tunpang untuk bertendung dari segala ancaman-ancaman yang bahaya walaupun menggunakan lilin, berteduh dengan atap yang buruk dan kotak sahaja dengan gelapan dan mengalir air mata. Namun demikian, tema pengamatan ini dapat dilihat dalam puisi ini yang penuh dengan satu penelitian yang baik dilakukan oleh pengarang. Tuntasnya melalui puisi-puisi di atas terpapar tema pengamatan.

Seterusnya, puisi lain yang memaparkan tema pengamatan ini adalah puisi bertajuk “Walau di mana”. Ini telah tergambar melalui rangkap seperti di bawah:

“Mari berpusing!”
Jerit bulatan kota, Di tengah-tengah sesak Lalu lintas.
Kertas ronyok,
Plastik koyak-rabak
Berserak,
Siapa perduli?
Sebijii botol di celah Lorong
Entah botol apa, Terdiam.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:21)

Berdasarkan rangkap puisi di atas, dapatlah dirumuskan bahawa melalui pengamatan ini terdapat membuka mata-mata masyarakat dalam menghargai sesuatu benda tidak kira ia berkaitan dengan apa pun, pengarang menjalankan perjalanannya dengan menziarahi tempat-tempat yang popular di kota walaupun dikota itu penuh dengan kesesakan lalu lintas yang membuatkan pengarang sukar untuk berjalan-jalan kesana kesini untuk melakukan satu pengamatan terhadap sebuah kota yang besar. Namun demikian pengarang penelitian Kawasan dikota itu penuh dengan sampah sarap yang tidak diindah oleh masyarakat di kota itu yang membuang sampah merata-rata seperti botol-botol kosong, tin sudah kemelembut yang dibuang begitu saja. Hal ini demikian perkara yang pengarang yang ingin dikatakan bahawa mungkin ada yang ingin untuk bersuara tetapi tiada siapa yang perduli dalam tanggungjawab itu. Puisi di atas jelas memaparkan tentang pengamatan yang dilalui oleh pengarang.

Di samping itu, tema pengamatan yang terdapat dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh juga adalah yang bertajuk “Di sini” yang akan mengisahkan tentang penelitian pengarang dalam menghasilkan kenangan yang dikunjungi olehnya pada saat itu pada tahun 2014. Contoh yang dapat dipaparkan tema pengamatan ini membuat keputusan menerusi puisi ini adalah seperti di bawah:

Disini, walau sebagai kota besar, sibuk
Masih ada taman, jajar pohon di jalan Kembnag mekar,
burung bebas girang Sebahagian serangga, dan neon.
Semua indah,
Juga ketika ditambah gerimis.
Di sini, tetap ada, temikar pecah
Payung buruk tiris, beca uzur
Warung murung, gibuk tua
Air mata mengalir di celah gelita.
Lebih sedih, ketika
Hujan lebat malam.
Disinilah,
Bercampur aduk
Indah,sedih,derita.

(Kumpulan Matahari Itu Jauh, 2014:27)

Menerusi puisi di atas, telah terkandung tema pengamatan iaitu pengarang melakukan suatu pengawasan atau penelitian gambaran yang berlaku dalam kehidupannya semasa beliau berkunjung di kota besar. Dalam puisi ini mengisahkan bahawa pengarang meneliti sebuah kota besar yang begitu sibuk yang mana pun masih ada taman, pokok-pokok di jalan yang bertumbuh mekar dan terdapat serangga yang dihinggap di Kawasan pokok, Namun demikian bahawa pengarang menceritakan

tentang kehidupan di kota itu yang mana ia tentang suasana yang suram tapi indah, terdapat Kawasan-kawasan kedai yang keadaan murung dan tidak ceria, pengangkutan beca juga yang kelihatan seperti sudah pun usang, Di tempat itu keadaan yang menampakkan sedih dan pada waktu juga cuaca malam pula tanah membasahi dengan hujan lebat. Pengarang juga menjelaskan di Kawasan itu terdapat suasana kehidupan yang indah, sedih dan derita yang dihadapi oleh masyarakat disitu.

Akhir sekali, tema pengamatan yang diperolehi daripada kumpulan puisi matahari itu jauh adalah bertajuk “Azan Maghrib” Pengarang mengaitkan kisah kehidupannya dengan waktu solat yang membawa kepada sebuah satu penelitian beliau yang dilakukan. Perkara ini dapat dilihat menerusi puisi di bawah:

Tenggelam matahari,
Maka azan maghrib berseru
Mengajak sesiapa ingin ke sejada
Untuk sujud kepada Tuhan
Tetapi kota ini terlalu sibuk
Untuk mengejar lagi
Hari esok
Yang masih belum selesai
Kenderaan tidak menuju
Ke Lorong masjid
Lampu isyarat akan terus menyala
Hon akan terus menjerit, memekik
Semakin lama semakin sibuk
Semakin lama semakin sesak
Terlalu banyak cabang dan simpang
Terlalu banyak hala dan tuju
Semakin Panjang Semakin jauh.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:28)

Berdasarkan puisi di atas, dapat digambarkan bahawa pengarang telah cuba untuk menyindir bahawa sikap manusia yang suka lalai terhadap tanggungjawab dalam melaksanakan peraturan yang disuruhkan oleh Allah swt. Melalui puisi di atas, dapat dilihat bahawa pengarang menjalankan pengamatan pada waktu maghrib beliau semasa berada di kota besar pada kunjungan yang dijalankan pada mas ketika itu, pengarang mengatakan bahawa keadaan di sana tidak berebut-rebut untuk menghadirkan solat berjemaat di masjid bersama-sama dengan masyarakat yang lain, tetapi ,masyarakat disana terlalu sibuk mengejarkan perkara yang lain yang ingin dikejarkan. Namun tiada pun kenderaan yang tidak menuju ke arah Lorong masjid, oleh hal demikian , pegarang juga mengatakan semakin hari semakin sibuk untuk dilakukan perkara itu ada sahaja yang perkara lain hendak dilakukan terlebih dahulu. Hal ini jelas bahawa satu pengamatan yang terdapat dalam puisi di atas.

4.2.3 Tema Pengalaman

Pengalaman hasil pendedahan atau persentuhan kepada sesuatu benda atau peristiwa dalam alam sekeliling kita dengan pancaindera hidupan yang memungkin seseorang mengetahui atau memerhati sebagai tindak balas kepada benda yang dihadap. Menurut William James, seorang ahli psikologi terkenal, pengalaman adalah sejumlah kesedaran yang dimiliki individu setelah adanya interaksi antara dirinya dengan objek maupun dengan orang lain. Selain itu juga Carl Rogers merupakan seorang psikolog humanistik terkenal, menyatakan bahawa pengalaman adalah perubahan dalam diri individu yang terjadi melalui refleksi diri. Pengalaman ini akan

membantu individu mencapai potensi penuhnya. Rosli K Matari telah memaparkan beberapa tema pengalaman dalam puisinya,

Antara puisi puisi yang memaparkan tema pengamatan ini adalah puisi yang bertajuk “Puncak penatapan” ini adalah mengenai pengalaman yang bersungguh-sungguh dalam memperolehi segala pendedahan yang secara jelas dan baik untuk kehidupannya. Namun, pengarang telah mendapat bahawa dalam mencari kehidupan serta masa depan dalam hidupnya. Seseorang itu yang paling tepat dalam kehidupannya adalah orang yang banyak mempunyai pengalaman terhadap dirinya dalam kehidupan. Terdapat sesuatu peristiwa yang berlaku dalam kehidupan dan di alam sekeliling. Ini tergambar dalam puisi seperti dibawah:

Tak akan ku lupa, jagung bakar
Lazat, manis
Di Penatapan.

Ini puncak,
Tempat dapat duduk diam-diam Temaram,tenang.
Bagai orang kaya-kaya
Berehat, sambal Menghirup, mengunyah Dan menghembus.
Tetapi, aku bukan orang kaya
Malah lereng seindah ini Lebih berharga daripada Rupiah, ringgit.
Kuteguk kopi, murah,
Sekali gus berserta hidangan alam Yang indah percuma.
Kutatap, kurenang
Sepuas-puasnya,
Bersama jagung dan kopi.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu jauh, 2014:61)

Berdasarkan puisi di atas, dapat digambarkan bahawa pengarang telah cuba untuk menceritakan tentang pengalaman yang dilalui semasa berada di puncak penatapan. Melalui puisi di atas, dapat dilihat bahawa pengarang mencintai kenangan yang pernah dicipta olehnya sewaktu berada di penatapan yang memberikan banyak kebahagian dan kenangan yang membuatkan beliau menyimpan segala memori dengan baik kerana beliau menghargai setiap detik-detik yang dicipta olehnya. Hal ini demikian, pengarang menyatakan bahawa di puncak penatapan ini adalah tempat di mana orang yang mempunyai kekayaan yang menghadiri tempat itu untuk bersantai-santai minum dan makan sambil menghirup udara segar. Tetapi pengarang memberi tahu bahawa beliau bukanlah orang kaya untuk bersantap di tempat itu, beliau hanya berpesan kopi yang berharga murah namun sedap untuk beliau minum dan makan ketika itu. Pengarang menghargai setiap apa yang didapati dan menikmati sepas-purasnya bersama makanan yang dipesan itu. Oleh hal demikian itu, bahawa jelaslah puisi di atas merupakan tema pengalaman yang dilalui oleh pengarang.

Selain itu, puisi yang lain juga memaparkan tema pengalaman adalah puisi yang bertajuk "Wahai Penatapan". Ini yang tergambar sebagaimana petikan puisi di bawah:

Usahkan, segala gunung-ganang
Bukit-bukau, rimba, tasik, rawa-rawa
Sungai dan jeram
Juga laut dan beribu-ribu pulau
Di sana,
Cukuplah, walau dengan penatapan
Ini sahaja
Benarlah Indonesia ini Sangat indah.

Wahai Penatapan,
Kalua aku datang semula
Sempatkah kau menungguku lagi?

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:69)

Menerusi puisi di atas, dapat digambarkan bahawa pengarang menceritakan tentang pengalaman yang dilalui dalam kehidupannya. Melalui puisi di atas, dapat dilihat bahawa pengarang mencintai kenangan yang pernah dicipta olehnya sewaktu berada di pulau penatapan yang memberikan banyak kenangan yang membuatkan beliau menyimpan segala pengalaman semasa berada disitu. Beliau juga menghargai setiap detik-detik yang sangat indah di tempat itu. Hal ini demikian, pengarang menyatakan bahawa di penatapan ini adalah mempunyai Kawasan yang sangat indah, di sana terdapat segala gunungan yang cantik, bukit-bukau, tasik dan sungai serta jeram yang dapat memukau pandangan setiap pendatang yang hadir di situ. Hal ini jelas dilihat dalam puisi di atas bahawa menyatakan segala pengalaman pengarang semasa berkunjung di Penatapan.

Seterusnya, puisi lain yang memaparkan tema pengalaman ini adalah puisi bertajuk “Dalam Perjalanan ini”. Ini telah tergambar melalui rangkap seperti di bawah:

Perjalanan ini
Antara daun dan ranting, Juga bunga.
Di celah-celahnya
Kutemui makna indah, Tenang, dan harum.
Di depan jeram, Kudengar lagu alam
Nyaring, namun tenteram.
Dalam perjalanan ini Kutemui diriku yang sepi, Namun bahagia.

Kalau disuruh memilih Antara kota dan rawa-rawa, Kupilih rawa-rawa.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:70)

Berdasarkan puisi di atas, dapat digambarkan bahawa pengarang mengisahkan tentang pengalaman yang dilalui dalam kehidupannya. Melalui puisi di atas, dapat dilihat bahawa pengarang mencintai perjalanan kehidupannya yang sangat indah membuatkan beliau menyimpan segala kenangan yang dilaluinya semasa berkunjung di Penatapan. Pengarang juga menceritkan tentang beliau yang mengisi ruang dan waktu semasa dalam perjalanan di penatapan yang begitu memberikan makna yang sangat indah, tenang dan harum buat beliau. Oleh hal demikian itu juga, pengarang menyatakan semasa beliau menjalankan perjalanannya itu dia menemui dirinya yang sangat kesepian tetapi bagi dirinya sangat bahagia. Pengarang juga mengatakan bahawa beliau lebih suka akan kepada rawa-rawa yang mana ia lebih memberikan ketenangan daripada kota yang membuatkan kehidupan yang leka dengan dunia. Hal ini jelaslah bahawa tema pengalaman yang terdapat dalam puisi di atas.

Di samping itu, tema pengalaman yang terdapat dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh juga adalah yang bertajuk “Tidak Dapat Kupetik” yang akan mengisahkan tentang pengalaman pengarang yang dikunjungi olehnya di sebuah tempat yang diberi nama Penatapan. Contoh yang dapat dipaparkan tema pengalaman ini membuat keputusan menerusi puisi ini adalah seperti di bawah:

Gunung-ganang sebanyak ini Penuh rimba.

Rimba sepenuh ini

Banyak pohon dan bunga.

Pohon dan bunga ini Tidak dapat dipetik.

Walau sehelai,

Atau sekuntum.

Jikalau kupetik

Akan kering , layu.
Indah sungguh,
Berserta kabus,hembus angin.
Sayang, tidak dapat
Kuttinggalkan diriku di sini.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:71)

Berdasarkan puisi di atas, dapat digambarkan bahawa pengarang mengisahkan tentang pengalaman yang tercipta dalam kehidupannya semasa di Penatapan. Melalui puisi di atas, dapat dilihat bahawa pengarang mencintai perjalanan kehidupannya yang sangat indah membuatkan beliau menyimpan segala kenangan yang dilaluinya semasa berkunjung di Penatapan. Pengarang juga menceritkan tentang beliau yang mengisi kenangan yang diciptanya yang bahawa beliau mencintai setiap alam yang ada di sana, pengarang menghayati segala keindahan yang terdapat di sana, seperti gunung ganang , rimba yang penuh dengan banyak pokok dan bunga yang indah tetapi beliau tidak dapat memetik dan membawa pulang walau sehelai keindahan bunga tersebut kerana untuk menjaga sumber alam yang indah itu supaya sentiasa kelihatan indah untuk pandangan orang yang akan berkunjung di sana nanti. Hal ini jelaslah bahawa tema pengalaman yang terdapat dalam puisi di atas.

Akhir sekali, tema pengamatan yang diperolehi daripada kumpulan puisi matahari itu jauh adalah bertajuk “Dadaisme di Danau Toba” Pengarang mengaitkan dengan kisah pengalaman dalam kehidupannya dengan Perkara ini dapat dilihat menerusi puisi di bawah:

Kalaolah dapat, kaudengar suara sebuah gua
Yang baru terjaga, yang terpendam Dalam lumpur purba.
“Mengapa hitam di sini?”
Ia menggumam
Tetapi siapakah yang akan menjawab,
Sekalipun dengan huruf-huruf baji?
“Di manakah segala yang penuh hijau,
Segala yang penuh biru itu?
Ia menyangka, zaman lampau
Indah, jernih bersih itu masih ada.
Siapakah akan memberitahunya,
Lapis zaman itu sudah lama tergulung?
Lebih awal sebelum fosil,
Sangat-sangat jauh sebelum sisa
Huruf-huruf Lontara, kiwi dan rencong.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:100)

Berdasarkan puisi di atas, dapat digambarkan bahawa pengarang menceritakan pada masa beliau berkunjung di danau toba itu, terdapat banyak kisah yang tersendiri yang tidak diketahui oleh sesiapa. Namun itu, tiada siapa yang akan menjawab tanda-tanda yang bermain di fikiran beliau pada ketika itu. Di danau toba itu terdapat gua yang penuh dengan lumpur ibarat tidak siapa yang pernah menziarahi mereka dan membersih Kawasan gua danau toba itu yang penuh dengan lumpur purba yang terpendam sekian lama. Pengarang juga menyatakan bahawa di mana kebahagian untuk gua ini yang perlu dipenuhi dengan kehijauan dan segalanya di penuhi dengan biru-biru. Namun juga tidak terdapat disitu, pengarang juga menjelaskan pengalamannya semasa di sana iaitu bahawa pada zaman yang dahulu terdapat alam

yang indah, bersih, dan jernih ketika itu tetapi yang diperolehi tidak seperti yang disangka oleh beliau terhadap ciptaan Allah iaitu gua Danau Toba. Hal ini mengatakan bahawa puisi di atas ini berkaitan dengan tema pengalaman.

4.2.4 Tema Taakulan

Taakulan ialah berasal dari kata dasar taakul. Proses menaakul pula adalah proses kemahiran berfikir secara kritis yang menggunakan pertimbangan logik bagi memahami sesuatu situasi mahupun sebarang idea. Menurut (Aswati hamzah, 2010) proses menaakul merupakan satu tindak balas secara sedar yang menyebabkan manusia membuat ramalan daripada aktiviti pemerhatian, fakta dan andaian yang dibuat. Justeru, proses menaakul berhubungan dengan pengalaman, penguasaan ilmu yang berkaitan dan mampu mengekalkan daya ingatan, kreativiti serta mencari pelbagai penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh individu. menaakul melibatkan proses berfikir aras tinggi dalam menjana pelbagai idea dan pertimbangan logik akal. Melalui kemahiran ini, seseorang itu mampu menyelesaikan sebarang permasalahan dalam situasi berbeza.

Rosli K Matari telah memaparkan beberapa tema taakulan dalam puisinya, Antara puisi yang memaparkan tema taakulan ini adalah puisi yang bertajuk ‘Kau banyangku’ ini adalah mengenai tinjaun yang dilakukan oleh pengarang semasa berada di Kabanjahe, namun itu pengarang suka menaakulan tentang keindahan yang ada di tempat kunjungan itu. Pengarang suka melakukan taakulan yang secara logik berdasarkan kehidupan yang dihadapi setiap manusia. Hal ini bermaksud dapat di lihat melalui puisi dibawah mengenai tentang tema taakulan.

Ke mana, Hari ini?
Kau tentu takut
Aku mengajak pergi Lebih jauh lagi.
Selalu begitu Lebih ke sana, Ke sana.
Lebih, ke sana lagi.
Aku pula lebih takut
Padamu,
Walau tidak pernah Kautahu.
Aku bimbang sekali
Kalua kaupergi,
Engkau kembali. Aku payah percaya Pada kau.
Meski kita Selalu bersama,
Kau mudah hilang.
Paling aku bimbang,
Kau tidak
Datang-datang lagi.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:54)

Berdasarkan puisi di atas, dapat digambarkan bahawa pengarang mengisahkan tentang taakulancyang dilakukan oleh Rosli K Matari dalam kehidupannya, Melalui puisi di atas, dapat dilihat bahawa pengarang mencintai perjalanan kehidupannya. Pengarang menyatakan kisah kehidupan yang setiap manusia akan meninggalkan kehidupan yang beliau ada di dunia. Pengarang sentiasa mengingati saat-saat masa yang akan di tinggal kan buat selama dalam kehidupannya. Beliau juga merupakan seorang yang sudah pun berusia yang meningkat yang selalu teringat tentang kematian, sekiranya jika beliau sudah tiada lagi. Beliau juga takut akan banyagan nya akan hilang dan tidak akan kembali lagi. Hal ini jelas dinyatakan dalam puisi di atas tentang tema taakulan.

Seterusnya, puisi lain yang memaparkan tema taakulan ini adalah puisi bertajuk "Jejakku". Ini telah tergambar melalui rangkap seperti di bawah:

Hari sudah ujung senja
Kurenung jejakku
Di tanah becak, Terbenam.
Alangkah sedih
Untuk kuucapkan Selamat tinggal padamu,
Walau jejakku. Kau akan tertinggal Sepi, sayup-sayup.

(Kumpulan puisi matahari itu jauh, 2014:67)

Menerusi puisi di atas, dapat digambarkan bahawa pengarang mengisahkan tentang taakulan yang dilakukan oleh Rosli K Matari dalam perjanlananya. Melalui puisi di atas, dapat dilihat bahawa pengarang mencintai perjalanan kehidupannya. Pengarang menyatakan kisah kehidupan tentang kehidupan yang akan beliau tinggalkan segala kenangan yang dicipta saat itu di sana. Disebabkan oleh beliau perlu pulang ke tempat asalnya walaupun di tempat yang dikunjungi oleh beliau itu sangat indah buat beliau tetapi beliau tetap akan meninggalkan segala kenangan yang telah diciptanya sewaktu berkunjung di kabanjahe yang indah itu, Pengarang juga sedih di atas segala kenangan yang dilaluinya itu yang akan meninggalkan suatu pengalaman yang sangat berharga dalam kehidupannya. Namun itu, beliau juga hanya akan meninggalkan sepi dan sayupsayup walaupun sedih buatnya untuk melangkah pergi dan meninggalkan jejaknya itu. Hal ini jelas bahawa tema taakulan yang terperihal dalam puisi diatas,

Di samping itu, tema taakulan yang terdapat dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh juga adalah yang bertajuk “Sinar terakhir” yang akan mengisahkan mengenai taakulan pengarang yang dikunjungi olehnya di sebuah tempat yang diberi nama kabanjahe. Contoh yang dapat dipaparkan tema taakulan ini menerusi puisi ini adalah seperti di bawah:

Setiap hari, sehabis-habis hampir ujung petang,
Si daun itu selalu pucat, menggeletar.
Ia sangat gementar, ngeri melihat
Kilau, kerlip sinar terakhir sang matahari.
Ia selalu ia merintih, merayu,
“Sembunyikanlah aku, wahai sang ranting.”
Sang angina yang mendengarnya Selalu tertawa, terbahak-bahak.
“Padahal, kelak, akulah yang akan membawanya,
Pergi, dan tak semestinya ke sana,” ujar angina.
Tetapi si daun itu lebih percaya,
tentu ke sana Kerana mati itu berakhir gelap hitam.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:58)

Berdasarkan puisi di atas, dapat digambarkan bahawa pengarang mengisahkan tentang taakulan yang dilakukan oleh Rosli K Matari dalam kehidupannya. Melalui puisi di atas, dapat dilihat bahawa pengarang menceritakan hal-hal kehidupannya. Pengarang menyatakan kisah k tentang kehidupan yang akan menjadi segala kenangan disaat usia sudah meingkat yang hanya tinggal sinar terakhir yang dapat menjadi kenangan buat beliau selama-lamanya. Pengarang menceritkan bahawa diri seseorang itu akan sekelip mata sahaja akan kembali ke tempat asalnya yang mana tempat asalnya. Pengarang juga sedih di atas segala kenangan yang dilaluinya itu yang akan

meninggalkan sisa-sisa kenangan yang sangat berharga dalam kehidupan. Namun itu, setiap apa yang hadir di dunia akan tetap meninggalkan hanya menunggu waktu dan masa, bila tiba masa di jemput tiada yang dapat dihalang. Hal ini jelas bahawa tema taakulan yang terperihal dalam puisi diatas,

Disamping itu juga, tema taakulan yang terdapat dalam puisi Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh Rosli K Matari adalah yang bertajuk “Delapan Catatan Perjalanan” seperti yang diketahui, puisi bertajuk delapan catatan perjalanan ini berkaitan dengan tema taakulan Tema taakulan yang dapat diperolehi daripada puisi ini antara adalah mengenai taakulan secara logik yang dilalui oleh seseorang dalam kehidupannya. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan puisi dibawah:

Yang harus kubawa
Ialah bayangku
Yang harus kuucapkan
Jangan kenang daku Ialah jejakku.
Yang ada, tetapi ada Ialah mimpi.
Yang tiada, tiada Ialah kenangan.
Yang jauh Ialah dari sini.
Yang akan cepat hilang Ialah hari ini.
Yang paling dekat,
Sejengkal Ialah maut.
Yang masih menunggu, Tentu sahaja nisan.

(Kumpulan puisi Matahari Itu Jauh, 2014:84)

Menerusi puisi di atas, dapat digambarkan bahawa pengarang mengisahkan tentang taakulan yang dilakukan oleh Rosli K Matari dalam catatan perjalanannya. Melalui puisi di atas, dapat dilihat bahawa pengarang menceritakan perjalanan

kehidupannya. Pengarang menyatakan kisah kehidupan yang akan beliau tinggalkan segala kenangan yang dicipta saat itu di sana. Disebabkan oleh beliau perlu pulang ke tempat asalnya walaupun di tempat yang dikunjungi oleh beliau itu sangat indah buat beliau tetapi beliau tetap akan meninggalkan segala kenangan yang telah diciptanya, Pengarang juga memperihalkan tentang ajal yang mana ia paling dekat dengan seisi manusia. Pengarang juga sedih di atas segala kenangan yang pernah dihadapi itu dan sudah pasti ia akan meninggalkan suatu pengalaman yang sangat berharga dalam kehidupannya. Namun itu, beliau juga hanya akan meninggalkan jejaknya, mimpiinya, kenangannya, dan hanya masih menunggu hanya sebuah batu nisan. Hal ini jelas bahawa tema taakulan yang terdapat dalam puisi di atas,

Akhir sekali, tema taakulan yang diperolehi daripada kumpulan puisi matahari itu jauh adalah bertajuk “Matahari Itu Jauh” Pengarang mengaitkan dengan kisah tinjauan dalam kehidupannya. Perkara ini dapat dilihat menerusi puisi di bawah:

Setiap hari, dalam hidup kukejar matahari
Bersama bayang, juga usiaku
Bayangku
Bergeser dengan kerikil Terjijak selut, lumpur.
Tidak mudah, Hidup ini.
Usiaku
Menyusur kelok jalan Menyeberang jambatan,
Lalu lintas.
Sangat terasa,
Hidup ini jauh, Panjang.
Tetapi, hujung senja, Terpaksa kulepaskan Bayangku pergi.
Sisa usiaku, tiada beza
Dengan temikar pecah,
Sampah sarap.


(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:89)

Berdasarkan puisi di atas, dapat digambarkan bahawa memperihalkan tentang taakulan yang dilakukan oleh Rosli K Matari dalam catatan perjanlananya. Melalui puisi di atas, dapat dilihat bahawa pengarang menceritakan kisah kehidupannya yang semakin singkat. Pengarang memberitahu tentang kisah kehidupan yang akan ditinggalkan dan segala keindahan yang dicipta oleh beliau akan disimpan sebagai kenangan sampai bilabila. Hal ini demikian beliau juga mengatakan bahawa kehidupan terasa jauh dan Panjang tetapi waktu ia akan tiba tidak lagi, oleh itu bersama-sama kita merenungkan segala apa yang telah kita leka sebelum ini kerana usia yang dimiliki tidak akan kekal lama masa dan waktunya akan tiba dan akan pergi. Pengarang juga memperihalkan tentang ajal yang mana ia paling dekat dengan manusia. Pengarang juga memberitahu bahawa usia yang singkat tidak akan pulih untuk kembalimpada awalnya kerana setiap manusia sudah ditetapkan langkah untuk mereka seperti matahari jauh akan sayup-sayup menunggu untuk hilang. Hal ini demikian, jelas bahawa tema taakulan yang terdapat dalam puisi di atas.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Jadual 4.2: Senarai Jumlah Puisi yang terpilih berdasarkan tema pengamatan, kenangan,pengalaman dan taakulan menerusi karya Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh Rosli K Matari.

| Puisi-puisi | Sub Tema | Latar Tempat | Tahun |
|--|--|--|--------------------------------------|
| Aku Harus pergi Sudut lain Walau di mana Di sini Azan Maghrib | Pengamatan Pengamatan Pengamatan Pengamatan Pengamatan | Ufuk Timur | 2014 2014 2014 2014 2014 |
| Catatan Hujung Dinihari Bertemu Danau ini Selamat tinggal Indonesia Masjid Agung kabanjahe. | Kenangan Kenangan Kenangan Kenangan Kenangan | Ufuk Timur DanauToba Ufuk Barat Kabanjahe | 2014 2014 2014 2014 |
| Kau, bayangku Sinar teakhir Delapan catatan perjalanan Matahari Itu jauh | Taakulan Taakulan Taakulan Taakulan | Kabanjahe Kabanjahe Brastagi Sipiso-piso | 2014 2014 2014 2014 |



Gambar 4.2 : Buku *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh*

4.2 Keunggulan pengarang melalui puisi berdasarkan pendekatan pelanggaran dan pengukuhan

4.2.1 Prinsip pelanggaran

Prinsip pelanggaran telah dijelaskan dengan terperinci dalam bab tiga iaitu melalui Teori Teksdealisme yang merujuk kepada usaha serta langkah pengarang mencipta dan melakukan pembaharuan ataupun transformasi terhadap penulisan yang berbeza dengan penulisan yang sebelum ini. Prinsip ini yakin bahawa sesebuah teks itu akan mencapai tahap keunggulan melalui tiga bentuk pelanggaran sama ada pelanggaran terhadap konvesi teks itu sendiri yang dihasilkan sebelum ini, pelanggaran konvesi terhadap struktur dan bentuk penulisan teks serta ketiga sama ada pelanggaran konvesi terhadap pengarang dengan pengarang yang lain. Berdasarkan pelapor Teori Teksdealisme Mana Sikana (2006:114) yang mengatakan

bahawa pelanggaran adalah proses ciptaan karya yang dinamik bagi menemukan transformasi dalam sesebuah pengkaryaan dan sebagai satu kaedah untuk menganalisis sesebuah karya dengan mewujudkan sifat-sifat keunggulan.

Prinsip ini adalah jelas menampilkan sifat keunggulan sesebuah karya yang telah melalui fasa transformasi terhadap karya-karya sedia ada dan sebelum ini. Prinsip ini ditujukan untuk bertujuan bagi memberikan kesedaran dan keinginan setiap pengarang dalam mencipta dan menghasilkan sebuah karya yang benar-benar memiliki sifat kepengarangannya. Disamping itu, kunci bagi seseorang pengarang yang cuba untuk menampilkan keunggulan karya dan keunggulan kepengarangan adalah dengan sifat keinginan bagi mentransformasikan serta menambah baik terhadap segala bentuk dan sudut karya mereka. Perkara ini turut digagaskan oleh Abdul Halim (2015) bahawa pelanggaran telah memberi ruang kepada pengarang untuk melakukan penaimbaikan serta pembaharuan terhadap teks dan kepengarangannya. Oleh hal ini demikian, seseorang pengarang yang ingin mencapai taraf keunggulan akan berusaha dengan keberanian dan keintelektualan mereka bagi melakukan proses pelanggaran terhadap penyelidikan karya-karya yang baru baharu.

Dapatkan kajian dalam prinsip pelanggaran dalam kumpulan puisi Matahari itu jauh dapat dikukuhkan melalui tiga persoalan sebagai hasrat membuktikan keunggulan yang terdapat dalam kumpulan puisi berkenaan. Persoalan yang pertama merujuk kepada aspek pengekalan dan transformasi dalam teks kumpulan puisi tersebut. Ia membuktikan langkah prinsip ini dilakukan oleh pengarang dan akhirnya memperlihatkan peranan serta kesan terhadap pembinaan teks itu. Langkah ini membuktikan bahawa kepengarangan Rosli K Matari menghasilkan kumpulan puisi Matahari itu jauh adalah berdasarkan kepada keberanian beliau dalam melakukan transformasi dan keintelektualannya dalam menampilkan teks yang unggul. Prinsip

pelanggaran yang dilakukan oleh Rosli K Matari mendorong kearah keberanian melakukan transformasi untuk perubahan terhadap struktur interinsik dan ekstrinsik karya tersebut yang mewujudkan perubahan berbanding karya-karya sebelum ini.

Di samping itu, sifat keberanian dan keintelektuan untuk transformasi terhadap penulisan Rosli K Matari telah mencetuskan idea serta keyakinan beliau bagi menghasilkan kumpulan puisi yang mempunyai makna yang tersirat-tersirat untuk difahami dan dikaji oleh pembaca. Antara unsur pelanggaran yang jelas membuktikan keberanian Rosli K Matari adalah berkaitan dengan keunggulan kepengarangan melalui tema, keunggulan kepengarangan terhadap pendekatan pelanggaran dan pengukuhan dan keunggulan idealisme Rosli K Matari.

4.2.2 Pelanggaran tema

Sebagai pengarang yang berpengalaman iaitu Rosli K Matari begitu teliti apabila menghasilkan sebuah karya yang amat mementingkan kualiti agar sampai kepada jiwa masyarakat. Kualiti yang dimaksudkan adalah apabila beliau mengetengahkan unsur falsafah kehidupan manusia yang kaya dengan simbolisme atau perlambangan yang mencerminkan citra dan jati dirinya serta sumber pengalaman yang diperolehi dengan penuh intelektual. Oleh itu yang demikian, mengambil kira pengalaman yang diperolehi semasa mengembara di sumantera utara Indonesia, Rosli K Matari berani mengangkat unsur alam dengan mengemukakan tema tentang kehidupan dan hubungan dengan alam yang disampaikan melalui perlambangan watak serta pengalaman beliau semasa kunjungan perjalannya menelusi selatan provinsi tengahnya, di sumantera utara contohnya, dari kota Medan, lewat Kabanjahe, Sibolangit, Penatapan, Brastagi, ke Sipisopiso dan Danau Toba.

Di samping itu, keberanian tema yang ditonjolkan dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Juah adalah bagi membuka mata-mata masyarakat dalam menghargai keindahan alam yang ada yang mewujudkan unsur-unsur keindahan ditampilkan. Rosli K Matari memaparkan tema kepada masyarakat tentang unsur alam dan kehidupan di dalam kumpulan puisi yang bertajuk Matahari Itu Jauh. Sifat keberanian yang ada pada Rosli K Matari telah menjadikan puisi yang unik melalui setiap kumpulan yang terdapat dalam buku tersebut kerana ia mampu berdiri di samping peristiwa yang sarat dengan unsurunsur kritikan bagi tujuan kepada para pembaca. Hal ini demikian dapat dilihat dalam petikan puisi di bawah:

Aku Harus Pergi

Hujung laut, Kaki langit. Ada apa di seberang Sana?

Pohon, tasik, gunung, yang sudah biasa kulihat deru angin, guruh menderam yang sudah biasa kudengar. Tetapi, itu sebarang lain aku harus pergi tapakku belum menjelak

Rawa-rawa, lumpur di sana.

Bahkan, bunga

Mungkin,ada

Wangi lain,

Sekalipun daun Tetap gugur.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:5)

Puisi diatas menunjukkan kisah kehidupan alam semesta yang menceritkan suasana kehidupan pengarang yang mengatakan bahawa bagaimana suasana di tempat yang dikunjungi. Pengarang membayangkan keadaan disekelilingnya itu. Disamping itu penyanjak tidak merasai lagi keadaan di alam semula jadi hutan kerana setahunnya ia belum merasai. Justeru penyanjak mengatakan bahawa kebesaran Allah swt adalah sebagai pencipta Alam. tentang dimana pengarang melakukan sesuatu penelitian

berdasarkan gambaran dan bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu pandangan dan tanggapan. Tema pengamatan ini dapat dilihat apabila pengarang menggambarkan sesuatu bayangan yang nyata, dimana pengarang duduk bersendirian memerhati permandangan yang indah yang memberikan ketenangan yang dalam kehidupan pengarang ini. Setiap permandangan yang dilihat penuh dengan kerennah yang tersendiri yang mempunyai keindahan masing-masing yang memberikan sebuah pengamatan yang baik kepada pengarang dalam melakukan penelitiannya terhadap tempat yang dikunjungi.

Manakala, berbanding dengan karya yang lain dihasilkan iaitu kenangan yang terdapat dalam puisi terpilih Rosli K Matari adalah yang bertajuk “Bertemu Danau Ini” Seperti yang diketahui, puisi bertajuk bertemu danau ini ini sarat dengan kenangan, kenangan yang diperolehi daripada puisi ini adalah mengenai kenangan seseorang pengarang dalam kehidupannya. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan puisi di bawah:

Bertemu danau sebiru indah ini
Mengingat aku pada cinta.
Tetapi siapakah yang harus
Kurindu lagi?
Usiaku sudah jauh
Bagai ke seberang sana.
Apa guna lagi berdayung cinta
Karam perabu, tenggelamlah aku.

(Kumpulan Puisi Matahari itu Jauh, 2014:96)

Berdasarkan puisi bertajuk “Bertemu Danau Ini” di atas, telah menggambarkan bahawa terdapat tema kenangan yang dialami oleh pengarang dalam kehidupannya. Secara dasarnya, puisi ini telah memerihalkan mengenai kenangan yang mana

pengarang mengenang kembali kisah cinta yang dialami olehnya pada saat ketika beliau masih muda dan cinta memang memberikan kenangan yang indah tetapi cinta juga memberikan luka yang akan selalu menjadi kenangan dalam kehidupannya. Pengarang mengatakan bahawa beliau sudah semakin meningkat usia buat apa masih lagi rindu tentang pencintaan kerana beliau tidak mampu lagi untuk bercinta dengan keadaan usia yang sudah semakin meningkat itu. Namun pepatah ada mengatakan bahawa kenangan adalah harta hati yang tak lekang oleh waktu.

Seterusnya, karya yang lain dapat dilihat melalui puisi yang terdapat dalam Kumpulan Puisi Matahari itu jauh yang bertajuk “Di Sini” yang akan mengisahkan tentang pengarang dalam menghasilkan kenangan yang dikunjungi olehnya pada saat 2014 di mana ia mengembara mencari erti kehidupan. Contoh puisi yang terdapat adalah seperti yang berikut:

Disini, walau sebagai kota besar, sibuk
Masih ada taman, jajar pohon di jalan Kembang mekar,
burung bebas girang Sebahagian serangga, dan neon.
Semua indah,
Juga ketika ditambah gerimis.
Di sini, tetap ada, temikar pecah
Payung buruk tiris, beca uzur
Warung murung, gibuk tua
Air mata mengalir di celah gelita.
Lebih sedih, ketika
Hujan lebat malam.
Disinilah,
Bercampur aduk
Indah,sedih,derita.

(Kumpulan Matahari Itu Jauh, 2014:27)

Menerusi puisi di atas, telah terkandung tentang hal pengamatan iaitu pengarang melakukan suatu pengawasan atau penelitian gambaran tentang berlaku dalam kehidupannya semasa beliau berkunjung di kota besar. Dalam puisi ini mengisahkan bahawa pengarang meneliti sebuah kota besar yang begitu sibuk yang mana pun masih ada taman, pokok-pokok di jalan yang bertumbuh mekar dan terdapat serangga yang dihinggap di Kawasan pokok, Namun demikian bahawa pengarang menceritakan tentang kehidupan di kota itu yang mana ia tentang suasana yang suram tapi indah, terdapat Kawasan-kawasan kedai yang keadaan murung dan tidak ceria, pengangkutan beca juga yang kelihatan seperti sudah pun usang, Di tempat itu keadaan yang menampakkan sedih dan pada waktu juga cuaca malam pula tanah membasihi dengan hujan lebat. Pengarang juga menjelaskan di Kawasan itu terdapat suasana kehidupan yang indah, sedih dan derita yang dihadapi oleh masyarakat disitu.

4.2.3 Prinsip Pengukuhan

Pengukuhan merupakan satu lagi usaha pengarang kearah penyempurnaan jati diri dan bentuk kepengarangan termasuklah Rosli K Matari yang berusaha sedaya upaya mempertingkatkan hasil kualiti dan bentuk kepengarangan agar tampil lebih unggul. Bagi mencapai hasrat tersebut, Rosli K Matari telah membaiki karya yang dihasilkan dengan menjadikan ukuran atau mekanisme penambahbaikan terhadap karya sebelumnya atau menjadikan karya orang lain sebagai ukuran bagi menambah naik terhadap penyempurnaan idealism terhadap Kumpulan puisi matahari itu jauh. Mana Sikana (2015) sesungguhnya untuk sampai ke taraf idealisme individualistik dan pengarang individu ia memerlukan usaha pengukuhan daripada sebuah teks ke sebuah

teks yang lain melalui prasarana individual self, individual style, individual action. Oleh itu hal demikian, Rosli K Matari memerlukan kebijaksaan dalam mengkaji karya yang dihasilkan.

Selain itu, Rosli K Matari antara pengarang yang cuba membina sesuatu pembaharuan atau kelainan dalam bentuk kepenggarangan setelah mendapat penambahbaikan daripada hasil karya sebelumnya. Hal ini dapat dilihat menerusi pengasilan kumpulan puisi yang dihasilkan Rosli K Matari. Rosli K Matari membawa unsur surrealisme dan unsur realisme yang memperlihatkan sesuatu berunsurkan kehidupan yang realiti yang berlandaskan pascamodenisme ikutan pelanggaran dan pengukuhan yang dilakukan menampilkan dinamika tersendiri. Dalam erti kata lain, Rosli K Matari membina teks berdasarkan dinamikanya sendiri terhadap kelemahan karya sedia ada dan membina proses karya yang unggul. Usaha ini turut dilakukan serentak dengan kehendak dan cita-cita Rosli K Matari bagi menghasilkan karya yang luar biasa dan mencapai tahap keunggulan.

Dalam prinsip ini, tiga persoalan yang membuktikan tahap pengukuhan kepenggarangan Rosli K Matari dalam menghasilkan puisi yang bertajuk Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh adalah dilihat melalui usaha pengukuhan yang beliau hasilkan, bagaimana pengukuhan dilakukan oleh Rosli K Matari? Dan apakah fungsi atau implikasi terhadap pengukuhan yang dilakukan dapat memberikan kesan kepada masyarakat. Justeru itu, melalui persoalan yang dikemukakan dapat dijadikan garis panduan dalam melihat keunggulan kepenggarangan yang terdapat dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh. Hasil dapatan kajian dari aspek kehadiran dan pelanggaran sebelum ini telah menemui bukti jelas keunggulan karya Rosli K Matari: Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh melalui unsur yang telah unggul terhadap karya berkenaan. Seterusnya, prinsip pengukuhan yang akan diteliti segala yang telah mempengaruhi

bentuk kepengarangan Rosli K Matari dalam mencapai tahap unggul. Sebagai pengarang yang berpengalaman yang mana beliau pernah menghasilkan bukubuku puisi beliau tidak lari daripada menggunakan cara penyelidikan terhadap karya yang sebelumnya sebagai usaha dalam menambahbaikan terhadap proses pengukuhan. Secara dasarnya, Rosli K Matari akan mencari kelemahan dan kekuatan bagi menghasilkan karya yang benar-benar berkualiti selain turut membandingkan karya pengarang yang lain sebagai ukuran bagi mencapai tahap keunggulan karyanya. Justeru, mana-mana bentuk, makna, idea dan ideologi yang bertentangan dengan kehendak kepengarangan Rosli K Matari akan ditolak dan diperbaiki dengan bentuk, idea serta ideologi yang sesuai.

Mano Sikana (1998) menegaskan bahawa usaha pengukuhan yang dilakukan oleh setiap pengarang adalah berbeza antara satu sama lain,malah ia mempunyai matlamat yang sama iaitu kearah menghasilkan karya yang unggul melalui Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh yang menampilkan idea serta dieologi yang surelisme dan realisme. Bagi istimewa lagi apabila idea dan ideologi dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh yang menyampaikan cerita yang sebenar bagi memahami maksud sebenar terhadap puisi tersebut yang mengaitkan para pembaca terhadap kisah dunia yang sebenar. Hal ini bermaksud bahawa bagi membuktikan idea dan ideologi reaslisme dijadikan sebagai tahap pengukuhan dan pemantapan dalam karya Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh.

Kepengarangan merupakan ialah suatu hal yang wujud dalam karya sastera. Dengan ini kepengarangan akan seiring dengan pengarang yang menghasilkan karyanya Contoh, seperti sajak yang merupakan karya mempunyai penulis dan Kepengarangan adalah sesuatu perihal yang berkaitan dengan pengarang. Hal ini bermaksud bahawa ia menjurus kepada kepengarangan Rosli K Matari yang dapat

dilihat dalam penulisannya terhadap sajak-sajak pengalaman hidup adalah berkenaan tentang dirinya berdasarkan pengalaman yang dialami dan keadaan sekelilingnya. Menurut Goldmann (Faruk, 2016) pengarang sebagai subjek kolektif dari kelompok sosial tertentu dalam kehidupan masyarakat memiliki aktiviti dan gagasan yang cenderung kepada proses penciptaan pandangan yang menyeluruh ataupun lengkap tentang kehidupan sosial manusia. Hal ini demikian, pengarang mewakili pandangan dunia dari kelompok sosialnya serta proses mengetahui pandangan dunia pengarang dalam karya sastera.

4.2.3.1 Pengukuhan Teknik Penceritaan

Satu elemen yang diberi penekanan dalam pembinaan sesbuah puisi ialah Teknik penceritaan. Aspek struktur dan Teknik merupakan perkara penting dalam sesebuah karya sastera puisi. Elemen asas yang seharusnya terdapat dalam sesebuah karya sastera ialah unsur-unsur pembukaan (pengenalan), perkembangan, dan sebagainya. Dalam konteks kepengarangan yang ditampilkan oleh Rosli K Matari, menunjukkan Teknik penulisan yang dinamik dan melakukan pembaharuan dalam puisi-puisinya. Dalam penulisan kreatif, teknik-teknik penceritaan yang sering digunakan dalam puisinya iaitu pemerian, perulangan, dialog dan monolog, menerusi Talib Samat, 2008).

Kajian mendapati, Rosli K Matari melakukan pengukuhan demi pengukuhan dari aspek teknik penceritaan. Setelah menkaji puisi-puisi yang terdapat dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh begitu menyerlahkan pengukuhan teknik-teknik tersendiri yang dibinanya. Teknik-teknik yang dibina, dikembangkan, diperkuuh dan memantapkan.

Selain itu, didapati teknik yang dilakukan adalah teknik monolog, teknik monolog yang ketara dilakukan pengukuhan adalah monolog dalaman. Teknik ini dapat menggambarkan dan menyelami secara dalam mengenai jiwa, perasaan, pemikiran, kebebasan fikiran, mesej dan tindakan dalam peristiwa serta isi dalam cerita. Teknik monolog dalaman banyak digunakan dengan meluas dalam Puisi Jagung bakar di Penatapan. Penatapan ini bukan untuk dijual dan Dadaisme di Danau Toba. Hal ini demikian dapat dilihat contoh dalam puisi di bawah:

Jagung Bakar di Penatapan
Kuingat
Jagung bakar, penatapan
Kukunyah perlahan
Sambil kukenang Tangan orang miskin Menanam.
Ah, bagai ditanam
Untukku
Bagai ditunggu Sebegitu lama,
Sehingga aku tiba.
Ah, petani yang baik hati
Entah siapalah engkau,
Entah mana pula desa.
Kukunyah perlahan,
Kerana engkau pun
Tidak mudah menanam. Malah, mungkin terpaksa Ditugal.
Memilih benih, menyimpan
Merendam, menyemai
Menanam, menunggu tumbuh.
Itu pun belum selesai.
Menunggu, mengharap hujan

Padahal hujan pun
Jarang datang
Kautanam, sebijji bernih Kukunyah, berpuluhan-puluhan biji isi Di tongkol.
Kubayar, tak seberapa harga
Entah berapa pula
Rupiah nipis kauterima,
Mungkin sangat nipis, Senipis-nipisnya.
Tak mudah
Memakan jagung ini, Sebenarnya.
Tergenang air maraku.
Kukunyah, perlahan
Kerana
Yang kutelan Lelah, sedih rawan orang desa Yang sangat-sangat miskin.
Yang bergantung harap
Pada jagung, walau setongkol.
Selebihnya,
Embun berderai dinohari
Dan angina menderu, Sangat dingin.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:63)

Penatapan Ini Bukan untuk dijual Saya ini orang sini, pak.
Orang miskin,
Tetapi tak akan menjual penatapan ini
Untuk menjadi kaya, Walau daun sehelai.
Ke mana akan pergi
Ulat bulu itu,
Kalau Penatapan ini kami terjual?
Kami sayang Penatapan ini,
Walau lereng-lerengnya Tidaklah memudahkan kami Untuk hidup.

Walau kami sehelai
Nipis,
Angina dan kabusnya pula Sangat dingin. Sangat dingin, Pak Menggigit.
Apalagi dinihari,
Batu di sungai pun menggigil.
Tetapi gunung-gunung ini
Memberi kami dunia untuk hidup,
Indah atau sedih.
Kalau kami mati pun
Kerana jalan raya itu
Berliku-liku
Bukan kerana pohon
Sungai, dan jeram ini.
Bunga, unggas,
Serangga, semua ini
Akan disimpan
Untuk anak cucu.
Kalau kami mati,
Penatapan ini ditakdir
Terjual,
Gunung ditarah Pohon, jeram hilang,
Itu bukan salah kami.
Bukan salah kami.
Pak.
Itu kerja pengkhianat,
Bapak politik bertopeng,
Maling yang akan Datang.
Ketika itu,
Kubur kami pun Sudah sekali gus hilang.
Agaknya.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:66)

4.3 Keunggulan idealisme Rosli K Matari dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh

4.3.1 Proses kreatif Kumpulan puisi Matahari Itu Jauh

Rosli K. Matari mengakrapi puisi sejak tahun 1980-an lagi. Ketika beliau mengikuti pengajiannya di Universiti Sains Malaysia, Namanya sudah disebut-sebut antara penulis muda yang punya potensi yang cukup tinggi. Shahnon Ahmad dan Fatimah Busu mengakui keupayaan Rosli K Matari. Setelah hampir 30 tahun berlalu, Rosli membuktikan kemampuan dan anggapan tersebut dengan Matahari Itu Jauh (Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2015. Buku ini dihasilkan daripada pengalamannya mengembara ke negara jiran, Indonesia. Sebanyak 96 buah puisi dalam kumpulan ini menjarkan kenangan, pengalaman, pengamatan, dan taakulan penyair berdasarkan kunjungan perjalanannya, pada hujung tahun 2014, ke Sumatera Utara. Perjalanannya menyelusuri selatan provensi tengahnya, Indonesia - dari kota Medan, lewat Kabanjahe, Sibolangit, Penatapan, Brastagi, ke Sipiso-piso dan Danau Toba.

Rupanya pengambaraan ini telah terpendam di sanubari penulisnya puluhan tahun juga. Katanya, dahulu semasa usia 17, atau mungkin 18 tahun, ketika zaman awal semakin berminat mencipta puisi, saya pernah terfikir, alangkah menariknya kalau pihak kerajaan, atau mana-mana syarikat yang kaya-raya boleh membayai penulis dan penyair untuk berkunjung ke mana-mana tempat, negara, katakanlah selama setahun, agar dapat mencipta dalam suasana luar atau baharu, dalam erti kata menimba dan memperkaya sesuatu yang baharu untuk kreativiti. Sama ada menetap

atau berkembara. Tetapi berkembara itu, tentu lebih baik. Begitulah cita-cita atau angan-angan seni bagi Rosli K. Matari. Akhirnya pada penghujung tahun 2014, keinginan mengembaran itu terkabul apabila beliau bersama 20 peserta lain daripada Persatuan Penulis Muda Kelantan (GEMA) mendarat di Medan. Kerana persediaan menulis catatan kembara itu telah berbenah puluhan tahun, dalam waktu yang relatif singkat, Rosli telah mencipta puisi pengembaraan dengan cukup baik sekali. Secara rambang, saya cuba memilih puisi-puisi terbaiknya dalam tulisan ini. Antara puisi yang memikat adalah Ekspresionisme di Sibolangit (hal. 40).

Ekspresionisme di Sibolangit
Kalau kupinjam pokok jati ini
Kemudian kutanam di titiwangsa, tanah airku
Tidakkah sama boleh tumbuh di rimba, gunung?

Kalau kubawa pulang mertajam dari tanah airku
Tanamlah di mana-mana juring kota, desa pun
Tidakkah burung boleh mengecap, mencicip nikmat?

Apa bezanya, wahai indonesia
Kita serumpun bertanam buluh
Buluh akan patah, diserbu ribut, jika hidup sebatang

Di belakang kita masih ada seribu rebung
Kelak, semuanya boleh menjunjung langit.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:37)

Pagi

Di lereng tinggi ini
Usahkan manusia
Alam pun harus bergulat

Kabut, angin dingin, matahari
Berebut ruang
Di celah gunung, pohon

Seekor burung kecil menegurku
Tetapi cepat pergi
Mungkin kerana malu

Di manakah anak tupai?
Mudah-mudahan kau bahagia
Meski, di hujung sisa rimba

Sebatang pokok pisang
Koyak-rabak daunnya
Hidup ini tidak mudah, ya?

Sungai masih jernih Tetapi barangkali tidak tahu
Apa ada, jauh di depan sana?

Di sana, berselerak sisa balak
Di depan lagi, ada kota
Di depan sedikit lagi, sampah sarap
Segala bayang
Semuanya sengsara

Harus merangkak ke juring sore
Di sanalah
Segala derita akan terjeruk Terendam dalam malam.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:41)

4.3.2 Pengalaman yang dilalui

Rosli K. Matari, antara penyair terpenting angkatan 80-an Malaysia. Pernah memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1988/89, hadiah utama dalam Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1990, 1991, 1992, 1993, serta hadiah penghargaan pada tahun 1995, Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) 1996/1997, hadiah penghargaan dalam Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU)-ExxonMobil 2011, HSPM 2010/2011, hadiah utama dalam HSKU-ExxonMobil 2012, HSPM 2012, Penghargaan Karyawan Kelantan 2013, dan HSPM 2013.

Kumpulan puisi pertamanya, Nun Bulan pada tahun 2011 membuktikan sifat tekun dan cermat memperhalusi kreativiti kepenyairannya. Ia terbit sesudah 33 tahun menghadirkan diri dalam ranah sastera, sejak puisi pertamanya tersiar dalam Dewan Sastera pada tahun 1978, ketika berusia 17 tahun.Rosli K Matari tidak perlu menunggu lama untuk menyaksikan kelahiran itu, tetapi beliau tidak gelojoh untuk memiliki kumpulan puisi dengan cepat. Dunia kepenyairan seolah-olah jalan panjang bagi dirinya.

4.3.4 Sejarah Penulisan

Puisi Rosli K Matari jarang muncul dalam media massa, memenangi banyak hadiah seperti Hadiah Sastera Malaysia, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM), Kumpulan puisi pertamanya, Nun Bulan pada tahun 2011 membuktikan sifat tekun dan cermat memperhalusi kreativiti kepenyairannya. Ia terbit sesudah 33 tahun menghadirkan diri dalam ranah sastera, sejak puisi pertamanya tersiar dalam Dewan Sastera pada tahun 1978, ketika berusia 17 tahun. Rosli K Matari tidak perlu menunggu lama untuk menyaksikan kelahiran itu, tetapi beliau tidak gelojoh untuk cepat memiliki kumpulan puisi. Dunia kepenyairan seolah-olah jalan panjang bagi dirinya.

Sejumlah puisi bermilai tinggi termuat dalam kumpulan ini sebahagian besarnya belum tersiar, tersimpan dan diperhalusnya sekian lama. Karyanya mengangkat tema besar mencakupi ketuhanan, kemanusiaan dan peperangan. Penyair, Rosli K Matari, sempat berkongsi pengalamannya membina bakat kepenyairan dan jalur kepengarangan bersama-sama pengarang lain terutama anak kelahiran Kelantan dalam pertemuan dengan beliau di Kubang Kerian. NUN Bulan karya Rosli K Matari hadir pada ranah sastera tanah air agak lewat berbanding usia kepenyairannya yang menjangkau 33 tahun sejak puisi pertamanya tersiar di Dewan Sastera pada 1978.

Bagaimanapun kumpulan yang menghimpunkan 52 puisi ini, memiliki perwatakan tersendiri sehingga tidak mungkin terapung-apung dalam lubuk puisi tanpa menimbulkan gelombang puitisnya. Ini kerana Rosli K Matari tidak berlebih-

lebih dalam menuang fikir, memilih diksi dan membentuk puisi tetapi membaca puisinya menjadikan kita merasakan karyanya tepat untuk mengungkapkan pemikiran dan perasaan kepenyairan yang mendalam. Antara kisah puisi yang terdapat dalam puisi beliau adalah mengenai Pengamatan, Pengalaman, Kenangan dan Taakulan berdasarkan kunjungan perjalannya pada hujung tahun di Sumatera Utara, beliau menelesuri perjalannya dari kota medan, lewat Kabanjahe, Sibolangit, Penatapan, Brastagi, ke Sipiso-piso dan Danau Tobau.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab terakhir ini yang dilakukan oleh pengkaji telah melaksanakan segala aspek yang berkaitan iaitu rumusan secara menyeluruh menerusi analisis kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji sebelumnya pada bab 4. Bagi memperlihatkan keseluruhan rumusan ini, pengkaji telah menerangkan implikasi dan mencadangkan beberapa insiatif yang berkualiti yang boleh dilaksanakan bagi membantu dan mengukuhkan pengkajian oleh pengkaji pada masa akan datang. Menerusi bab ini, pengkaji akan memperbaiki dan meningkatkan mutu kajian ini yang berkaitan dengan tajuk. Keunggulan Kepengarangan Rosli K Matari berdasarkan kumpulan puisi Matahari Itu Jauh telah membuktikan dalam analisis kajian yang telah merungkai aspek-aspek serta bentuk kepengarangan beliau. Secara khusus, kajian ini turut meletakkan kedudukan Rosli K Matari di takhta dan di puncak kepengarangan unggul, sebagaimana peranan beliau sebagai seorang pengarang yang berpengalaman. Kedudukan tersebut pula bukan sekadar untuk mengangkat kebijaksanaan beliau dalam bentuk kepengarangan, malah menjadikan bentuk kepengarangan tersebut sebagai kayu ukur dan landasan utama membina sebuah teks yang unggul. Perkara ini membawa erti bahawa pelapis kepengarangan pada hari ini melahirkan karya yang benar-benar mampu memberi manfaat dan berkesan kepada masyarakat sebagaimana peranan sastera sebagai cerminan untuk masyarakat.

Dunia kepenggarangan hari ini sewajarnya mencontohi segala aspek yang telah menjadi kekuatan kepada sesebuah karya. Aspek tersebut pula antara lain menekankan nilai-nilai etika supaya mengelakkan daripada menekankan unsur hiburan semata-mata. Sebaliknya, pengarang akan menampikan fakta-fatka yang mengungkapkan sesuatu peristiwa yang benar bertujuan mendidik dan memberi kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, kajian yang dijalankan ini telag menemukan idealism Rosli K Matari sebagai seorang pengarang yang bukan sahaja menekankan nilai-nilai etika tersebut malah turut berjaya menyampaikan bentuk dan proses kepenggarangan mengikut tatacara bagi mencapai tahap dan puncak pemikiran yang unggul.

Di samping itu, demi mencapai puncak idealism tersebut, Rosli K Matari telah memperlihatkan kehadiran yang jelas dibuktikan dalam empat prinsip Teori Teksdealisme. Teori ini telah menjelaskan dan menganalisis tatacara dan unsur yang menjadi kekuatan tehadap gaya proses kreatif Rosli K Matari khususnya dilihat dalam puisi Matahari Itu Jauh yang mempunyai daya tarikan dan keistimewaan yang menampilkan naratif yang diolah dengan begitu berani dan penuh dengan pembaharuan sebagai salah satu usaha Rosli K Matari meletakkan puisi ini tahap yang unggul. Empat-empat prinsip teksdealisme telah membuktikan segala asas yang mengkaji dalam puisi ini. Justeru, semangat tersebut hadir dalam cara penyampaian yang begitu unik dan perlu diambil perhatian kepada semua pengarang dalam membina proses kepenggarangan.

Prinsip Kehadiran telah dibuktikan secara jelas dalam diri pengalaman Rosli K Matari melalui pengalaman kehidupan masyarakat dan pengalaman pengembawaan.

Dalam puisi pengalaman dalam Kumpulan Puisi Matahari itu jauh. Dengan olahan gaya naratif yang cukup bermakna bukan sahaja kepada pengarangnya, tetapi turut dipengaruhi dengan pengalaman hidup pembaca yang meneliti terhadap setiap peristiwa yang digambarkan. Prinsip pelanggaran juga memainkan peranan penting bagi Rosli K Matari dalam membina naratif terhadap puisi. Sifat berani dengan pembaharuan terhadap pelanggaran tema dan persoalan serta pelanggaran dari segi watak dan perwatakan telah dibuktikan dapat menampilkan keunggulan dalam kepengarangam Rosli K Matari agar puisi membentuk kepengaranfan yang membina identitinya yang tersendiri.

Demikian juga, prinsip pengukuhan yang menjadi titik penyempurnaan Rosli K Matari bagi meningkatkan hasil dan kualiti kepengarangan dalam puisi ini agar mendapat tahap yang unggul. Beliau memperkuuhkan dengan menggunakan pelbagai bentuk gaya penceritaannya, Akhirnya prinsip individualism merupakan puncak akhir Rosli K Matari dalam mencapai tahap yang unggul dengan melakukan pemantapan diri dan teks, membentuk keperibadian dari segi gaya Bahasa serta membentuk dengan baik.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.1 Rumusan

Setelah meneliti dan melakukan analisis berkenaan kajian keunggulan kepengarangan Rosli K Matari dalam terpilih iaitu Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, membuktikan setiap objektif yang disasarkan. Puisi yang dipilih ini telah dibuktikan unggul berasaskan analisis dan ukuran melalui empat aspek bagi Teori teksdealisme. Kajian ini turut membolehkan para pengkaji dan penyelidik menjadikan ukuran asas sebagai salah satu proses kepengarangan kepada pengarang-pengarang sedia ada serta pengarang masa hadapan. Ukuran tersebut dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam menghasilkan kepengarangan yang benar-benar unggul. Perkara ini menjadi suatu keperluan dan kehendak bagi setiap pengarang yang sentiasa menginginkan karya yang dihasilkan mendapat tempat dan tampil dengan idealisme yang unggul.

Kajian ini telah membuktikan bahawa tiga objektif yang disasarkan bagi mencapai serta meletakkan kedudukan Rosli K Matari di puncak idealism melalui puisi ini. Objektif yang pertama, kedua dan ketiga secara jelas telah mengenal pasti tema dalam kumpulan puisi Matahari Itu Jauh Rosli K Matari, Menganalisis keunggulan pengarang melalui puisi berdasarkan pendekatan pelanggaran dan pengukuhan serta Merumuskan keunggulan idealisme Rosli K Matari dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh. Dalam konteks ini, aspek -aspek yang terkandung dalam puisi yang dibuktikan dalam teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran dan prinsip pengukuhan. Analisis terhadap puisi ini melalui prinsip dan menemui faktor-faktor idea dan sumber yang menjadi titik kepengarangan Rosli K Matari. Beliau tidak menghasilkan puisi ini tanpa tujuan dan niatnya pula bukan

bertujuan sekadar memberi hiburan kepada pembaca. Secara jelas, puisi ini sangat relevan di angkat sebagai puisi yang unggul kerana reka cipta dan proses kepengarangannya yang berstruktur malahan mampu memanfaatkan masyarakat.

Proses kepengarangan menjadi suatu kemestian kepada pengarang dalam usaha merangka dan membina proses kreatif dengan melihat dari pelbagai sudut serta ruang yang dapat membantu menjana idealisme. Tanpa mementingkan proses kepengarangan yang unggul, boleh menyebabkan pengarang tersasar malah jauh terpesong dengan fungsi serta peranan karya sastera kepada masyarakat. Fungsi dan peranan inilah yang mesti menjadi keutamaan kepada setiap pengarang agar dapat membentuk jati diri dalam mencapai puncak idealism dan tampil unggul. Oleh hal yang demikian, pengarang hari ini memerlukan kebijaksaan dalam mempersembahkan sesbuah karya yang bukan hanya untuk hiburan, malah mengutamakan didikan dan nasihat yang baik melalui saluran daripada sumber kebijaksanaan, Justeru itu, melalui kebijaksanaan ini membolehkan pengarang menampilkan contoh-contoh yang ideal untuk dipersembahkan dalam karya agar dapat memberikan nilai dan pengajaran yang baik kepada masyarakat.

UNIVERSITI
KELANTAN

5.2 Implikasi Kajian

Pemikiran yang diterapkan oleh Rosli K Matari dalam karya yang dihasilkan iaitu Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh (2013) dilihat bahawa pengarang berusaha dalam memasukan unsur yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat. Penghayatan makna yang baik kepada masyarakat. Keindahan menerusi setiap rangkap yang diterapkan oleh pengarang dilihat bahawa pengarang menerokai kaedah yang baru dalam menceburi karya yang kreatif memerlukan pemikiran yang kritis dalam menghasilkan setiap rangkap puisi yang baik bagi memudahkan pemahaman kepada masyarakat agar mesej disampaikan tercapai melalui Kumpulan Puisi Matahari itu Jauh.

Menerusi kelainan yang dibawa oleh pengarang ini dapat menarik minat masyarakat untuk menyelami tentang erti kehidupan yang telah dilalui oleh pengarang dalam setiap puisi yang dihasilkan itu. Hal ini dapat mendedahkan kepada masyarakat akan jati diri masyarakat dan kehidupan. Setiap pengarang memiliki daya imaginasi yang kuat dan pemikiran yang kritis serta kreatif dalam menghasilkan karya yang bermutu untuk menyampaikan mesej yang dihasilkan dalam sesebuah karya. Kumpulan puisi matahari itu jauh ini wajar dan relevan untuk dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji dan pengarang dalam membina kepenggarangan yang unggul. Hasil daripada kajian ini turut mendorong kepada pengarang-pengarang hari ini dan pengarang yang sedia ada untuk berusaha mempertingkatkan aspek kepenggarangan supaya tampil menjadi antara karya yang unggul dan bermutu kepada pembentukan masyarakat. Menghasilkan sebuah karya yang bermutu adalah tidak semudah yang disangka melainkan kita perlu melalui beberapa proses dalam menghasilkan

pembentukan idealism dan membentuk teks yang dapat berdiri sendiri. Proses ini juga memerlukan pengarang yang berani dalam menampilkan sesuatu yang baharu sebagai langkah membina identiti dalam kepengarangan.

Justeru itu, Kumpulan puisi matahari itu jauh adalah merupakan contoh karya yang dapat mendorong pengarang untuk mempelajari aspek-aspek keunggulan kepengarangan. Aspek tersebut antaranya dipengaruhi oleh pengalaman yang membentuk sumber dan idea untuk diterjemahkan ke dalam sesbuah puisi. Pengalaman tersebut penting sebagai proses kehadiran yang awal kepada pengarang untuk dimanfaatkan.

Aspek keberanian juga merupakan kepentingan dalam proses kepengarangan agar segala sumber dan idea yang diperoleh membawa satu pembaharuan. Keberanian ini dilihat apabila aspek yang diketengahkan seperti tema dan persoalan serta teknik tampil dengan pembaharuan. Keberanian ini merupakan satu eksperimen bagi pengarang dalam menghasilkan sesuatu perkara yang baharu yang tampil berbeza dan bentuk kepengarangan sebelumnya atau hasil kepengarangan pengarang yang lain. Oleh itu demikian, Teori teksdealisme melalui prinsip pelanggaran yang telah menjelaskan aspek yang membawa keberanian dalam kepengarangan Rosli K Matari melalui Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh. Justeru itu, dengan keberanian ini juga menjadi pendorong kepada pengarang lain dalam usaha membawa suatu pembaharuan dan membina jati diri pengarang yang tampil berani dengan idealismenya.

Selain itu, aspek keberanian yang perlu dimiliki oleh pengarang akan berusaha sebaik mungkin menghasilkan karya yang dihasilkan terutama menjadikan karya yang dihasilkan sebelumnya atau karya orang lain sebagai mekanisme utama melakukan

proses penambahbaikan bagi menyempurnakan puncak idealismenya. Oleh itu yang demikian, pengarang yang berusaha mencapai tahap idealisme tersebut boleh menjadikan pengukuhan terhadap Rosli K Matari dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh sebagai salah satu proses kepengarangan yang unggul. Akhirnya, pengarang boleh mencontohi Rosli K Matari bagi mencapai tahap idealismenya dengan melihat proses penyempurnaan kedua-dua puisi ini.

Di samping itu, turut ia memberikan manfaat dalam kajian ini adalah untuk memperkuuh cabang ilmu kepengarangan yang dapat djadikan sebagai rujukan kepada para pengkaji dan penyelidik akan datang. Ilmu kepengarangan harus juga ditekankan sebagai langkah menggalakkan masyarakat dan pembaca mengenali pengarang dan mengenal pasti aspek yang membina asas kepengarangan. Perkara ini dapat membolehkan pembaca rapat dengan pengarang dan mengetahui tentang sikit sebanyak tentang kepengarangan pengarang dan bukan hanya melihat aspek teks atau karya semata-mata tetapi juga dapat meneliti dan menganalisis terhadap aspek keunggulan kepengrangan Rosli K Matari dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh yang mana ia memberikan impak yang positif kepada pengkaji dan penyelidik serta juga pembaca sebagai masyarakat dalam menjelaskan aspek yang mencapai keunggulan karya.

5.3 Cadangan Kajian

Pada peringkat ini, beberapa cadangan boleh menjadi suatu rujukan oleh pelbagai pihak sebagai langkah untuk menjadikan proses kepengarangan sebagai suatu perkara penting dalam menentukan keberkesanan dan mutu sesebuah puisi yang dihasilkan. Maka, pengarang akan dijadikan objektif utama kajian dengan melihat beberapa aspek kepengarangan yang digunakan dalam berkarya. Antara berikut adalah merupakan cadangan yang dikemukakan sebagai rujukan pelbagai pihak.

5.3.1 Peranan Pengarang dalam Membentuk keunggulan kepengarangan

Pengarang memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan setiap karya yang dihasilkan benar-benar berkesan dan memberi kesedaran kepada masyarakat. Bagi mencapai hasrat dan cita-cita itu, mereka perlu mencontohi karya-karya yang sudah dibuktikan unggul bagi mempelajari setiap aspek yang membina dan mempengaruhi pembentukan sebuah karya yang baik. Aspek-aspek yang telah dibincangkan seperti sumber pengalaman, keberanian,pengukuhan karya yanag menjadi penggerak utama sebelum memukakan proses kepengarangan agar tampil dengan idealisme yang unggul. Pengarang perlu terlebih dahulu merujuk kepada hasil kepengarangan yang telah diakui dan dibuktikan unggul agar apa yang diketengahkan dapat mencerminkan keperibadian mereka. Langkah ini bukan sahaja bermanfaat kepada diri mereka malah turut memberikan manfaat kepada masyarakat sebagai pembaca.

Selain itu, Kesungguhan pengarang dalam melakukan penyelidikan terhadap proses kepenggarangan daripada pengarang yang unggul turut menjadikan cerminan dan model dalam membina kerangka idea agar karya yang dihasilkan turut mencapai tahap kemuncak idealismenya. Namun, pengarang baharu kini menjadikan proses kepenggarangan daripada sasterawan yang sudah lama bergiat dalam berkarya. Tokoh-tokoh tersebut memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam membentuk idealisme yang memberikan manfaat besar kepada kepenggarangan dunia sastera ini. Pengarang perlu menganalisis dan mengkaji proses kepenggarangan yang berkenaan dengan idea yang baharu mengikut acuan sendiri, tidak perlu menjadikan idealisme mereka semata-mata untuk mencipta atau mengikut cara mereka menghasilkan. Oleh itu, pengarang pada hari ini harus mendalam setiap kepenggarangan yang unggul, namun tidak perlu meniru gaya dan setiap aspek yang digunakan oleh tokoh-tokoh tersebut. Pengarang perlu memiliki sifat keberanian, mempunyai jati diri dan bebas daripada terikat dengan konvensi sedia ada selain itu turut memperkayakan hasil karya mereka kearah yang lebih memanfaatkan kebebasan dan keberanian ini sering kali diabaikan oleh sebahagian pengarang yang dibelenggu dengan gaya dan kepenggarangan sekadar untuk membrikan hiburan tanpa mengkaji terlebih dahulu terhadap proses-proses yang membina keunggulan kepenggarangan. Maka, ditegaskan bahawa puisi Kumpulan puisi Matahari Itu Jauh relevan untuk dijadikan sebagai panduan kepada pengarang pada hari ini sebagai karya yang dapat membimbing ke arah mencapai keunggulan kepenggarangan. Dalam puisi ini telah membentuk identiti kepenggarangan Rosli K Matai dalam memperincikan segala bentuk sumber dan idea pengalaman beliau sebagai suatu bentuk kehadiran bermakna. Demikian itu juga, aspek-aspek keberania Rosli K Matari turut menjadikan ukuran kepada pengarang yang lain dalam untuk

membina suatu pembaharuan selain aspek pengukahan yang membantu untuk mencapai tahap keunggulan.

5.3.2 Peranan terhadap sumbangan kreatif

Bagi menjadikan kepengarangan sebagai cabang ilmu yang wajib diketengahkan oleh masyarakat, maka institusi Pendidikan merangkumi Pendidikan di peringkat sekolah dan Pendidikan tinggi melalui peranan pihak universiti untuk mewujudkan pembelajaran proses kepengarangan. Langkah ini bukan sahaja dapat menjadikan tokoh pengarang dikenali hingga menjadi ikon yang boleh dibanggakan, malah turut memberikan suntikan kepada para pelajar sekolah dan pelajar universiti untuk mengetahui proses kepengarangan yang dilakukan pengarang. Manakala, di peringkat sekolah aspek sastera diselitkan dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai komsas sebagai bahan seni Bahasa untuk menitikberatkan aspek kepengarangan sebagai langkah untuk mengenali pengarang untuk mengetahui proses kepengarangan selain itu turut menimbulkan minat dan dorongan untuk menjadi pelapis dalam dunia kepengarangan. Peranan pihak guru juga penting selain mahir dalam pengajaran dan mendorong pelajar untuk meneroka aspek kepengarangan sebelum mengkaji aspek-aspek tersebut. Sumbangan kreatif kepada masyarakat tentang keunggulan kepengarangan dapat membantu menginspirasi, mendidik dan memberikan impak positif kepada banyak orang. Berikut beberapa idea sumbangan kreatif yang dapat dilakukan. Pengarang dapat menulis buku sebagai menginspirasi dan memberikan wawasan baru kepada pembaca. Buku tersebut pula mengandungi motivasi, panduan hidup atau pengalaman serta pengetahuan yang dapat meningkatkan kualiti kehidupan.

Selain itu, melatih menulis secara kreatif, menulis secara kreatif dapat memberikan karya yang dapat mengembangkan dan mencapai tahap keunggulan. Sehubungan dengan itu, cadangan pengkaji adalah menjurus kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Umun mengetahui bahawa sememangnya teknik menerbitkan banyak karya penulisan yang hebat dalam industri penulisan, namun dalam konteks tersebut, pengkaji melihat bahawa DBP perlu memperkayakan lagi karya berkaitan puisi yang moden supaya memberikan lebih pendedahan kepada masyarakat dan juga peluang kepada pengkarya muda yang berpotensi pada masa akan datang untuk lebih berani dalam mengutarakan idea melalui penulisan mereka.

5.3.3 Peranan Kepada pengarang muda

Pengarang muda memiliki peranan yang penting dalam menghasilkan puisi yang baik bagi diri mereka sendiri maupun bagi masyarakat secara lebih luas. Berikut adalah beberapa peranan yang dapat dimainkan oleh pengarang muda dalam dunia puisi. Puisi memberikan sarana bagi pengarang muda untuk mengekspresikan perasaan, pemikiran, dan pengalaman peribadi mereka. Melalui penghasilan puisi ini mereka dapat menemukan suara mereka sendiri dan mengungkapkan identity serta pandangan unik mereka terhadap dunia sastera. Dengan adanya tokoh seperti Rosli K Matari ini dapat memberikan banyak pengkarya muda dalam menghasilkan karya-karya mereka kerana dengan keberanian yang telah ditonjolkan dalam karya-karya sasterawan yang ada terutamanya Rosli K Matari yang mana ia mengandungi banyak tentang pengalaman kehidupan yang telah diberitahu dalam setiap karyanya. Di samping itu, Pengarang muda dapat menggunakan puisi sebagai medium untuk menyampaikan pesan-pesan yang penting, seperti nilai-nilai moral, sosial dan pengalaman yang pernah

dilalui sebagai rujukan kehidupan. Puisi juga dapat menjadi alat yang kuat untuk motivasi kepada masyarakat terhadap perubahan sosial dan pemikiran positif.

Selain itu, Puisi juga merangsang imaginasi dan kreativiti. Pengarang muda dapat mengeksplorasi berbagai gaya, teknik, dan bentuk puisi untuk menciptakan karya yang unik dan inovatif serta bermutu untuk menghasilkan karya yang unggul. Ini dapat membawa pengarang dan pembaca pada pengalaman baru dengan mendalam. Dengan menghasilkan puisi pengarang muda dapat membawa perspektif baru dan pandangan yang baik terhadap isu-isu yang ada. Mereka dapat merangsang fikiran pembaca untuk mempertimbangkan sudut pandang yang mungkin belum pernah mereka hasilkan dan lakukan sebelumnya. Justeru itu juga, Puisi memberikan ruang bagi pengarang muda untuk mengeksplorasi dan memperkayakan bahasa mereka. Melalui peranan ini pengarang muda tidak hanya disumbangkan pada perkembangan sastera, tetapi juga dapat mempengaruhi pandangan dan pemikiran masyarakat. Puisi juga menjadi alat yang kuat untuk meningkatkan tahap penulisan serta memperkaya kehidupan manusia dengan kata-kata indah dan panduan dalam hidup masyarakat. Kepenulisan juga membantu memperbaiki cara komunikasi. Kemampuan menyampaikan idea dengan jelas dan efektif untuk mencapai tahap keunggulan.

5.4 Kesimpulan

Kesimpulanmnya, hasil kajian yang dijalankan ini telah menyarankan agar pengarang perlu berusaha mengkaji segala aspek kepengarangan bagi membolehkan karya yang dihasilkan unggul dan meninggalkan kesan kepada pembaca. Segala aspek keunggulan yang dibuktikan dalam kepengarangan Rosli K Matari melalui Kumpulan

Puisi Matahari Itu Jauh. Yang dapat membantu pengkaji dan pengarang yang lain dalam usaha melihat kekuatan yang djadikan sumber dan idealisme dalam karya. Namun itu, terdapat banyak pengarang pada hari ini terdedah dengan persekitaran penulisan yang mengutamakan hiburan semata-mata yang boleh meruntuhkan kegemilangan dan fungsi kesusasteraan. Sebaliknya pengarang harus menanam sifat untuk berusaha meninggikan aspek idealisme dan berani menampilkan pembaharuan karya dengan mempunyai jati diri yang tersendiri dalam mengukuhkan idealisme dan karya dihasilkan serta keinginan untuk memberi kesedaran, mendidik kepada masyarakat.

Aspek keberanian dituntut oleh seorang pengarang yang berusaha menjadikan karya mereka tampil unggul. Keberanian menampilkan idea dan pemikiran baru sebagai satu usaha pembaharuan yang ditampilkan dapat membantu pengarang mencapai tahap keunggulan. Oleh itu, pengarang perlu berusaha mengkaji keberanian yang ditonjolkan oleh pengarang-pengarang yang unggul sebagai panduan untuk menghasilkan kelainan dan membina identity karya yang dihasilkan. Dalam mencapai hasrat tersebut juga, pengarang tidak seharusnya meniru atau menggunakan gaya pengarang lain, identity dan gaya kepengarangan karya yang unggul lain. Sebaliknya menghasilkan pengukuhan terhadap karya sendiri dan karya orang agar pengarang tampil matang melalui hasrat dan keinginan bagi melahirkan sebuah karya yang unggul. Dengan demikian pengarang akan berusaha membaiki kelemahan dalam proses kepengarangannya.

Faktor keunggulan kepengarangan yang berperana sebagai puncak mencapai tahap idealisme adalah individualisme sebagaimana diperjelaskan dalam teori teksdealisme sebagai pembentukan karya unggul kerana dapat mempengaruhi hasrat mereka menghasilkan sebuah karya yang luar biasa. Semua pihak haruslah memainkan

peranan dalam mengangkat dunia kepenggarangan sebagai salah satu cabang ilmu sastera yang penting untuk diterokai. Bidang ini dapat membantu pengkaji, pembaca dan lebih utama mampu menarik minat generasi muda dalam dunia kepenggarangan. Kajian ini juga turut memberikan sumbangsan kepada bahan ilmiah untuk dikongsi kepada para pengkaji kepenggarangn yang muda dan akan datang untuk meneruskan kajian ini sekaligus membuktikan bahawa bidang ini sangat penting. Namun, masih banyak lagi aspek keunggulan perlu dikaji oleh pelbagai pihak. Kunci utama keunggulan kepenggarangan sesebuah karya adalah melalui aspek-aspek kepenggarangan serta daya kreatif mereka dalam mengolah tema, persoalan dan pengaruh luaran yang memberikan daya penggerak terhadap pengarang dalam mencapai tahap idealisme, karya yang berjaya akan menyampaikan didikan dan memberikan kesedaran sebagai karya yang unggul.

Kajian ini dijakankan adalah bertujuan untuk memenuhi segala objektif yang diinginkan bagi mengenalpasti, mengkaji dan merumuskan keunggulan kepenggarangan Rosli K Matari dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh melalui prinsip yang mendasari teori Teksdealisme yang mengandungi prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan individualism. Ditegaskan lagi bahawa kajian ini penting bagi mengenalpasti dan menganalisis keunggulan kepenggarangan Rosli K Matari melalui Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh yang memberikan manfaat dan panduan kepada para pengkaji, pengkarya dan pembaca.

RUJUKAN

- Abdillah, N. (2022). Masuk dan Masuk ke dalam Puisi Rosli K. Matari. Dewan Sastera.
- Abas, H. (2001). Puisi-puisi Zaihasra: satu kajian pesimisme (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Ali, A. H., & Ismail, K. (2013). Asas Pembinaan Teori Sastera oleh Sarjana Sastera Di Malaysia. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 1-20
- Afandi, E. GAYA KEPENGARANGAN ANDREA HIRATA DALAM NOVEL SANG PEMIMPI.
- ABU BAKAR, R. O. S. L. I. N. A. (2017). Komunikasi Tradisi dalam Kepengarangan Hikayat Pelanduk Jenaka. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 24(1).
- Ali, T. I. M. T. M., Mamat, M., & Hasan, F. (2017). NOVEL-NOVEL FAISAL TEHRANI DARI PERSPEKTIF TEKSDEALIMSE: FAISAL TEHRANI'S NOVELS FROM TEKSDEALIMSE PERSPECTIVE. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 28(1), 262-287.
- Akhesah, R. (2021). Kepengarangan dan individualiti Rahman Shaari dalam puisi berdasarkan teori teksdealisme dan stilistik.
- Atoh, N. B., & Idris, Z. B (2013). Silime sebagai Kesantunan Berbahasa dalam Syair Siti Zubaidah: Simile as a Language Modesty in Syair Siti Zubaidah. *PENDETA*, 4, 78-95
- Baharuddin, A. Z., & Omar, A. (2018). Pemikiran Mana Sikana dalam Drama: Thought in Mana Sikana's Drama. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 4(1), 32-39.

Cik Saidatul Nadia Md Zain (2021) Kepengarangan Rahimidin Zahari Terhadap Wanita

Dalam Sajak-Sajak Cinta: Satu Penelitian Kritik Feminis. Final Year Project thesis,
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Din, G., & Ali, A. H. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan
kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu.
Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 8(1), 26-41.

Din, G., Ali, A. H., & Sulong, M. A. (2015). Konsep Komunikasi Dan Kepengarangan
Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Teksnaluri. Rumpun Jurnal Persuratan
Melayu, 3(1), 166-186.

Fauzi, H. (2019). Keunggulan kepengarangan Faisal Tehrani dari perspektif
teksdealisme/Fauzi Hasan (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).

Gumilar, T., Prabasmoro, T., & Budhyono, R. (2019). Konsepsi Seni Boris Pasternak Dalam
“Definisi Puisi”. Metahumaniora, 9(3), 375-384.

Ghazali, M. F. M. (2022). Teknik kepengarangan Baha Zain dalam puisi kemanusiaan
terpilih berdasarkan teori teksdealisme (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia
Kelantan).

Harun Mat Piah. (2000). Puisi Melayu Tradisional. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka.

Harun Mat Piah (1989). Puisi Melayu Tradisional:Satu pembicara Genre dan Fungs .Kuala
Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Halimi, M. H. A., & Ya, C. A. C. (2023). Keupayaan Teksdealisme Dalam Mengangkat
Keunggulan Karya Malim Ghozali: Gunung Cha. Jurnal Wacana Sarjana, 7(3), 1-17.

IBRAHIM, A. G., & SULIMAN, M. S. B. PENERAPAN TEORI STILISTIK DAN
TEKSDEALISME BAGI MENGANALISIS PUISI TRI-V.

Jabar, N. A., & IJAZAH, M. (2015). Keunggulan unsur falsafah pendidikan kebangsaan dalam puisi tradisional Melayu komsas (Doctoral dissertation, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris).

Jais, H. (2004). Novel-novel Anwar Ridzwan: Penerapan teori teksdealisme (Doctoral dissertation, Tesis Ijazah Sarjana Universiti Malaya).

Nurul Fariah Hamzah (2023) Sistem Sosial Syair Puteri Alam Melayu Dalam Buku Kumpulan Puisi Syair Puteri: Satu Pengaplikasian Teori Fungsionalisme. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.

Nor Hazwa Azlin Mohd Nor (2019) Penghayatan Alam Dalam Puisi - Puisi Muhammad Haji Salleh: Satu Pendekatan Ekologi

Napiah, A. R. (1996). Teori Sastera Teksdealisme. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
Mana Sikana. (2005). Teori Satera Kontemporari. Singapura: Pustka Karya.

Mana Sikana. (1996, Jun). Membina Keunggulan Menurut Teori Teksdealisme. Dewan Sastera, 29-68.

Mahamad, M. R., Din, G., & Jehwae, P. (2020). Keunggulan kepengarangan novelnovel terpilih Anwar Ridhwan: The Writing Breakthrough of Anwar Ridhwan's Selected Novels.

Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2022) Teknik kepengarangan Baha Zain dalam puisi kemanusiaan terpilih berdasarkan teori teksdealisme. Doctoral thesis, Universiti Malaysia Kelantan.PENDETA, 11(1), 68-87.

Ramli, Muhamad Izzuddin (2022) Kepengarangan Shamsuddin Othman Dalam Kumpulan Puisi Taman Insaniah Menerusi Aspek Intrinsik Dan Pengaruh Retorik Dengan Pengaplikasian Teori Teksdealisme. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.

SULIMAN, M. S., NOR, S. N. M., AB JABAR, N. O. R. D. I. A. N. A., ZAKARIA, N., XUAN, L. Y., & AFANDI, A. S. (2023). PEMBINAAN TEORI TEKSDEALISME DAN PENELITIAN TERHADAP KARYA PUISI KONKRIT. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT), 11(1), 37-53.

Sikana, M. (1996). Teori teksdealisme. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salleh, J. (2001). Kepegarangan Noordin Hassan: Suatu analisis teori teksdealisme (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Said, S. (2000). Kepengarangan Zakaria Arifin: satu analisis teori teksdealisme. Jabatan Persuratan Melayu, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sikana, M. (2015). Sasterawan Negara di takhta keunggulan. ITBM.

Sikana, M. (2006). Tamu di Bukit Kenny karya Usman Awang daripada perspektif teori teksdealisme. In Seminar Pemikiran SN Usman Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.